

**PRESTASI DAN FAKTOR-FAKTOR YANG
MEMPENGARUHI BANK-BANK DI INDONESIA
SEBELUM DAN SELEPAS KRISIS KEWANGAN**

Oleh

HAMDI AGUSTIN

**Tesis ini Diserahkan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
Bagi Memenuhi Syarat Ijazah Doktor Falsafah**

January 2015

**PRESTASI DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
BANK-BANK DI INDONESIA SEBELUM DAN SELEPAS KRISIS
KEWANGAN**

Oleh

HAMDI AGUSTIN
91261

**Tesis ini Diserahkan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
Bagi Memenuhi Syarat Ijazah Doktor Falsafah**

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dan keizinanNya dapat saya menyiapkan disertasi ini. Selawat dan salam kepada Rasulullah SAW yang telah membuka peradaban manusia dari alam jahiliyah ke alam keilmuan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak sama ada individu mahupun organisasi yang telah memberikan kerjasama sepanjang pengajian saya di Universiti Utara Malaysia. Segala bimbingan dan tunjuk ajar Profesor Madya Dr. Rohani Md. Rus dan Profesor Madya Dr. Kamarun Nisham Bin Taufil Mohd sehingga penyelidikan ini siap amat saya hargai.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Profesor Dr. Ir. Hj. Hasan Basri Jumin selaku bekas Rektor Universiti Islam Riau yang telah memberikan keizinan kepada saya untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah ini. Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Dr. Hj. Detri Karya selaku Rektor Universiti Islam Riau atas perhatian yang diberikan sepanjang tempoh saya melanjutkan pengajian ini. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada pihak Kerajaan Provinsi Riau yang membiayai pengajian saya.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada bonda dan almarhum ayahanda yang tidak sempat menikmati kejayaan saya. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas keduanya atas pengorbanan dalam mendidik dan membesarkan saya. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada isteri tersayang Westy Carmelya, dan anak-anak, Lutfia Ahluljannati Hamdi, Lathifa Miftahuljannati Hamdi dan M. Habibullah Zhafran Al-Hamdi, di atas sokongan yang diberikan.

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine whether performance of Indonesian banks is affected by ownership structures, status of banks, total equity, financial crisis, economic growth and financial ratios. Banks performance is measured by cost efficiency and profitability (Data Envelopment Analysis and Profitability (Return on Assets and Return on Equity)). The sample consists of 74 banks namely 56 private banks, 15 BPDs, and three federal banks from 1995 to 2006. The data was analyzed using four methods, namely, ordinary least-squares, general least squares, random effects and tobit regression. Additional analyses were conducted in which extreme data values were adjusted either by using 0.5 percent truncating approach or three standard deviations truncating approach. Data analysis was done for all data from 1995 to 2006. To see the impact of the financial crisis, the data is divided into during and outside crisis periods. The findings from DEA analysis show that government banks are more efficient than private banks or district development banks and regression analysis show that district development banks performed better compared to private banks. The amount of equity affects both the cost efficiency and the profitability of banks while economic growth, financial crisis, and financial ratios affect the profitability of banks. Bank status has no effect on bank performance. This study contributes significantly to the policy makers. They should not change the structure of government-owned local banks in Indonesia, ensure that the political situation is stable, and the economy is well managed. Meanwhile for the bankers, this study shows that first, managers need to increase the amount of equity capital. Second, managers should be aware that providing foreign currency services do not increase bank performance. Third, managers should ensure that the cost is always at an optimal level and finally, they should consider mergers. In addition, this study also enriches the literature on the banking industry in Indonesia as it discusses a unique form of bank ownership in Indonesia, i.e. the district development banks which are owned by the local government.

Keywords: bank performance, district development banks, ownership structure, financial crisis.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sama ada prestasi bank di Indonesia dipengaruhi oleh struktur kepemilikan, status bank, jumlah ekuiti, krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi dan nisbah kewangan. Prestasi bank diukur dengan menggunakan kecekapan kos dan keuntungan bank (analisis penyampulan data (DEA) dan keuntungan (nisbah antara untung bersih dengan jumlah asset dan nisbah antara untung bersih dengan ekuiti). Sampel terdiri dari 74 bank, iaitu; 56 bank swasta, 15 BPD, dan tiga bank kerajaan pusat dari tahun 1995 hingga 2006. Analisis data menggunakan empat kaedah, iaitu; kaedah regresi kuasa dua terkecil, kaedah kuasa dua terkecil umum, kaedah kesan rawak dan regresi tobit. Analisis tambahan dilakukan di mana data-data yang ekstrem diubah nilai sama ada dengan menggunakan pendekatan pemotongan 0.5 peratus, dan kaedah pemotongan tiga sisihan piawai. Analisis data dilakukan untuk semua data dari tahun 1995 hingga 2006. Untuk melihat kesan krisis kewangan, data dibahagi kepada semasa krisis dan di luar tempoh krisis kewangan. Dapatan kajian dari analisis DEA menunjukkan bahawa bank kerajaan adalah lebih cekap berbanding bank swasta atau bank pembangunan daerah dan analisis regresi menunjukkan bahawa bank pembangunan daerah (BPD) mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding bank swasta. Jumlah ekuiti mempengaruhi kecekapan dan keuntungan bank manakala pertumbuhan ekonomi, krisis kewangan, dan nisbah-nisbah kewangan mempengaruhi keuntungan bank. Status bank pula tidak mempengaruhi prestasi bank. Kajian ini menyumbangkan secara signifikan kepada penggubal dasar. Mereka tidak perlu mengubah struktur bank milik kerajaan tempatan di Indonesia, memastikan bahawa keadaan politik adalah stabil, dan ekonomi negara diuruskan dengan baik. Sumbangan kajian untuk pengurus bank ialah: Pertama, pengurus perlu untuk meningkatkan jumlah modal ekuiti. Kedua, pengurus perlu menyedari bahawa penyediaan perkhidmatan matawang asing tidak meningkatkan prestasi bank. Ketiga, memastikan kos sentiasa berada pada tahap yang optimum, dan terakhir mempertimbangkan penggabungan bank. Selain itu, kajian ini juga memperkayakan karya mengenai industri perbankan apabila ia membincangkan satu bentuk pemilikan bank yang unik yang terdapat di Indonesia, iaitu bank pembangunan daerah yang dimiliki oleh kerajaan tempatan.

Kata kunci: prestasi bank, bank pembangunan daerah, struktur pemilikan, krisis kewangan

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
TAJUK	i
PERAKUAN KERJA TESIS	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRACT	v
ABSTRAK	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
BAB I : PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang	1
1.1 Pernyataan Masalah	13
1.2 Persoalan Kajian	16
1.3 Tujuan Kajian	17
1.4 Kepentingan Kajian	18
1.5 Skop Kajian	20
1.6 Penyusunan Tesis	21
BAB 2 : PERBANKAN INDONESIA	
2.0 Pengenalan	22
2.1 Struktur Bank di Indonesia	22
2.1.1 Fungsi Bank	22

2.1.2	Pemilikan Bank	25
2.1.3	Status Bank	26
2.2	Struktur Pemilikan Bank di Indonesia	27
2.3	Prestasi Kewangan Bank di Indonesia	31
2.4	Kesimpulan	39
BAB 3 : ULASAN KARYA		
3.0	Pengenalan	40
3.1	Kerangka Teori	40
	3.1.1 Teori Perantara Kewangan	41
	3.1.2 Teori Agensi	43
	3.1.3 Teori Pengemudian	48
	3.1.4 Teori Struktur Modal	49
3.2	Kesan Krisis Ekonomi dan Pertumbuhan Ekonomi terhadap Industri Perbankan	51
3.3	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Bank	55
	3.3.1 Struktur Pemilikan Bank	56
	3.3.2 Status Bank	63
	3.3.3 Syarat Minimum Ekuiti	65
	3.3.4 Krisis Kewangan	67
	3.3.5 Pertumbuhan Ekonomi	68
	3.3.6 Pembolehkan Kawalan	75
	3.3.6.1 Nisbah Ekuiti kepada Jumlah Aset	76

3.3.6.2	Nisbah Pinjaman kepada Jumlah Aset	84
3.3.6.3	Nisbah Belanja Operasi kepada Jumlah Aset	90
3.3.6.4	Nisbah Deposit kepada Jumlah Pinjaman	93
3.3.6.5	Jumlah Aset	93
3.4	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecekapan Kos	100
3.4.1	Struktur Pemilikan Bank	101
3.4.2	Status Bank	104
3.4.3	Syarat Minimum Ekuiti	104
3.4.4	Krisis Kewangan	105
3.4.5	Pertumbuhan Ekonomi	105
3.4.6	Pembolehubah Kawalan	106
3.3.6.1	Nisbah Ekuiti kepada Jumlah Aset	106
3.3.6.2	Nisbah Pinjaman kepada Jumlah Aset	107
3.3.6.3	Nisbah Belanja Operasi kepada Jumlah Aset	110
3.3.6.4	Nisbah Deposit kepada Jumlah Pinjaman	110
3.3.6.5	Jumlah Aset	112
3.5	Penutup	115
 BAB 4: METODOLOGI KAJIAN		
4.0	Pengenalan	116
4.1	Populasi dan Sampel	116
4.2	Pembolehubah Kajian dan Hipotesis	118
4.2.1	Prestasi Bank	118

4.2.2	Struktur Pemilikan Bank	121
4.2.3	<i>Dummy</i> Status Bank	123
4.2.4	<i>Dummy</i> Ekuiti	123
4.2.5	<i>Dummy</i> Krisis Kewangan	124
4.2.6	Pertumbuhan Ekonomi	125
4.2.7	Nisbah Ekuiti	126
4.2.8	Nisbah Pinjaman	128
4.2.9	Nisbah Kos	130
4.2.10	Nisbah Deposit	131
4.2.11	Saiz	131
4.3	Pengujian Data	133
4.3.1	Pendekatan Kuasa Dua Terkecil (<i>least squares</i>)	136
4.3.2	Pendekatan Kesan Rawak (<i>random effect</i>)	137
4.3.3	Pengujian Data untuk Kecekapan Kos	138
4.4	Kesesuaian Penggunaan OLS untuk ROA dan ROE	141
4.5	Penutup	142
 BAB 5: HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN		
5.0	Pengenalan	143
5.1	Statistik Deskriptif	143
5.1.1	Data Deskriptif Pembolehubah untuk Semua Bank	144
5.1.2	Perbezaan Pemilikan Bank di Indonesia	150
5.2	Hasil Analisis Korelasi	157

5.3	Hasil Analisis Regresi	158
	5.3.1 Analisis Data Menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil	161
	5.3.2 Perbincangan	166
	5.3.3 Kesan Rawak (<i>Random Effect</i>)	178
	5.3.4 Analisis “Robust”	180
	5.3.4.1 Kaedah Pemotongan 0.5 Peratus	181
	5.3.4.2 Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai	185
5.4	Perbezaan Kecekapan Kos Pemilikan Bank di Indonesia	193
5.5	Hasil Analisis Tobit	196
5.6	Rumusan Hasil Kajian	200
 BAB 6: KESIMPULAN		
6.0	Tinjauan Tesis	203
6.1	Metodologi dan Hasil Kajian	205
6.2	Sumbangan Kajian	217
6.3	Kekangan Kajian	219
6.4	Hala Tuju Kajian Masa Hadapan	220
 RUJUKAN		222
 LAMPIRAN		246

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
Jadual 1.1: Prestasi Perbankan Nasional (semua angka dalam peratus)	2
Jadual 1.2: Jumlah Bank di Indonesia Tahun 1995-2005	9
Jadual 1.3: Perubahan Struktur Pemilikan Bank di Indonesia Sebelum dan Selepas Krisis Kewangan	12
Jadual 2.1: Perbezaan Struktur Pemilikan Bank di Indonesia	28
Jadual 2.2: Jumlah Deposit Mengikut Kumpulan Bank di Indonesia daripada Tahun 1995 hingga 2006 (Bilion Rupiah)	34
Jadual 2.3: Pemberian Pinjaman Mengikut Kumpulan Bank di Indonesia daripada Tahun 1995 hingga 2006 (Bilion Rupiah)	37
Jadual 3.1: Ringkasan Sorotan Karya Kesan Struktur Pemilikan terhadap Prestasi Bank	59
Jadual 3.2: Ringkasan Sorotan Karya Kesan Status Bank terhadap Prestasi Bank	64
Jadual 3.3: Jumlah Modal Bank Kurang dari 100 Bilion Rupiah	65
Jadual 3.4: Ringkasan Sorotan Karya Kesan Krisis Kewangan terhadap Prestasi Bank	69
Jadual 3.5: Ringkasan Sorotan Karya Kesan Pertumbuhan Ekonomi terhadap Prestasi Bank	71
Jadual 3.6: Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Prestasi Bank	77
Jadual 3.7: Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Pinjaman terhadap Prestasi Bank	86

Jadual 3.8:	Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Kos Operasi terhadap Prestasi Bank	91
Jadual 3.9:	Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Prestasi Bank	96
Jadual 3.10:	Ringkasan Sorotan Karya Pemilikan Bank terhadap Kecekapan Kos	102
Jadual 3.11:	Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Kecekapan Kos	108
Jadual 3.12:	Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Pinjaman terhadap Kecekapan Kos	111
Jadual 3.13:	Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Kecekapan Kos	113
Jadual 4.1:	Pembahagian Pemilikan Bank	117
Jadual 5.1:	Data Deskriptif Pembolehubah Semua Bank	145
Jadual 5.2:	Data Deskriptif Semasa Krisis Kewangan dan di Luar Tempoh Krisis Kewangan	146
Jadual 5.3:	Perbandingan Purata dan Sisihan Piawai untuk Pembolehubah Terpilih Berdasarkan Pemilikan Bank	151
Jadual 5.4:	Matrik Korelasi Pembolehubah	159
Jadual 5.5:	Nilai Faktor Inflasi Varians (VIF) untuk Pembolehubah Tidak Bersandar	160
Jadual 5.6:	Hasil Regresi ROA dan ROE Menggunakan Kaedah OLS	162
Jadual 5.7:	Hasil Regresi ROA dan ROE Menggunakan Kaedah GLS	164
Jadual 5.8:	Hasil Regresi Semasa Krisis Kewangan dan di Luar Tempoh Krisis Kewangan Menggunakan Kaedah GLS	167

Jadual 5.9:	Hasil Regresi ROA dan ROE Menggunakan Kesan Rawak	179
Jadual 5.10:	Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan 0.5 peratus	183
Jadual 5.11:	Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan 0.5 Peratus Semasa Krisis Kewangan	186
Jadual 5.12:	Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan 0.5 Peratus di Luar Tempoh Krisis Kewangan	187
Jadual 5.13:	Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai	189
Jadual 5.14:	Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai Semasa Krisis Kewangan	191
Jadual 5.15:	Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai di Luar Tempoh Krisis Kewangan	192
Jadual 5.16:	Data Deskriptif Pembolehubah Kecekapan Kos	193
Jadual 5.17:	Perbandingan Purata dan Sisihan Piawai untuk Kecekapan Kos Pemilikan Bank	194
Jadual 5.18:	Model 1: Hasil Regresi Tobit	197
Jadual 5.19:	Model 1: Hasil Regresi Tobit: Kesan Rawak Tobit	199

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 1.1: Nilai Pertukaran Rupiah terhadap Dolar Amerika	5
Rajah 1.2: Nilai Indeks Harga Saham Gabungan (IHSG)	6
Rajah 1.3: Kadar Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	7
Rajah 2.1: Sistem Lembaga Kewangan Bank di Indonesia	24
Rajah 3.1: Faktor-faktor yang Menyebabkan Krisis Kewangan dan Perbankan	54
Rajah 4.1: Kerangka Konseptual Kajian	134

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Bank adalah satu lembaga yang menghimpun dana dari pendeposit dalam bentuk simpanan dan menyalurkannya kepada peminjam dengan tujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Bank mempunyai fungsi yang sangat strategik dalam pembangunan negara. Fungsi utamanya sebagai penghimpun dan penyalur dana telah dapat membantu meningkatkan pembangunan ekonomi dan negara serta kestabilan nasional ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat (Surifah, 2002).

Berdasarkan fungsi bank tersebut maka perniagaan bank berbeza dengan perniagaan sebuah syarikat kerana sebahagian besar aktiviti bank adalah aktiviti wang tunai dan tingkat perputaran kecairannya sangat tinggi. Perniagaan perbankan adalah berteraskan kepercayaan masyarakat sebagai pengguna perkhidmatan perbankan. Jika terdapat apa-apa masalah yang mengganggu operasi bank, kepercayaan masyarakat terhadap bank akan terjejas. Kesannya, mereka akan mengeluarkan dana mereka dari bank dan keadaan ini akan menimbulkan masalah kepada bank sekiranya pengeluaran yang dilakukan adalah secara besar-besaran.

Jadual 1.1

Prestasi Perbankan Nasional (semua angka dalam peratus)

Keterangan	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Nisbah hutang lapuk (kasar)	10.4	9.5	8.1	50	32.8	18.8	12.1	8.1	8.2	5.8	8.3	7.0
Nisbah hutang lapuk (bersih)	n.a ^a	n.a ^a	n.a ^a	n.a ^a	7.3	5.8	3.6	2.1	3.0	1.7	4.8	3.6
Pulangan atas aset	1.13	1.22	1.37	-18.76	-6.14	1.56	1.45	1.96	2.5	3.5	2.6	2.6
Kos operasi kepada pendapatan operasi	92	92	95	148.14	154.16	98.12	98.41	94.76	88.8	76.6	81.7	86.4
Nisbah modal	11.85	11.82	9.19	-15.68	-9.11	12.46	19.93	22.44	19.4	19.4	19.5	20.5
Nisbah pinjaman kepada deposit	n.a ^a	78.31	86.43	72.37	26.16	33.41	38.4	40.1	44.5	51.9	54.0	53.3
Nisbah alat cair kepada simpanan ^b	3.16	5.50	7.36	8.19	8.88	9.34	12.0	13.7	15.1	14.9	15.8	22.0

^aData tidak diperolehi.

^bInstrumen cair semua dana tunai bank.

Sumber: Bank Indonesia 2000 dan 2007

Bank yang menunjukkan prestasi yang baik selalunya akan mendapat keuntungan yang tinggi dan mampu memberikan dividen yang baik kepada pemegang sahamnya. Nilai saham bank sebegini akan meningkat dan ini akan meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada bank tersebut. Kepercayaan dan kesetiaan pemilik dana terhadap bank merupakan faktor yang sangat membantu dan ini akan memudahkan pihak pengurusan bank untuk menyusun strategi yang lebih baik.


Jadual 1.1 menunjukkan prestasi perbankan secara keseluruhan di Indonesia sebelum dan semasa krisis kewangan. Dari sini dapat dilihat bahawa prestasi bank pada tahun 1996 adalah baik. Nisbah kos operasi terhadap pendapatan operasi adalah 92%, nisbah pulangan atas aset adalah 1.22%, nisbah modal adalah 11.82% dan nisbah hutang lapuk (kasar) sebanyak 9.5%. Namun apabila terjadi krisis kewangan pada pertengahan tahun 1997 dan diikuti dengan ketidakstabilan politik, sektor perbankan telah mengalami kesulitan kewangan dan mengalami perubahan yang amat ketara. Ini disebabkan oleh beberapa kelemahan yang terdapat pada industri perbankan seperti masalah hutang lapuk dan ia diburukkan lagi dengan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat bukan kewangan yang merupakan pelanggan utama untuk industri perbankan.

Rajah 1.1 dan 1.2 menunjukkan kesan krisis kewangan dan politik terhadap keadaan pertukaran matawang rupiah berbanding dollar Amerika dan terhadap nilai saham di


Bursa Efek Jakarta (BEJ)¹. Kedua-dua rajah tersebut menunjukkan bahawa nilai rupiah dan nilai saham telah jatuh dengan begitu ketara pada tahun 1998. Rajah 1.3 pula menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi Indonesia berada pada tahap terendah iaitu -13.1% pada tahun 1998. Ini menunjukkan bahawa krisis ekonomi dan politik Indonesia mencapai kemuncaknya pada tahun 1998.

Rajah 1.1 menunjukkan bahawa dari tahun 1995 hingga pertengahan tahun 1997 kadar pertukaran rupiah terhadap dollar Amerika adalah stabil iaitu di antara Rp2,000/USD dan Rp3,000/USD. Apabila krisis kewangan berlaku pada pertengahan tahun 1997, nilai rupiah terjejas teruk dan nilainya jatuh sehingga ke Rp10,000/USD. Pada akhir tahun 1997 berlaku tekanan terhadap matawang serantau negara-negara ASEAN termasuk matawang rupiah. Nilai rupiah meningkat pada bulan Mac 1998 kepada Rp8,000/USD tetapi keadaan politik yang tidak stabil seperti demonstrasi besar-besaran anti-order baru dan anti-Suharto dan tindakan tegas terhadap aktivis reformasi termasuk penembakan telah menyebabkan nilai rupiah semakin tidak stabil. Akhirnya Suharto terpaksa mengundurkan diri pada 21 Mei 1998 dan ini menyebabkan kadar pertukaran rupiah menjunam kepada Rp14,900/USD.


¹ Nama baru ialah Bursa Efek Indonesia (BEI).



Rajah 1.1
 Nilai Pertukaran Rupiah terhadap Dolar Amerika
 Sumber: Bank Indonesia 2000 dan 2007



Rajah 1.2
 Nilai Indeks Harga Saham Gabungan (IHSG)
 Sumber: Bank Indonesia 2000 dan 2007



Rajah 1.3
Kadar Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
 Sumber: Bank Indonesia 2000 dan 2007

Selepas Suharto mengundur diri dan diganti oleh Professor Habibie, kadar pertukaran rupiah kembali normal kepada Rp8,000/USD. Namun ketidakstabilan politik terus berlaku apabila para aktivis meminta supaya diadakan pilihanraya. Semasa Professor Habibie berundur pada tahun 1999, indeks saham mencecah paras terendah iaitu 276.15. Berikutan keputusan pilihanraya, K. H. Abdurrahman Wahid atau lebih dikenali sebagai Gus Dur telah dilantik sebagai Presiden Indonesia yang baru pada 20 Oktober 1999.

Krisis kewangan dan politik memberi kesan kepada prestasi bank pada tahun 1998. Jadual 1.1 menunjukkan nisbah hutang lapuk (kasar) meningkat kepada 50%, pulangan atas aset menurun kepada -18.76%, kos operasi kepada pendapatan operasi meningkat kepada 148.14% dan nisbah modal berkurang kepada -15.68%. Walaupun prestasi bank pada tahun 1999 adalah lebih baik daripada tahun 1998, pulangan atas aset dan nisbah modal masih negatif dan kos operasi masih melebihi pendapatan operasi. Keadaan ini mengakibatkan banyak bank mengalami kesulitan kewangan dan sektor perbankan mengalami ancaman kebangkrapan.

Jadual 1.1 pula menunjukkan bahawa prestasi bank telah pulih sepenuhnya selepas berlakunya krisis kewangan dan politik. Semua nisbah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding tahun 1998 dan 1999. Ini menandakan bahawa mulai tahun 2000 sektor perbankan di Indonesia telah pulih daripada krisis kewangan.

Jadual 1.2 menunjukkan jumlah bank di Indonesia telah berkurangan daripada 240 buah pada tahun 1995 kepada 131 buah bank pada tahun 2006. Pengurangan paling ketara berlaku semasa krisis kewangan dan politik, iaitu di antara 1997 hingga 1999 di mana jumlah bank telah berkurangan sebanyak 76 buah daripada 239 pada tahun 1996 kepada 163 pada akhir tahun 1999. Ini menunjukkan krisis kewangan dan politik memberi kesan yang ketara kepada kelangsungan bank di Indonesia.

Jadual 1.2
Jumlah Bank di Indonesia Tahun 1995-2006

Tahun	Bank kerajaan	BPD	Bank swasta	Bank asing dan campuran	Jumlah
1995	7	27	165	41	240
1996	7	27	164	41	239
1997	7	27	144	41	219
1998	7	27	130	40	204
1999	5	27	92	39	163
2000	5	26	81	39	151
2001	5	26	80	34	145
2002	5	26	77	34	142
2003	5	26	76	31	138
2004	5	26	72	31	134
2005	5	26	71	29	131
2006	5	26	71	29	131

Sumber: Statistik Ekonomi Kewangan Indonesia 2007

Pemilikan bank di Indonesia dapat dibahagikan kepada bank kerajaan, bank swasta nasional dan bank asing². Bank kerajaan pula terbahagi kepada bank milik kerajaan pusat dan bank milik kerajaan tempatan atau bank pembangunan daerah (BPD). Bank kerajaan pusat boleh membuka cawangan di seluruh daerah di Indonesia, manakala bank pembangunan daerah hanya beroperasi di daerahnya sahaja. Indonesia dibahagi kepada 26 buah daerah, oleh itu terdapat 26 buah BPD.

Jadual 1.3 menunjukkan jumlah pegangan aset untuk ketiga-tiga jenis bank. Pada tahun 1996, sebelum krisis kewangan berlaku, terdapat tujuh buah bank kerajaan pusat dengan jumlah aset sebanyak 36.4% daripada keseluruhan aset bank, 165 buah bank swasta nasional dengan jumlah aset sebanyak 51.7%, 27 buah bank pembangunan daerah dengan jumlah aset sebanyak 2.8% dan 41 buah bank asing dengan jumlah aset sebanyak 9.2%. Ekoran krisis kewangan, kerajaan membuat penyusunan semula bank milik kerajaan. Empat buah bank kerajaan pusat yang terdiri dari Bank Bapindo, Bank Exim, Bank Bumi Daya dan Bank Dagang Negara digabungkan menjadi Bank Mandiri. Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah lagi bank iaitu Bank Ekspor pada tahun 2000 dan ini menjadikan jumlah bank kerajaan pada akhir tahun 2000 sebanyak lima buah bank.

Tindakan ini telah meningkatkan aset bank kerajaan pusat kepada 50.3% daripada keseluruhan aset bank pada tahun 2000. Sementara itu, jumlah bank swasta nasional telah berkurangan kepada 81 buah dengan jumlah aset menurun kepada 34.9%. Bank

² Bank asing tidak dimasukkan di dalam sampel kajian ini kerana masalah kutipan data.

pembangunan daerah pula berkurangan daripada 27 kepada 26 buah bank kerana daerah Timor-timur berpisah dari Indonesia. Jumlah aset BPD adalah 2.5%. Akhir sekali, jumlah bank asing berkurangan kepada 39 buah dengan jumlah aset sebanyak 12.2%.

Pada tahun 2002, jumlah bank asing mengalami penurunan ketara daripada 39 buah kepada 31 buah, dengan jumlah aset menurun kepada 10.3%. Jumlah bank kerajaan dan BPD tidak berubah. Walau bagaimanapun jumlah aset bank kerajaan pusat berkurang kepada 45.6% manakala jumlah aset BPD meningkat kepada 5.3%. Jumlah bank swasta nasional berkurangan dari 81 buah kepada 76 buah tetapi jumlah aset meningkat daripada 34.9% menjadi 38.9%. Kesimpulannya bank kerajaan pusat mempunyai jumlah aset yang paling besar manakala BPD mempunyai jumlah aset yang paling kecil. BPD tidak berubah jumlahnya walaupun dilanda krisis kewangan. Jadual 1.3 juga menunjukkan bahawa jumlah BPD tidak dipengaruhi oleh krisis kewangan dan politik. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tempatan mempunyai insentif untuk memastikan kelangsungan BPD.

Jadual 1.3

Perubahan Struktur Pemilikan Bank di Indonesia Sebelum dan Selepas Krisis Kewangan

Struktur pemilikan bank	Tahun 1996 Sebelum krisis kewangan			Tahun 2000 Selepas penyusunan semula				Tahun 2002 Selepas kerajaan menjual sebahagian saham			
	Jumlah bank	Jumlah aset (trilion rupiah)	Peratus jumlah aset		Jumlah bank	Jumlah aset (trilion rupiah)	Peratus jumlah aset	Kerajaan menjual sebahagian saham	Jumlah bank	Jumlah aset (trilion rupiah)	Peratus jumlah aset
Bank kerajaan	7	141	36.4		5	505	50.3		5	496	45.6
Bank swasta nasional	165	201	51.7	Jumlah bank swasta	81	350	34.9	Jumlah bank swasta	76	423	38.9
				Jumlah bank yang disusun semula melalui:	11	274	27.3	Jumlah bank yang disusun semula melalui:	7	291	26.7
				• Nasionalisasi	4	205	20.4	• Bank dijual kepada pelabur asing	4	223	20.5
				• Permodalan semula	7	69	6.9	• Bank tidak dijual kepada pelabur asing	3	67	6.2
Bank tidak disusun semula	70	76	7.6	Bank tidak disusun semula	69	132	12.2				
Bank asing	41	36	9.2	Bank asing	39	123	12.2	Bank asing	31	112	10.3
Bank pembangunan daerah	27	11	2.8	Bank pembangunan daerah	26	25	2.5	Bank pembangunan daerah	26	57	5.3
Jumlah	239	389	100.0	Jumlah	151	1,004	100.0	Jumlah	138	1,088	100.0

Sumber: Sato 2005

1.1 Pernyataan Masalah

Prestasi sesebuah bank berhubung rapat dengan peranan dan fungsi pengurusan bank tersebut. Oleh itu, daya saing sesebuah bank sangat bergantung kepada kemampuan seorang pengurus untuk mengelola bank masing-masing. Di samping besarnya peranan pengurus dalam mengelola bank agar dapat menghasilkan prestasi yang baik, peranan pemilik bank juga sangat penting kerana pemilik bank akan menentukan pemilihan pengurus. Pemilik sesebuah bank, seperti halnya pemilik syarikat lain ataupun pelabur, sentiasa berkeinginan untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum dengan meminimumkan risiko perniagaan. Pemilik bank menginginkan pengurusnya mengoptimumkan sumber daya yang ada pada bank tersebut sehingga pengurus mampu menghasilkan keuntungan yang maksimum dan mengurus bank secepat mungkin.

Oleh sebab itu, kontrak prestasi akan di bentuk di antara pemilik dan pengurus bank agar kepentingan pengurus dan kepentingan pemilik adalah sejajar. Kontrak prestasi akan dibentuk supaya pampasan yang diterima oleh pengurus berkait rapat dengan prestasi bank. Hubungan kontrak antara pemilik dan pengurus adalah bersesuaian dengan teori agensi (Jensen & Meckling, 1976).

Memandangkan kepentingan hubungan di antara pemilik dan pengurus bank, maka satu kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk melihat hubungan di antara

bank yang dimiliki oleh pihak swasta, kerajaan atau BPD dan prestasi bank. Di dalam kajian ini, Prestasi bank merujuk kepada dua perkara iaitu pertama, keupayaan bank di dalam menjana keuntungan dan kedua, kecekapan bank.

Hasil kajian di kebanyakan negara menunjukkan bank milik swasta mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding bank kerajaan (Berger *et al.*, 2005; Micco *et al.*, 2007; Iannotta *et al.*, 2007; Fu & Heffernan, 2009; Dietrich & Wanzenried, 2009 Andries dan Cocris, 2010; Kaur dan Kaur (2013). Di Indonesia, kajian yang dijalankan oleh Hadad *et al.* (2003) dan Fernandez *et al.* (2005) mendapati bahawa struktur pemilikan bank samada bank swasta, bank kerajaan atau bank asing tidak mempengaruhi keuntungan bank. Sementara itu, hasil kajian Wardana dan Djumahir (2013) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kecekapan bank swasta dengan bank kerajaan di Indonesia. Oleh kerana terdapat perbezaan hasil kajian di antara prestasi bank kerajaan dan bank swasta dan tidak ada kajian yang melihat kepada bank yang dimiliki oleh sesuatu daerah, iaitu BPD, maka satu kajian yang lebih terperinci mengenai prestasi bank swasta, bank kerajaan pusat dan BPD di Indonesia perlu dijalankan.

Selain itu, di Indonesia terdapat dua status bank iaitu bank devisa dan bank bukan devisa. Bank devisa adalah bank yang mendapat kebenaran dari Bank Indonesia untuk melakukan kegiatan perbankan dalam matawang asing seperti pindahan wang keluar negara, jual beli matawang asing, pembayaran surat kredit dan perkhidmatan-

perkhidmatan matawang asing yang lain. Oleh kerana belum ada kajian terperinci yang dilakukan untuk melihat hubungan di antara status bank dan prestasi bank, maka satu kajian perlu dilakukan untuk mengkaji hubungan tersebut.

Kajian ini juga akan menyiasat keberkesanan Arkitektur Perbankan Indonesia (*Indonesian banking architecture* atau API) di mana mengikut pelan tersebut, pada tahun 2011, semua pemilikan bank di Indonesia mesti mempunyai modal minimum sebanyak 100 billion rupiah. Bank Indonesia memperkenalkan peraturan ini untuk membolehkan bank-bank menghadapi saat-saat genting seperti semasa krisis kewangan. Oleh itu, kajian ini yang menggunakan data sebelum, semasa dan selepas krisis kewangan akan dapat menguji kesan modal minimum sebanyak 100 bilion rupiah ke atas prestasi bank.

Indonesia juga mengalami krisis kewangan dan politik yang serius pada pertengahan tahun 1997 sehingga tahun 1999. Krisis ini mengakibatkan keuntungan kebanyakan bank merosot. Bank-bank juga mengalami masalah kesulitan kewangan dan ancaman kebangkrutan. Kajian ini akan melihat kepada kesan krisis kewangan terhadap prestasi bank iaitu keuntungan dan kecekapan.

Pertumbuhan ekonomi merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan negara kerana pertumbuhan ekonomi mencerminkan “kesihatan” sesebuah negara. Pertumbuhan ekonomi yang bernilai positif menunjukkan kegiatan ekonomi

mengalami peningkatan sedangkan pertumbuhan ekonomi yang negatif menunjukkan kegiatan ekonomi mengalami penurunan. Oleh kerana industri bank bersifat *cyclical*, pertumbuhan ekonomi akan memberi kesan yang besar kepada prestasi bank. Namun begitu, tidak banyak kajian yang telah dilakukan untuk melihat hubungan di antara pertumbuhan ekonomi dengan prestasi bank. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan untuk melihat pengaruh pertumbuhan ekonomi terhadap prestasi bank.

Kerajaan telah menetapkan melalui Surat Keputusan Direksi BI No.30/11/Kep/DIR pada 30 April 1997 bahawa prestasi perbankan di Indonesia boleh dinilai dengan menggunakan lima aspek iaitu modal, aset, pengurusan, pendapatan dan kecairan, atau lebih dikenali sebagai CAMEL. Aspek-aspek tersebut menggunakan nisbah kewangan bank. Kajian di Indonesia yang menggunakan CAMEL telah dilakukan oleh Surifah (2002), Payamta dan Machfoedz (2002), Haryati (2002), Etty dan Syahrir (2005) dan Luciana dan Winny (2005), tetapi kajian yang mengaitkan CAMEL dengan prestasi bank, yang diukur dengan menggunakan ROA, ROE dan kecekapan adalah terhad. Oleh itu satu kajian yang menggabungkan sebahagian ukuran CAMEL dan prestasi (berdasarkan ROA dan ROE) perlu dijalankan.

1.2 Persoalan Kajian

Daripada pernyataan masalah di atas, beberapa persoalan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Bagaimanakah pengaruh struktur pemilikan terhadap prestasi bank di Indonesia?
2. Bagaimanakah pengaruh status bank terhadap prestasi bank di Indonesia?
3. Bagaimanakah pengaruh syarat minimum ekuiti terhadap prestasi bank di Indonesia?
4. Bagaimanakah pengaruh krisis kewangan terhadap prestasi bank di Indonesia?
5. Bagaimanakah pengaruh pertumbuhan ekonomi terhadap prestasi bank di Indonesia?
6. Bagaimanakah pengaruh nisbah kewangan terhadap prestasi bank di Indonesia?

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai prestasi bank. Prestasi bank akan diukur dengan menggunakan keuntungan dan kecekapan. Kajian ini akan melihat samada prestasi bank dipengaruhi oleh struktur pemilikan, status bank, jumlah ekuiti, krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi dan nisbah kewangan. Nisbah-nisbah kewangan yang digunakan ialah ekuiti kepada jumlah aset, pinjaman kepada jumlah aset, belanja operasi atau kos kepada jumlah aset, deposit kepada jumlah pinjaman dan jumlah aset. Tujuan khusus kajian ialah :

1. Untuk menilai pengaruh struktur kepemilikan terhadap prestasi bank di Indonesia.
2. Untuk menilai pengaruh status bank terhadap prestasi bank di Indonesia.

3. Untuk menilai pengaruh syarat minimum ekuiti terhadap prestasi bank di Indonesia.
4. Untuk menilai pengaruh krisis kewangan terhadap prestasi bank di Indonesia.
5. Untuk menilai pengaruh pertumbuhan ekonomi terhadap prestasi bank di Indonesia.
6. Untuk menilai pengaruh nisbah-nisbah kewangan terhadap prestasi bank di Indonesia.

1.4 Kepentingan Kajian

Bank pembangunan daerah (BPD) adalah satu bentuk bank yang unik di Indonesia. BPD merupakan bank yang dimiliki oleh kerajaan tempatan dan hanya beroperasi di daerahnya sahaja, manakala bank kerajaan pusat boleh membuka cawangan di seluruh daerah di Indonesia. Ini ialah kajian pertama yang melihat kepada prestasi BPD berbanding dengan bank swasta nasional dan bank kerajaan.

Kajian ini juga melihat kepada status bank devisa dan bukan devisa. Kajian melihat pengaruh status bank terhadap keuntungan bank pernah dijalankan oleh Febriyani dan Zulfadin (2003), Lestari dan Sugiharto (2007), Kirana (2009) dan Hosniah dan Prihartoro (2010). Hasil kajian mereka membandingkan prestasi bank devisa dan bank bukan devisa dengan menggunakan analisis satu pembolehubah (*univariate analysis*). Walau bagaimanapun belum pernah ada kajian yang menjadikan satus bank sebagai satu daripada pembolehubah dalam konteks analisis berbagai pembolehubah

(*multivariate analysis*) dan belum ada kajian yang mengaitkan status bank dengan kecekapan bank. Ini adalah kajian pertama yang mengkaji samada status bank mempengaruhi prestasi bank dengan menggunakan data dari tahun 1995-2006, di mana dalam tempoh tersebut berlaku krisis ekonomi di Indonesia. Krisis ekonomi ini sepatutnya mempengaruhi keuntungan bank devisa yang terlibat dengan matawang asing.

Ekuiti memainkan peranan penting dalam permodalan bank. Oleh itu, kerajaan Indonesia telah memperkenalkan API yang menetapkan semua bank mempunyai modal minimum sebanyak 100 bilion rupiah. Setakat ini tiada kajian yang melihat kepada kesan ekuiti terhadap prestasi bank. Ini adalah kajian pertama yang mengkaji samada ekuiti bank mempengaruhi prestasi bank dengan menggunakan data dari tahun 1995 hingga 2006.

Krisis kewangan bermula pada pertengahan tahun 1997. Krisis kewangan menyebabkan bank-bank mengalami masalah kewangan dan mengakibatkan perubahan struktur perbankan yang amat ketara. Ini disebabkan oleh pelbagai kelemahan yang ada di dalam industri perbankan dan diburukkan lagi dengan krisis kewangan, krisis kecairan dan kebangkrapan yang dihadapi oleh syarikat konglomerat di Indonesia. Kajian ini dapat mengembangkan karya berkaitan krisis kewangan terhadap prestasi bank di Indonesia.

Pertumbuhan ekonomi mempengaruhi prestasi bank. Pertumbuhan ekonomi yang positif akan meningkatkan permintaan pinjaman daripada bank. Peningkatan pinjaman yang disertai dengan kebolehan peminjam untuk membayar balik semasa keadaan ekonomi baik akan membantu meningkatkan prestasi bank. Oleh itu kajian ini akan melihat hubungan di antara kesan pertumbuhan ekonomi dan prestasi bank.

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh penggubal dasar, pihak pengurusan bank dan pelabur. Hasil kajian berkaitan struktur pemilikan, status bank dan syarat minimum modal ekuiti dapat membantu penggubal dasar di dalam menerapkan polisi yang lebih berkesan. Untuk pengurus bank, pelabur dan pemilik bank, hasil kajian ini akan menunjukkan samada status bank, syarat modal minimum ekuiti dan nisbah kewangan mempengaruhi keuntungan dan kecekapan bank. Selain itu hasil kajian ini juga menentukan tingkat kecekapan untuk setiap jenis kepemilikan bank di Indonesia. Berdasarkan hasil kajian ini pihak pengurus bank boleh mengambil langkah berkaitan untuk meningkatkan prestasi bank.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan menganalisis prestasi bank dari tahun 1995-2006 bagi tiga kumpulan bank. Sampel kajian terdiri dari tiga buah bank kerajaan, 56 buah bank swasta nasional dan 15 buah bank pembangunan daerah (BPD).

1.6 Penyusunan Tesis

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab Satu ialah pengenalan terhadap kajian. Kandungan Bab Satu meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Seterusnya Bab Dua membincangkan struktur sistem perbankan di Indonesia secara lebih terperinci. Kandungan Bab Dua melihat kepada bentuk pemilikan bank di Indonesia. Selanjutnya ia menerangkan mengenai prestasi kewangan bank di Indonesia.

Bab Tiga membincangkan ulasan karya berkaitan dengan kajian. Ulasan karya mengenai teori dan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi bank yang terdiri daripada struktur pemilikan, status bank, jumlah ekuiti, krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi dan nisbah kewangan akan dibincangkan secara terperinci.

Bab Empat menerangkan metodologi yang digunakan di dalam kajian ini. Ia membincangkan tentang populasi, sampel, pembolehubah kajian, hipotesis dan pengujian data. Seterusnya Bab Lima membincangkan hasil kajian. Bab Lima akan membahas statistik deskriptif, hasil analisis korelasi dan hasil regresi dan hasil analisis kecekapan bank.

Akhir sekali, Bab Enam akan menyimpulkan hasil kajian ini. Perbincangan Bab Enam dibahagikan kepada tinjauan tesis, kesimpulan dan temuan hasil kajian, sumbangan kajian, kekangan kajian dan hala tuju kajian masa hadapan.

BAB 2

PERBANKAN INDONESIA

2.0 Pengenalan

Bab Satu telah membicarakan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian, signifikansi kajian dan skop kajian. Seterusnya, di dalam Bab Dua, struktur sistem perbankan di Indonesia akan dibicarakan dengan lebih terperinci. Seksyen 2.1 akan membicarakan mengenai struktur bank di Indonesia. Seterusnya seksyen 2.2 akan membicarakan tentang struktur pemilikan bank di Indonesia dan seksyen 2.3 membicarakan prestasi kewangan bank di Indonesia. Seksyen 2.4 merumuskan hasil kajian.

2.1 Struktur Bank di Indonesia

Bank boleh dilihat dari segi fungsi, pemilikan dan status.


2.1.1 Fungsi Bank

Rajah 2.1 menunjukkan struktur perbankan di Indonesia. Bank Indonesia bertindak sebagai bank pusat dan bertanggungjawab untuk mengawasi dan mengatur sistem

perbankan di Indonesia, memantau peredaran wang, memantau pinjaman oleh bank-bank, menjaga kestabilan mata wang rupiah dan mengawal jumlah matawang rupiah di pasaran. Operasi bank pusat diawasi oleh Badan Pemeriksa Keuangan (BPK) dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR). BPK bertanggungjawab untuk melakukan pemeriksaan terhadap pengurusan Bank Indonesia dan hasil pemeriksaan tersebut di laporkan kepada Bank Indonesia untuk diambil tindakan susulan. DPR pula mempunyai peranan mengawasi dan meluluskan polisi yang dibuat oleh Bank Indonesia. Selain dari itu, DPR juga boleh membuat polisi untuk Bank Indonesia.

Institusi Pengawas Keuangan (IPK) berfungsi menjaga kestabilan sistem kewangan negara. Ia menetapkan dan melaksanakan peraturan dan kawalan terhadap operasi sektor kewangan seperti perbankan dan pasaran modal. Untuk kawalan sistem perbankan, di antara tanggungjawab IPK adalah untuk memberi kebenaran kepada penubuhan bank, pembukaan cawangan bank, pemilikan bank, pengurusan dan sumber manusia, penggabungan dan pengambilalihan bank, dan memantau prestasi bank. Di antara aspek prestasi yang diberi tumpuan oleh IPK ialah kecairan bank, nisbah kecukupan modal minimum, had maksimum pemberian kredit, nisbah pinjaman kepada simpanan dan laporan bank. IPK boleh membuat polisi mengenai sistem kewangan negara untuk dilaksanakan oleh Bank Indonesia.

Terdapat dua jenis sistem perbankan di Indonesia iaitu bank umum dan bank perkreditan rakyat (BPR). Bank umum terbahagi kepada bank kerajaan, bank



Rajah 2.1
Sistem Lembaga Kewangan Bank di Indonesia.
 Sumber: Latumaerissa, 2011

pembangunan daerah (BPD), bank swasta nasional, bank campuran dan bank asing sementara BPR lebih memberi tumpuan kepada perkhidmatan untuk syarikat kecil dan sederhana yang terletak berhampiran dengan lokasi pelanggan. Operasi BPR adalah sangat terbatas dan hanya berada pada sesuatu daerah sahaja. BPR berperanan menghimpun dana daripada masyarakat setempat dalam bentuk deposit berjangka dan tabungan. Ia juga boleh memberi pinjaman dalam bentuk kredit modal kerja dan kredit pelaburan.

2.1.2 Pemilikan Bank

Jenis pemilikan bank merujuk kepada jumlah pegangan saham oleh entiti tertentu. Pemilikan bank terbahagi kepada lima jenis. Jenis pertama dan kedua adalah berkaitan dengan bank yang dikuasai oleh samada kerajaan pusat atau kerajaan daerah. Bank milik kerajaan pusat dikawal oleh kerajaan pusat melalui Bank Indonesia. Terdapat lima buah bank milik kerajaan pusat iaitu Bank Mandiri, Bank Negara Indonesia, Bank Tabungan Negara, Bank Rakyat Indonesia dan Bank Ekspor Indonesia. Bank milik kerajaan daerah dikenali sebagai bank pembangunan daerah (BPD) dan ia terletak di setiap daerah di Indonesia. Lampiran 1 menyenaraikan nama-nama BPD.

Ketiga, bank milik swasta nasional yang dikuasai sepenuhnya oleh atau sebahagian besarnya oleh pihak swasta yang memegang keseluruhan atau sebahagian besar saham sesuatu bank. Bank ini ditubuhkan oleh pihak swasta dan keseluruhan

keuntungan bank adalah kepunyaan mereka. Nama-nama bank milik swasta terdapat pada Lampiran 2.

Keempat, ialah bank milik asing yang dimiliki oleh pihak swasta asing atau oleh kerajaan asing sesuatu negara. Akhir sekali ialah bank milik campuran yang merupakan bank yang di kuasai oleh pihak swasta tempatan dan pihak asing. Walau bagaimanapun, pemilikan saham secara majoriti adalah dipegang oleh warga tempatan.

2.1.3 Status Bank

Kedudukan atau status bank merujuk kepada kebenaran yang diberikan kepada bank dalam menawarkan perkhidmatan matawang asing kepada pelanggan. Jenis bank ini terbahagi kepada dua iaitu bank devisa dan bank bukan devisa. Bank yang berstatus devisa merupakan bank yang dapat melaksanakan transaksi di luar negara atau yang berkaitan dengan matawang asing secara keseluruhan, seperti pindahan wang ke luar negara, jual beli matawang asing, cek kembara, pembayaran surat pinjaman dan perkhidmatan-perkhidmatan matawang asing yang lain. Syarat untuk mendapat status bank devisa ini ditentukan oleh Bank Indonesia melalui Peraturan Bank Indonesia Nombor 1/9/PBI/1999. Syarat-syarat yang harus dipenuhi sebelum bank bukan devisa dapat diberikan kebenaran untuk menjadi bank devisa ialah nisbah kecukupan modal minimum dalam bulan terkini sebanyak lapan peratus, bank berada dalam kategori

sihat selama 24 bulan terakhir berturut-turut, mempunyai modal simpanan minimum sebanyak 150 bilion rupiah dan telah melengkapkan persiapan untuk menukar statusnya kepada bank devisa iaitu dengan mempunyai organisasi dan sumber manusia yang mencukupi.

Bank bukan devisa pula ialah bank yang belum mendapat kebenaran untuk melaksanakan urusan antarabangsa. Urusniaga yang dijalankan hanya terhadap urusan di dalam negara sahaja.

2.2 Struktur Pemilikan Bank di Indonesia

Kajian ini melihat kepada tiga struktur pemilikan bank iaitu bank swasta nasional, bank kerajaan dan bank pembangunan daerah. Perbezaan struktur pemilikan tersebut diringkaskan dalam Jadual 2.1.

Bank swasta nasional biasanya berbentuk syarikat terhad (PT) yang bertujuan memperoleh keuntungan. Ibu pejabat bank swasta sebahagian besar berada di Jakarta dan mereka boleh membuka cawangan di seluruh daerah di Indonesia. Cawangan bank swasta tersebut pula boleh membuka cawangan-cawangan yang lebih kecil di bandar-bandar tersebut di mana cawangan utama akan menjadi pusat cawangan-cawangan kecil tersebut.

Jadual 2.1

Perbezaan Struktur Pemilikan Bank di Indonesia

No	Bank swasta nasional	Bank kerajaan	Bank pembangunan daerah
1.	Saham dimiliki oleh swasta.	Saham sebahagian besar dimiliki oleh kerajaan pusat.	Saham dimiliki oleh kerajaan daerah tempatan.
2.	Boleh membuka cawangan di seluruh Indonesia.	Boleh membuka cawangan di seluruh Indonesia.	Cawangan bank hanya di daerah tempatan sahaja, cawangan bank hampir tidak ada di daerah lain.
3.	Tiada campur tangan kerajaan.	Kerajaan boleh campurtangan.	Kerajaan daerah boleh campurtangan.
4.	Kakitangan berstatus swasta.	Kakitangan berstatus kakitangan kerajaan.	Kakitangan berstatus kakitangan syarikat kerajaan daerah.
5.	Perkhidmatan terbuka kepada seluruh pelanggan di seluruh Indonesia.	Perkhidmatan terbuka kepada seluruh pelanggan di seluruh Indonesia.	Perkhidmatan terbuka hanya kepada kakitangan kerajaan, perniagaan kecil dan syarikat di daerah berkenaan sahaja.

Bank kerajaan adalah bank yang akta penubuhannya atau sahamnya dimiliki oleh kerajaan. Bank kerajaan lebih diterima oleh masyarakat kerana ia diyakini lebih selamat disebabkan ia sentiasa disokong oleh kerajaan. Keyakinan tersebut bertambah kuat semasa krisis kewangan kerana tanggapan mereka bahawa bank tersebut tidak akan muflis. Walau bagaimanapun budaya birokrasi kerajaan akan mempengaruhi prestasi bank.

Salah satu keunikan perbankan di Indonesia adalah terdapat bank pembangunan daerah (BPD) yang merupakan bank kerajaan milik daerah. BPD dikategorikan

sebagai bank fokus, iaitu bank dengan fokus daerah. Pada masa sekarang, BPD mempunyai modal teras antara 100 bilion rupiah sehingga 10 trilion rupiah kecuali BPD Bengkulu. Semua BPD tersebut telah mempunyai nisbah kecukupan modal minimum melebihi 10%, sehingga ia boleh dikategorikan sebagai bank yang tidak mempunyai masalah modal. Dengan demikian BPD mampu untuk mencipta struktur perbankan yang sihat di dalam negara, memenuhi keperluan masyarakat setempat dan mendorong pembangunan ekonomi Indonesia yang berterusan.

Bank Indonesia mensasarkan agar BPD boleh menjadi institusi kewangan kebanggaan dan memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat untuk tujuan pembangunan daerah masing-masing. Ini boleh dilakukan melalui pemberian pinjaman kepada sektor-sektor produktif di setiap daerah, meningkatkan sektor perniagaan kecil dan sederhana melalui program-program kerjasama dengan kerajaan daerah tempatan, mendorong pertumbuhan ekonomi daerah melalui sokongan pembiayaan kepada syarikat dan akhir sekali dapat membantu mengatasi masalah pengangguran di daerah-daerah tersebut.

Salah satu kelebihan BPD adalah kerana kerajaan daerah merupakan pelanggan utamanya di samping menjadi penggubal dasar berkaitan BPD. Salah satu sebab kewujudan BPD ialah untuk mengumpul dana bagi pihak kerajaan daerah. Kerajaan daerah boleh membuat peraturan-peraturan untuk meletakkan BPD sebagai satu-satunya bank yang boleh mengendalikan urusan-urusan perbankan masyarakat setempat seperti pembayaran kepada kerajaan daerah hanya boleh dilakukan melalui

BPD. Dengan pasaran tersebut, maka produk utama BPD adalah produk-produk modal kerja dan perkhidmatan untuk perniagaan syarikat. Selain daripada itu, BPD juga berurusan dengan bahagian pasaran lain di daerah yang sama seperti berurusan dengan syarikat kerjasama kerajaan daerah terutamanya dari segi pembekal dan kontraktor. Dari segi pelanggan, pelanggan BPD terdiri dari kerajaan daerah, kakitangan kerajaan daerah dan institusi lain di daerah tersebut.

Walaupun BPD lebih memahami tentang daerah masing-masing, namun masih terdapat banyak masalah yang perlu diatasi. Persatuan Bank Pembangunan Daerah (ASBANDA) dan Bank Indonesia telah mengenalpasti beberapa masalah utama yang dihadapi oleh BPD. Antara masalah-masalah tersebut ialah:

1. Modal BPD masih terhad dan lebih kecil berbanding dengan purata modal dalam industri perbankan nasional. Ini menyukarkan BPD untuk menghadapi persaingan dengan kumpulan bank yang lain.
2. Penjenamaan BPD yang kurang menonjol berbanding dengan penjenamaan bank umum menyebabkan perkhidmatan BPD kurang mendapat sambutan.
3. Kualiti perkhidmatan BPD belum dapat memenuhi kehendak masyarakat setempat dan ini mengurangkan kepercayaan mereka terhadap produk-produk yang ditawarkan oleh BPD.
4. Kualiti dan kecekapan sumber manusia di BPD adalah lebih rendah berbanding dengan bank pesaing.
5. Inovasi, pembangunan perkhidmatan dan rangkaian perkhidmatan BPD di pelbagai daerah tempatan masih rendah.

6. Perkongsian strategik di antara BPD dengan rakan kerjanya masih di tahap yang rendah.
7. BPD banyak memberikan pinjaman kepada sektor pengguna berbanding sektor produktif. Oleh itu hasrat BPD untuk menggerakkan ekonomi daerah tempatan adalah terhad.
8. Tidak terdapat kerjasama yang erat di antara BPD setiap daerah dari segi penggunaan sistem teknologi maklumat.

Berdasarkan kepada permasalahan di atas serta semakin besarnya peranan dan fungsi BPD pada masa akan datang, maka ASBANDA dan Bank Indonesia, semenjak tahun 2009, telah merumuskan visi untuk mentransformasikan BPD di seluruh Indonesia menjadi sebuah bank terkemuka di daerah masing-masing. Ia dilakukan melalui inovasi pelbagai produk dan perkhidmatan kompetitif dengan rangkaian luas yang diuruskan secara profesional untuk menyokong pertumbuhan ekonomi serantau. Dengan konsep *BPD regional champion* (BRC), BPD berharap agar pada masa hadapan ia akan mampu menjalankan operasi bank secara lebih maksimum dan dapat memenuhi keperluan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*).

2.3 Prestasi Kewangan Bank di Indonesia

Perkembangan perbankan di Indonesia bermula dengan bank milik kerajaan manakala bank swasta nasional hanya mula melonjak pada putaran kedua reformasi kewangan

iaitu di antara tahun 1988 hingga 1991. Di dalam tempoh tersebut, 40 buah bank swasta nasional dan 15 buah bank campuran yang baru telah dibentuk manakala tidak terdapat perubahan pada bilangan bank kerajaan. Perkembangan industri perbankan dapat dilihat melalui pertambahan bilangan cawangan bank. Misalnya, pada April 1982 terdapat 1,640 buah cawangan, pada Mac 1990 terdapat 2,842 buah cawangan dan seterusnya pada tahun 1997, jumlah cawangan bank telah melonjak kepada 6,345 buah (Latumaerissa, 2011).

Perkembangan perbankan di Indonesia boleh juga dilihat dari segi jumlah deposit seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.2. Melalui jadual tersebut dapat dilihat bahawa pada akhir tahun 1999 jumlah deposit sektor perbankan mencapai 651,017 bilion rupiah berbanding hanya sebanyak 214,764 bilion rupiah pada tahun 1995. Pada tahun 1997, bank swasta nasional mempunyai jumlah deposit tertinggi (49.55%), diikuti oleh bank kerajaan (37.20%), kumpulan bank asing dan campuran (10.79%) dan akhir sekali kumpulan BPD (2.46%). Komposisi jumlah deposit ini kemudiannya berubah pada tahun 1998 apabila kerajaan membubarkan 16 buah bank swasta nasional pada bulan November 1997 akibat dari krisis kewangan. Semasa krisis (1998 dan 1999), kepercayaan masyarakat terhadap bank kerajaan telah meningkat dan ini menyebabkan peratusan deposit bank kerajaan meningkat menjadi 47.36% dan 47.88% masing-masing. Sementara itu, pada tahun 1998 dan 1999 peratusan deposit bank swasta nasional mengalami penurunan masing-masing menjadi 41.09% dan 38.78%. Dalam tempoh yang sama, bank asing dan campuran serta BPD juga mengalami perubahan dalam peratusan deposit.

Pertumbuhan tahunan deposit perbankan sentiasa berubah. Pertumbuhan tertinggi ialah sebanyak 60.81% yang berlaku pada tahun 1998 dan pertumbuhan terendah sebanyak 4.25% berlaku pada tahun 2002. Bahagian pasaran bank kerajaan mencapai kemuncak pada tahun 1999 (47.88%) dan selepas itu bahagian pasaran telah berkurang hampir setiap tahun dan di akhir tahun 2006, nilainya mencapai 37.21%.

Keadaan ini menunjukkan kepercayaan pelanggan terhadap kumpulan-kumpulan yang lain sudah mulai meningkat. Pada akhir tahun 2006, bank swasta nasional menguasai 42.48% daripada jumlah deposit industri perbankan, mengatasi jumlah yang dikuasai oleh bank kerajaan.

Dari segi pemberian pinjaman, sektor perbankan di Indonesia menunjukkan perkembangan pinjaman yang semakin agresif seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.3. Pada tahun 1995, keseluruhan industri perbankan telah memberikan pinjaman sebanyak 234,611 bilion rupiah dan ia berkembang kepada 487,426 bilion rupiah pada akhir tahun 1998. Pada tahun 1995, bank swasta nasional merupakan kumpulan bank dengan bahagian pasaran pinjaman yang paling tinggi, iaitu sebanyak 47.92% daripada jumlah pinjaman perbankan. Ini diikuti oleh kumpulan bank kerajaan dengan bahagian pasaran sebanyak 39.93%, bank asing dan campuran sebanyak 10.33% dan BPD sebanyak 2.23%. Pada tahun 1998 bank kerajaan mendahului bank swasta nasional dengan bahagian pasaran pinjaman sebanyak 45.29% iaitu 5.62% lebih tinggi berbanding bank swasta nasional.

Jadual 2.2

Jumlah Deposit Mengikut Kumpulan Bank di Indonesia daripada Tahun 1995 hingga 2006 (Bilion Rupiah)

Kumpulan bank	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Bank kerajaan						
Deposit	75,920	90,434	133,042	271,554	312,179	328,456
Bahagian pasaran (%)	35.35	32.10	37.20	47.36	47.88	45.59
Pertumbuhan (%)	18.01	19.12	47.12	104.11	14.96	12.80
Bank swasta nasional						
Deposit	117,451	164,979	177,193	235,605	252,880	279,038
Bahagian pasaran (%)	54.69	58.56	49.55	41.09	38.78	38.73
Pertumbuhan (%)	32.08	40.47	7.40	32.97	7.33	9.37
Bank pembangunan daerah						
Deposit	7,812	8,522	8,798	10,932	14,017	19,896
Bahagian pasaran (%)	3.64	3.03	2.46	1.91	2.15	2.76
Pertumbuhan (%)	26.35	9.09	3.22	24.28	28.22	29.55
Bank asing dan campuran						
Deposit	13,581	17,783	38,582	55,332	72,941	92,989
Bahagian pasaran (%)	6.32	6.31	10.79	9.65	11.19	12.91
Pertumbuhan (%)	23.30	30.94	116.6	43.8	30.2	2.16
Jumlah						
Deposit	214,764	281,718	357,615	573,423	651,017	720,379
Pertumbuhan (%)	26.32	31.18	26.43	60.81	13.74	9.53

Sumber: Laporan tahunan Bank Indonesia berbagai edisi

Jadual 2.2 (Sambungan)

Jumlah Deposit Mengikut Kumpulan Bank di Indonesia daripada Tahun 1995 hingga 2006 (Bilion Rupiah)

Kumpulan bank	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Bank kerajaan						
Deposit	369,328	376,846	375,914	374,091	429,650	483,250
Bahagian pasaran (%)	45.65	44.60	41.66	38.76	37.89	37.21
Pertumbuhan (%)	11.07	1.99	-0.25	-0.49	12.93	11.09
Bank swasta nasional						
Deposit	305,455	338,590	382,610	423,281	485,474	551,697
Bahagian pasaran (%)	37.75	40.07	42.40	43.86	42.81	42.48
Pertumbuhan (%)	8.65	9.79	11.51	9.61	12.81	12.00
Bank pembangunan daerah						
Deposit	37,088	45,937	53,291	59,834	85,578	129,604
Bahagian pasaran (%)	4.58	5.44	5.91	6.20	7.55	9.98
Pertumbuhan (%)	46.35	19.26	13.80	10.94	30.08	33.97
Bank asing dan campuran						
Deposit	97,255	83,643	90,510	107,873	133,384	134,204
Bahagian pasaran (%)	12.02	9.90	10.03	11.18	11.76	10.33
Pertumbuhan (%)	4.39	16.27	7.59	16.10	19.13	0.61
Jumlah						
Deposit	809,126	845,016	902,325	965,079	1,134,086	1,298,755
Pertumbuhan (%)	10.97	4.25	6.35	6.50	14.90	12.68

Sumber: Laporan tahunan Bank Indonesia berbagai edisi

Jumlah pinjaman yang disalurkan oleh sektor perbankan secara keseluruhannya mengalami penurunan ketara iaitu daripada 487,426 bilion rupiah pada tahun 1998 kepada 225,133 bilion rupiah pada tahun 1999. Ini menunjukkan bahawa pemberian pinjaman oleh sektor perbankan menyusut sebanyak 53.81%. Keadaan ini disebabkan oleh sikap hati-hati bank dalam pemberian pinjaman kerana jumlah pinjaman yang tidak dapat dikutip semasa krisis kewangan amat tinggi dan ia merupakan satu kerugian yang besar bagi bank.

Pemberian pinjaman perbankan mengalami pertumbuhan selepas krisis kewangan. Pada tahun 2000, pemberian pinjaman ialah sebanyak 269,000 bilion rupiah, manakala pada tahun 2006 nilainya meningkat kepada 787,140 bilion rupiah. Pada tahun 2000, bank kerajaan merupakan kumpulan bank dengan bahagian pasaran pinjaman yang paling besar, iaitu sebanyak 37.94%. Ini diikuti oleh bank swasta dengan bahagian pasaran sebanyak 30.64%, bank asing dan campuran sebanyak 27.66% dan BPD sebanyak 3.76%. Walau bagaimanapun, posisi ini berubah di mana pada tahun 2006 bank swasta nasional telah mendahului bank kerajaan dengan peratus pinjaman sebanyak 42.55%, manakala peratusan bank kerajaan ialah 35.93%.

Jadual 2.3

Pemberian Pinjaman Mengikut Kumpulan Bank di Indonesia daripada Tahun 1995 hingga 2006 (Bilion Rupiah)

Kumpulan bank	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Bank kerajaan						
Pinjaman	93,681	109,329	153,755	220,747	112,288	102,061
Bahagian pasaran (%)	39.93	37.32	40.66	45.29	49.88	37.94
Pertumbuhan (%)	16.4	16.2	40.71	44.3	-49.3	-10.02
Bank swasta nasional						
Pinjaman	111,443	149,551	168,234	193,361	56,012	82,425
Bahagian pasaran (%)	47.92	51.93	44.62	39.67	24.88	30.64
Pertumbuhan (%)	29.6	34.2	12.52	14.60	-71.03	32.04
Bank pembangunan daerah						
Pinjaman	5,242	6,457	7,539	6,570	6,793	10,106
Bahagian pasaran (%)	2.23	2.20	1.99	1.35	3.02	3.76
Pertumbuhan (%)	24.78	23.18	16.76	-12.85	3.39	32.78
Bank asing dan campuran						
Pinjaman	24,245	27,584	48,606	66,748	50,040	74,408
Bahagian pasaran (%)	10.33	9.24	12.85	13.69	22.23	27.66
Pertumbuhan (%)	32.01	13.77	76.21	37.32	-25.03	32.75
Jumlah						
Pinjaman	234,611	292,921	378,134	487,426	225,133	269,000
Pertumbuhan (%)	24.21	24.85	29.09	28.90	-53.81	16.31

Sumber: Laporan tahunan Bank Indonesia berbagai edisi

Jadual 2.3 (Sambungan)

Pemberian Pinjaman Mengikut Kumpulan Bank di Indonesia daripada Tahun 1995 hingga 2006 (Bilion Rupiah)

Kumpulan bank	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Bank kerajaan						
Pinjaman	117,104	145,984	173,154	217,066	250,319	282,784
Bahagian pasaran (%)	38.07	39.95	38.83	39.21	36.30	35.93
Pertumbuhan (%)	12.85	19.78	15.69	20.23	13.28	11.48
Bank swasta nasional						
Pinjaman	101,872	136,981	175,082	224,560	295,013	334,947
Bahagian pasaran (%)	33.12	37.49	39.26	40.57	42.78	42.55
Pertumbuhan (%)	19.09	25.63	21.76	22.03	23.88	11.92
Bank pembangunan daerah						
Pinjaman	15,415	21,518	29,198	37,246	44,909	55,959
Bahagian pasaran (%)	5.01	5.89	6.55	6.73	6.51	7.11
Pertumbuhan (%)	34.44	28.36	26.30	21.61	17.06	19.75
Bank asing dan campuran						
Pinjaman	73,199	60,927	68,508	74,676	99,428	113,450
Bahagian pasaran (%)	23.80	16.67	15.36	13.49	14.42	14.41
Pertumbuhan (%)	-1.65	-20.14	11.07	8.26	24.89	12.36
Jumlah						
Pinjaman	307,590	365,410	445,942	553,548	689,669	787,140
Pertumbuhan (%)	12.55	15.82	18.06	19.44	19.74	12.38

Sumber: Laporan tahunan Bank Indonesia berbagai edisi

2.4 Kesimpulan

Bab Dua telah membicarakan struktur dan prestasi bank di Indonesia. Pemilikan bank di Indonesia terdiri dari bank milik kerajaan, bank milik swasta dan bank milik asing. Bank milik kerajaan terbagi kepada bank milik kerajaan pusat dan bank milik kerajaan daerah. Seterusnya, bab ini membicarakan perkembangan industri perbankan di Indonesia. Bab selanjutnya akan membahas ulasan karya berkaitan dengan kajian ini.

BAB 3

ULASAN KARYA

3.0 Pengenalan

Berdasarkan perbincangan Bab Dua mengenai keadaan perbankan di Indonesia, maka bahagian ini akan menghuraikan ulasan karya yang berkaitan dengan kajian. Seksyen 3.0 ialah pengenalan kepada Bab Tiga. Seksyen 3.1 akan membincangkan kerangka teori, seksyen 3.2 membincangkan kesan krisis ekonomi dan pertumbuhan ekonomi terhadap industri perbankan, seksyen 3.3 akan melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi keuntungan bank, seksyen 3.4 akan melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan kos dan seksyen 3.5 memberikan kesimpulan bagi Bab Tiga.

3.1 Kerangka Teori

Banyak kajian telah dijalankan untuk melihat hubungan di antara prestasi bank dan pemilikan bank. Beberapa teori untuk menjelaskan hubungan di antara prestasi bank dan faktor-faktor yang mempengaruhinya telah dibincangkan. Oleh kerana fungsi bank sebagai perantara kewangan di antara sumber dana dan pengguna dana, maka seksyen 3.1.1 akan membincangkan teori perantara kewangan. Dua teori utama yang

menerangkan tentang kesan pemilikan terhadap prestasi bank ialah teori agensi dan teori pengemudian (*stewardship theory*). Maka seksyen 3.1.2 akan membincangkan teori agensi manakala seksyen 3.1.3 akan membincangkan teori pengemudian. Oleh kerana kepentingan struktur modal di dalam mempengaruhi prestasi sesebuah syarikat termasuk bank, maka seksyen 3.1.4 akan membincangkan pengaruh struktur modal ke atas prestasi.

3.1.1 Teori Perantara Kewangan

Fungsi utama bank adalah sebagai perantara kewangan di mana bank akan menjual produk tuntutan kewangan ke atas bank tersebut seperti akaun simpanan dan akaun semasa. Pada masa yang sama, bank juga akan membeli produk kewangan seperti pinjaman perumahan, pinjaman perniagaan dan pinjaman peribadi. Dengan aktiviti ini perpindahan kewangan berlaku daripada unit yang mempunyai lebih dana kepada unit yang mempunyai kekurangan dana melalui perantara kewangan. Perantara kewangan mempunyai kelebihan berbanding individu atau syarikat bukan perantara kewangan disebabkan tiga faktor. Pertama, institusi atau perantara kewangan dapat mengurangkan kos transaksi seperti kos pencarian, kos maklumat dan kos kontrak. Kos maklumat wujud kerana terdapat satu pihak yang tidak mengetahui secara pasti tentang maklumat berkaitan pihak lain.

Terdapat dua keadaan maklumat tidak simetrik (*asymmetric information*) di dalam pasaran kewangan iaitu *adverse selection*, yang terjadi sebelum sesuatu urusanniaga berlaku, dan *moral hazard*, yang timbul selepas sesuatu urusanniaga dijalankan (Allen & Santomero, 1998). *Adverse selection* terjadi ketika unit lebih tidak memiliki maklumat yang tepat berkaitan unit defisit. Oleh itu, kekurangan maklumat mengenai unit defisit akan mendedahkan unit lebih kepada risiko yang lebih besar sekiranya unit lebih memberikan pinjaman kepada unit defisit. Institusi kewangan melalui pengalaman dapat mengurangkan masalah *adverse selection* tersebut.

Moral hazard pula merujuk kepada penyalahgunaan pinjaman yang diperolehi oleh unit defisit di mana unit defisit akan menggunakan pinjaman tersebut untuk tujuan yang lebih berisiko dan berlainan daripada tujuan yang dinyatakan semasa urusan permohonan pinjaman. Institusi kewangan dapat mengurangkan masalah *moral hazard* melalui kontrak pinjaman dan pengawasan ke atas operasi unit defisit.

Kelebihan institusi kewangan yang kedua ialah institusi kewangan boleh menikmati skala ekonomi (*economies of scale*) kerana institusi kewangan mempunyai keupayaan untuk mengendalikan urusanniaga yang banyak dan berskala besar. Oleh itu, institusi kewangan dapat mengurangkan kos tetap untuk setiap unit output. Ketiga, oleh kerana institusi kewangan mempunyai kelebihan untuk menilai sesuatu urusanniaga pinjaman yang berdayamaju, maka ia dapat memastikan pinjaman yang dikeluarkan akan mempunyai risiko yang lebih rendah. Tambahan pula institusi

kewangan akan menguruskan jumlah pinjaman yang banyak. Oleh itu, institusi kewangan dapat mempelbagaikan portfolionya dan ini dapat mengurangkan risiko institusi kewangan tersebut. Ini berbeza dengan individu atau syarikat bukan perantara kewangan yang tidak mempunyai kemahiran di dalam menilai sesuatu pinjaman dan tidak mempunyai modal yang besar untuk mempelbagaikan portfolio mereka.

3.1.2 Teori Agensi

Dalam bidang kajian pengaruh pemilikan terhadap prestasi bank, teori yang paling kerap digunakan adalah teori agensi. Teori agensi menjelaskan hubungan antara pemilik sebagai prinsipal dan pengurus sebagai agen. Hubungan tersebut sangat penting kerana ia mempengaruhi prestasi sebuah bank. Dengan demikian daya saing sesebuah bank sangat bergantung kepada kemampuan pengurus untuk mengelola bank masing-masing. Di samping besarnya peranan pengurus dalam mengelola bank agar dapat menghasilkan prestasi yang baik, peranan dari pemilik bank juga sangat penting untuk memantau dan memastikan pengurus berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan bank di bawah pengelolaannya.

Oleh sebab itu, di dalam hubungan antara pemilik bank dengan pengurus biasanya akan wujud kontrak prestasi (*performance contract*) di mana pemilik bank mensejajarkan kepentingan pengurus dengan kepentingan pemilik bank tersebut.

Kontrak prestasi dibentuk agar ganjaran yang diterima oleh pengurus berkait rapat dengan prestasi bank. Hubungan kontrak antara pemilik dan pengurus tersebut adalah bersesuaian dengan teori agensi (Jensen & Meckling, 1976). Jensen dan Meckling (1976) mengungkapkan bahawa perbezaan kepentingan di antara pemilik dan pengurus yang menimbulkan konflik agensi berlaku kerana pengurus tidak memegang saham syarikat atau mempunyai pegangan yang tidak signifikan.

Konsep agensi seperti yang diungkapkan oleh Jensen dan Meckling (1976) dapat dilihat pada hasil kajian Berger dan Bonnacorsi (2006), Basu *et al.* (2007) dan Sullivan dan Spong (2007) yang menunjukkan bahawa pemilik bank menyerahkan kepada pengurus sebagai agen untuk mengurus bank tersebut. Hal ini disebabkan pemilik mengalami kesulitan untuk mengurus syarikat secara langsung kerana faktor-faktor berikut. Pertama, saiz bank yang semakin besar akan menimbulkan kesulitan untuk diurus. Kedua, keperluan kepakaran khusus untuk mengurus bank yang besar dan umumnya pemilik tidak mempunyai kepakaran tersebut. Ketiga, pemilikan bank ditentukan oleh jumlah pemegang saham. Sekiranya jumlah pemegang saham terlalu ramai dan setiap seorang memegang saham dalam jumlah yang kecil maka keadaan ini tidak memungkinkan semua pemilik mengurus kegiatan bank secara efektif.

Pengurus boleh dilihat sebagai agen oleh pemilik bank yang melantik mereka dan diberi kuasa dan tanggungjawab untuk membuat keputusan yang terbaik demi

kepentingan pemegang saham. Salah satu cara untuk mengukur kejayaan dan kecekapan pengurus ialah dengan melihat kepada keuntungan bank. Prestasi boleh diukur melalui kemampuan bank untuk memperolehi keuntungan yang stabil dan pada masa yang sama boleh mengekalkan kenaikan kekayaan pemegang saham dalam syarikat.

Berger dan Bonnacorsi (2006) menyatakan pengurus mungkin akan mengabaikan kepentingan pemegang saham, sebaliknya memberi perhatian kepada kepentingan mereka seperti kelangsungan pekerjaan, gaya hidup yang mewah, keanggotaan profesional, kemudahan kenderaan peribadi, yang semuanya ditanggung oleh syarikat. Shleifer dan Vishny (1997) menyatakan untuk mengatasi masalah agensi, pemegang saham mempunyai insentif untuk mengawas pengurus sehingga dapat mengurangkan masalah prinsipal-agen. Walau bagaimanapun, tahap insentif bergantung kepada pegangan saham oleh pemilik. Sekiranya pemilik memegang jumlah saham yang kecil, maka pemilik tidak akan mempunyai insentif untuk memantau tingkah laku pengurus. Ini disebabkan keuntungan yang diperolehi oleh pemilik adalah lebih kecil daripada kos pengawasan. Oleh kerana itu, adalah dijangkakan bank swasta, yang sebahagian besar sahamnya dimiliki oleh sesuatu keluarga, akan mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding dengan bank milik kerajaan.

Untuk bank yang sebahagian besar sahamnya dimiliki oleh keluarga, konflik agensi antara pemilik bank dan pengurus jarang berlaku. Arifin (2003) menyatakan apabila sebahagian besar saham dimiliki oleh keluarga, ia dapat mengurangkan masalah agensi berbanding dengan syarikat yang dimiliki oleh ramai pemegang saham. Di Indonesia sebanyak 90 peratus saham syarikat dimiliki dan dikendalikan oleh sesebuah keluarga. Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan negara-negara lain seperti Sepanyol (La Porta *et al.*, 1999). Arifin (2003) menyatakan bahawa kelebihan syarikat yang dimiliki dan dikendalikan oleh keluarga adalah ahli keluarga akan mengurus syarikat tersebut dan ini dapat mengurangkan masalah agensi. Walau bagaimanapun oleh kerana sesebuah keluarga juga merupakan pengurus syarikat tersebut maka masalah agensi yang akan timbul adalah di antara keluarga, sebagai pemegang saham majoriti dan pemegang saham minoriti. Di samping itu, mengikut Allen *et al.* (2011) modal bank juga mempengaruhi prestasi sesebuah bank. Oleh kerana modal sebahagian besar bank swasta di Indonesia dikeluarkan oleh individu atau keluarga, mereka mempunyai insentif yang lebih tinggi untuk memantau pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan kerana prestasi bank dan seterusnya kekayaan mereka akan dipengaruhi oleh pembayaran balik pinjaman berkenaan.

Syarikat yang dimiliki oleh kerajaan mungkin tidak akan diurus secara efisien kerana pihak lembaga pengarah dan pihak pengurusan tidak memegang sebarang saham di dalam syarikat tersebut. Ini menyebabkan prestasi syarikat akan terjejas (Megginson, *et al.*, 1994; Megginson & Netter, 2001). Masalah agensi dalam konteks pemilikan

kerajaan adalah lebih rumit kerana kerajaan memegang saham dalam syarikat tersebut bagi pihak orang ramai atau rakyat. Oleh kerana kerajaan dipimpin oleh ahli politik yang tidak mempunyai apa-apa pemilikan di dalam syarikat-syarikat tersebut, maka mereka mungkin tidak akan memantau tindakan pihak lembaga pengarah atau pengurusan. Di samping itu, objektif ahli politik yang memimpin sesuatu kerajaan mungkin berbeza daripada seseorang individu yang memiliki sesebuah perniagaan. Shleifer (1998) dan La Porta *et al.* (2002) menyatakan bahawa kerajaan cenderung memenuhi tujuan-tujuan politik yang mungkin mempengaruhi prestasi kewangan syarikat secara negatif. Pandangan ini disokong oleh Paskelien (2006) dan Xu dan Wang (1999) yang menyatakan bahawa syarikat menjadi tidak efisien kerana masalah agensi yang timbul daripada motif politik kerajaan. Selain daripada itu, bank milik kerajaan mungkin mempunyai keuntungan yang lebih rendah kerana membiayai sesuatu projek yang tidak membawa keuntungan kewangan tetapi membawa keuntungan sosial.

Syarikat milik kerajaan di Indonesia mempunyai prestasi yang lebih rendah berbanding dengan syarikat milik swasta (Susila, 2003). Susila (2003) menyatakan tiga faktor yang menyebabkan prestasi syarikat milik kerajaan menjadi rendah. Pertama, pemantauan kerajaan ke atas pengurus yang sangat kurang sehingga pengurus boleh menyalahguna maklumat yang diterima daripada pelanggan untuk kepentingan diri mereka. Kedua, insentif yang diberikan kepada pengurus tidak meningkatkan motivasi mereka untuk bekerja bersungguh-sungguh dan kerajaan tidak

mengambil tindakan terhadap pengurus yang bersikap sambil lewa. Ketiga, kerajaan tidak berjaya memenuhi janjinya untuk melindungi syarikat daripada tujuan politik sehingga akhirnya tindakan pengurus terikat dengan gelagat birokrasi dan politik sehingga mengeneipkan tujuan asal syarikat iaitu untuk meningkatkan kekayaan pemegang saham.

3.1.3 Teori Pengemudian

Teori pengemudian mempunyai kaitan dengan sifat manusia di mana mengikut teori tersebut, manusia pada hakikatnya boleh dipercayai, bertindak dengan penuh tanggungjawab, mempunyai integriti dan jujur. Oleh itu, pengurus akan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan dengan menggunakan sumber-sumber yang diamanahkan kepada mereka (Donaldson, 1990; Donaldson & Davis, 1991; Donaldson & Davis, 1994; Muth & Donaldson, 1998). Ini adalah ciri-ciri yang dikehendaki oleh para pemegang saham. Oleh itu, teori pengemudian memandang pengurus sebagai agen yang boleh dipercayai untuk bertindak dengan sebaik-baiknya demi kepentingan pemegang saham dan masyarakat.

Dalam konteks teori pengemudian, autonomi perlu diberikan kepada pengurus sedangkan kawalan terhadap tindakan pengurus akan menjejaskan prestasi syarikat. Oleh itu, mengikut teori pengemudian, struktur kawal selia yang terbaik adalah dengan memberi kuasa dan pertimbangan kepada ketua pegawai eksekutif. Ini

menyokong pandangan yang menyatakan bahawa ketua pegawai eksekutif sepatutnya menjadi pengerusi kepada lembaga pengarah (Sanchev, 2001). Ini bertentangan dengan teori agensi di mana berdasarkan teori agensi dua jawatan tersebut patut diasingkan agar tidak timbul masalah pertembungan kepentingan.

3.1.4 Teori Struktur Modal

Modigliani dan Miller (1958) menunjukkan di bawah andaian senario pasaran modal sempurna harga saham tidak akan dipengaruhi oleh struktur modal. Walau bagaimanapun andaian di bawah senario pasaran modal sempurna adalah terlalu ideal seperti tiada cukai, tiada kos kebangkrapan dan tiada kos transaksi. Modigliani dan Miller (1963) pula menunjukkan bahawa cukai memainkan peranan yang penting di dalam penentuan struktur modal di mana pembayaran faedah dapat mengurangkan liabiliti cukai sesebuah syarikat. Oleh itu syarikat akan cuba untuk memaksimumkan jumlah hutang. Walau bagaimanapun, penggunaan hutang yang terlalu tinggi akan menyebabkan peningkatan kos kebangkrapan dan kos agensi. Kesan daripada interaksi antara faedah lindung cukai dan kos kebangkrapan atau kos agensi akan menyebabkan terdapat satu julat di mana pada julat tersebut harga saham dapat ditingkatkan. Oleh itu, peningkatan hutang atau pengurangan ekuiti boleh meningkatkan prestasi sesebuah syarikat sehingga satu tahap optimum dan selepas tahap tersebut nilai syarikat akan jatuh.

Walau bagaimanapun bank mempunyai tahap hutang atau liabiliti yang tinggi. Oleh itu, modal ekuiti untuk institusi kewangan adalah lebih rendah berbanding dengan syarikat bukan kewangan. Andaian yang diterima secara umum di dalam ulasan karya perbankan ialah ekuiti merupakan cara pembiayaan yang mahal untuk institusi kewangan. Oleh itu adalah dijangkakan bahawa bank akan memegang jumlah modal ekuiti yang minimum. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak berlaku di dalam realiti. Allen *et al.* (2011) dan Mehran dan Thakor (2011) menyatakan bahawa modal ekuiti yang besar akan menjadikan bank sebagai agen pemantau yang lebih berkesan terhadap pinjaman yang diberikan kepada syarikat. Sekiranya syarikat gagal membayar pinjaman tersebut, ia akan memberi kesan yang lebih besar terhadap modal bank dan seterusnya kepada kekayaan pemegang saham bank tersebut.

Berger dan Bouwman (2013) menyatakan modal mempunyai peranan yang lebih ketara semasa krisis. Pertama, mereka menyatakan bahawa pelanggan bank akan memberi penumpuan yang lebih kepada modal bank semasa berlakunya sesuatu krisis. Oleh itu, lebih mudah untuk bank bermodal besar mendapat pelanggan daripada bank bermodal kecil. Kedua, bank bermodal besar mempunyai fleksibiliti untuk menawarkan berbagai jenis pinjaman yang mungkin tidak boleh ditawarkan oleh bank yang menghadapi masalah kesempitan modal. Ketiga, bank yang mempunyai modal yang lebih besar lebih mudah untuk mengambil alih bank yang bermasalah semasa krisis perbankan dan ini dapat meningkatkan prestasi bank tersebut.

3.2 Kesan Krisis Ekonomi dan Pertumbuhan Ekonomi terhadap Industri Perbankan

Haddad *et al.* (2003) menyatakan bahawa industri perbankan memerlukan perhatian khusus. Ini disebabkan sekiranya pengeluaran deposit dalam jumlah yang banyak berlaku dalam tempoh yang singkat, maka akan timbul masalah kecairan dalam industri perbankan. Ini akan mendorong bank-bank untuk menggunakan segala cara yang terdapat bagi memenuhi pengeluaran deposit oleh pelanggan, termasuk menjual aset jika perlu. Keadaan ini menimbulkan tekanan pada sistem perbankan dan mengurangkan keuntungan yang pada akhirnya boleh membawa kepada kebangkrapan.

Berlakunya krisis perbankan di beberapa negara terutamanya di Asia pada tahun 1997-1998 telah mendorong para penyelidik untuk melakukan kajian mengenai kewujudan maklumat awal atau tanda-tanda akan munculnya krisis atau tekanan negatif terhadap industri perbankan. Dermiguc–Kunt dan Enrica (1998) mendefinisikan krisis sebagai suatu keadaan di mana salah satu ciri berikut dipenuhi:

1. “*Non performing assets*” mencapai 10 peratus daripada keseluruhan jumlah aset sistem perbankan.
2. Pembayaran untuk menyelamatkan sistem perbankan mencecah dua peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK).

3. Kerajaan mengambilalih pengurusan dan pemilikan bank-bank yang bermasalah.
4. Berlakunya pengeluaran deposit yang banyak secara mendadak (*bank run*), kerajaan mengambil tindakan untuk membekukan simpanan, pejabat-pejabat bank ditutup dalam tempoh yang panjang atau jaminan simpanan yang menyeluruh dikenakan.


Dermiguc–Kunt dan Enrica (1998) juga menyatakan bahawa krisis perbankan sering kali berpunca daripada keadaan kemelesetan ekonomi yang meruncing. Dalam hal ini kejatuhan KDNK yang ketara berkait rapat dengan peningkatan risiko di dalam sektor perbankan. Selain itu, peningkatan dalam risiko juga berpunca daripada kadar inflasi yang meningkat secara mendadak dan untuk menstabilkan kadar inflasi tersebut, kadar faedah sebenar terpaksa ditingkatkan yang akhirnya akan meningkatkan kebarangkalian berlakunya krisis perbankan.

Kenyataan Dermiguc–Kunt dan Enrica (1998) disokong oleh Hardy dan Pazarbasioglu (1999) yang menyatakan bahawa krisis di dalam industri perbankan boleh berpunca daripada permasalahan yang timbul samada di dalam sektor sebenarnya (*real sector*), di dalam sektor perbankan itu sendiri atau akibat perubahan drastik di dalam kegiatan ekonomi seperti penurunan drastik dalam pertumbuhan sebenar KDNK (*real gross domestic product*), peningkatan kadar faedah, kejatuhan ketara di dalam kadar pertukaran matawang asing dan peningkatan inflasi yang tinggi. Hardy dan Pazarbasioglu (1999) juga menyatakan krisis

perbankan di rantau Asia dipengaruhi oleh peningkatan hutang luar negara yang terlalu tinggi oleh sektor perbankan.

Kestabilan sistem kewangan dan perbankan adalah sangat penting disebabkan dua faktor berikut (Bank Indonesia, 2003). Pertama, sistem kewangan dan perbankan yang stabil akan mendorong pelanggan untuk menyimpan dan meminjam daripada institusi kewangan. Kedua, sistem kewangan dan perbankan yang stabil akan mewujudkan perantara kewangan (*financial intermediaries*) yang cekap dan dapat meningkatkan aktiviti pelaburan dan seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi. Analisis Mishkin (2012) terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi krisis kewangan dan perbankan adalah selari dengan pandangan Dermiguc–Kunt dan Enrica (1998) dan Hardy dan Pazarbasioglu (1999).

Analisis Mishkin (2012) di ringkaskan seperti di dalam rajah 3.1. Menurut Miskhin terdapat empat faktor yang mempengaruhi krisis kewangan. Pertama, lembaranimbangan institusi kewangan menjadi bertambah buruk. Ini disebabkan oleh kesan inovasi kewangan jangka pendek, di mana institusi kewangan mungkin menawarkan produk tanpa memahami sepenuhnya risiko produk tersebut. Tambahan pula insurans yang ditawarkan oleh kerajaan akan melemahkan disiplin pasaran dan meningkatkan masalah *moral hazard* di mana bank-bank akan memberikan pinjaman yang tinggi risikonya kerana bank-bank tahu bahawa kerajaan akan menyelamatkan mereka sekiranya mereka menghadapi masalah.



Rajah 3.1
 Faktor-Faktor yang Menyebabkan Krisis Kewangan dan Perbankan
 Sumber: Mishkin, 2012

Kedua, peningkatan dalam kadar faedah akan mengurangkan pelaburan oleh pelanggan dan bagi pelanggan-pelanggan yang membuat pinjaman dengan kadar terapung, mereka mungkin akan menghadapi masalah untuk membayar balik kerana kadar faedah sudah meningkat dan ini akan mengurangkan keuntungan bank. Ketiga, kejatuhan dalam nilai aset akan mempengaruhi keuntungan bank kerana apabila nilai aset jatuh, pemilik aset tersebut mungkin tidak akan mampu atau tidak mahu membayar pinjaman mereka. Keempat, meningkatnya ketidakpastian krisis kewangan di mana ia selalunya bermula dalam tempoh ketidakpastian yang tinggi seperti selepas bermulanya sesuatu kemelesetan, kejatuhan pasaran saham atau kejatuhan ketara dalam nilai aset. Keempat-empat faktor tersebut akan meningkatkan masalah *moral hazard* dan *adverse selection*. Seterusnya ini akan melembapkan kegiatan ekonomi dan menyebabkan berlakunya krisis perbankan.

Krisis perbankan tersebut akan meningkatkan masalah *adverse selection* dan *moral hazard* sehingga menyebabkan berlakunya penurunan di dalam aktiviti ekonomi. Ini pula akan menyebabkan kejatuhan tahap harga yang tidak dijangka yang akan memburukkan lagi keadaan ekonomi.

3.3 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Bank

Kajian ini menyelidik faktor-faktor yang akan mempengaruhi prestasi bank di Indonesia. Kajian akan melihat kepada satu bentuk pemilikan yang unik di Indonesia

iaitu bank pembangunan daerah. Prestasi bank pembangunan daerah akan dibandingkan dengan bank swasta dan kerajaan. Di samping itu, ia akan mengkaji kesan ketetapan dari Bank Indonesia mengenai jumlah minimum ekuiti sebanyak 100 bilion rupiah dan status bank samada bank devisa atau bukan devisa. Kajian ini menggunakan data dari tahun 1995 hingga tahun 2006. Oleh kerana di dalam tempoh tersebut terdapat krisis kewangan dan politik di Indonesia, maka kajian ini akan melihat kesan krisis kewangan dan politik tersebut ke atas prestasi bank. Selain dari itu, kajian ini juga akan menyiasat kesan pertumbuhan ekonomi terhadap prestasi bank.

3.3.1 Struktur Pemilikan Bank

Untuk tujuan kajian ini, pemilikan bank dilihat kepada tiga kategori iaitu bank kerajaan, bank swasta nasional dan BPD. Di Indonesia, bank swasta nasional diawasi oleh individu, bank milik kerajaan pusat diawasi oleh kerajaan pusat sedangkan BPD diawasi oleh kerajaan tempatan. Menurut Li dan Simerly (1998) struktur pemilikan bank mempengaruhi tahap pengawasan terhadap usaha pengurus untuk meningkatkan prestasi bank. Mereka yang memiliki saham majoriti bersedia untuk melakukan lebih pemantauan ke atas pihak pengurusan dan seterusnya mempengaruhi pengurus untuk meningkatkan prestasi syarikat. Pedersen dan Thomsen (2000) mendapati bahawa bentuk pemilikan syarikat mempunyai pengaruh signifikan pada prestasi syarikat.

Struktur pentadbiran kerajaan yang terlalu birokratik akan menyebabkan kerajaan sebagai prinsipal menghadapi kesukaran di dalam memantau usaha pengurus sebagai agen semasa menjalankan tugas menguruskan bank. Bank milik kerajaan menjadi tidak cekap kerana perlu mempertimbangkan antara kelangsungan politik atau penggunaan sumberdaya untuk menyokong mereka (Shleifer & Vishny, 1986; Shleifer, 1998).

Jadual 3.1 menunjukkan ringkasan sorotan karya kesan struktur pemilikan bank terhadap keuntungan bank. Beberapa kajian telah mendokumentasikan bahawa bank-bank milik kerajaan mempunyai aset lebih rendah, kos yang lebih tinggi dan kualiti aset yang lebih rendah berbanding dengan bank-bank swasta (Berger *et al.*, 2004; Micco *et al.*, 2004; Berger *et al.*, 2005). Selain itu, Cornett *et al.* (2010) menyatakan bahawa bank kerajaan memperolehi keuntungan yang lebih rendah, mempunyai modal yang kecil dan pinjaman berisiko tinggi sehingga dapat menurunkan prestasi bank. Mereka mendapati bahawa semasa krisis kewangan, bank kerajaan mempunyai prestasi yang lebih baik daripada bank swasta dari aspek aliran tunai, modal dasar dan kualiti pinjaman. Selepas krisis kewangan, bank-bank swasta mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding bank kerajaan dari segi nisbah kecukupan modal, kualiti aset dan kecekapan pengurus.

Micco *et al.* (2007) mengkaji hubungan di antara pemilikan bank dan keuntungan bank di 179 buah negara. Mereka mendapati bahawa bank-bank milik kerajaan

mempunyai pengaruh negatif pada negara-negara membangun dan tidak mempunyai pengaruh pada negara-negara industri. Bank-bank milik kerajaan di negara-negara membangun cenderung mempunyai margin pendapatan yang lebih rendah dan kos overhead yang lebih tinggi berbanding dengan bank milik swasta. Mereka tidak menjumpai bukti adanya perbezaan di antara prestasi bank-bank kerajaan dan domestik di negara-negara industri. Flamini *et al.* (2009) mengkaji 389 buah bank di Afrika untuk tempoh 1998 sehingga 2006 dan mendapati bank milik kerajaan berpengaruh negatif terhadap ROA. Bank-bank milik kerajaan mengalami kerugian dari pengurusan bank yang tidak efisien berbanding dengan bank milik swasta. Fu dan Heffernan (2009) menyelidik bank di China untuk tempoh 1985-2002. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank swasta lebih menguntungkan dari bank kerajaan kerana mempunyai pertumbuhan keuntungan dan kecekapan lebih tinggi dari bank kerajaan, walaupun mempunyai bahagian pasaran (*market share*) yang lebih kecil dari bank kerajaan.

Iannotta *et al.* (2007) mengkaji tiga bentuk pemilikan bank iaitu bank milik swasta, bank campuran dan bank milik kerajaan dengan sampel sebanyak 181 buah bank di 15 negara Eropah untuk tempoh 1999-2004. Prestasi bank diukur dengan menggunakan keuntungan kasar. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank milik kerajaan mempunyai keuntungan lebih rendah dari bank swasta kerana bank kerajaan mempunyai kekurangan modal, deposit yang rendah, jumlah pemberian pinjaman yang kecil dan kadar kecairan yang tinggi sehingga bank kerajaan tidak

Jadual 3.1

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Struktur Pemilikan terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Hadad, Sugianto, Purwanti, Hermanto dan Harintoi (2003)	Indonesia	131 bank (2002)	Pemilikan swasta dan kerajaan tidak berpengaruh terhadap ROA.
Beck, Cull dan Jerome (2005)	Nigeria	69 bank (1990-2001)	<i>Dummy</i> pemilikan kerajaan berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Berger, Clarke, Cull, Klapper dan Udell (2005)	Argentina	2,290 data tahunan bank (1990-1999)	<i>Dummy</i> bank kerajaan sebelum perbaikan semula berpengaruh negatif terhadap ROE.
Boubakri, Cosset, Fischer dan Gueddhami (2005)	22 negara membangun	81 bank (1986-1998)	<i>Dummy</i> penswastaan bank milik kerajaan berpengaruh positif terhadap marjin keuntungan bersih.
Chantapong (2005)	Thailand	23 bank (1995-2000)	Pemilikan domestik tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE.
Reaz (2005)	Bangladesh	35 bank (2002)	1. <i>Dummy</i> bank kerajaan berpengaruh negatif terhadap ROA. 2. <i>Dummy</i> bank swasta tidak berpengaruh terhadap ROA.
Fernandez, Fonseca dan Gonzalez (2005)	Delapan negara Eropah	222 data tahunan bank (1987-1997)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan tidak berpengaruh terhadap ROA.

Jadual 3.1 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Struktur Pemilikan terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Iannotta, Nocera dan Sironi (2007)	Eropah	181 bank (1999-2004)	<i>Dummy</i> pemilikan kerajaan berpengaruh negatif terhadap keuntungan dan pendapatan.
Micco, Panizza dan Yanez (2007)	179 negara	49,804 data tahunan bank (1995-2002)	1. <i>Dummy</i> bank kerajaan berpengaruh negatif terhadap ROA. 2. Interaksi bank kerajaan dengan pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.
Omran (2007)	Mesir	12 bank (1996-1999)	<i>Dummy</i> pemilikan swasta berpengaruh positif terhadap ROA.
Athanasoglou, Brissimis dan Delis (2008)	Mesir	226 bank (1985-2001)	<i>Dummy</i> kepemilikan penswastaan berpengaruh negatif terhadap ROA.
Yu dan Neus (2009)	Jerman	288 bank (1998-2002)	<i>Dummy</i> bank swasta berpengaruh positif terhadap ROE.
Dietrich dan Wanzenried (2009)	Switzerland	453 bank (1999-2006)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan berpengaruh negatif terhadap ROA.

Jadual 3.1 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Struktur Pemilikan terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Flamini, McDonald dan Schumacher (2009)	Afrika	389 bank (1998-2006)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan berpengaruh negatif terhadap ROA.
Fu dan Heffernan (2009)	China	187 data tahunan bank (1985-2002)	<i>Dummy</i> kepemilikan swasta berpengaruh positif terhadap ROA.

dapat beroperasi secara optimal. Yu dan Neus (2009) dan Dietrich dan Wanzenried (2009) juga mendapati bank swasta memperoleh keuntungan yang lebih tinggi berbanding dengan bank kerajaan di Jerman dan Switzerland masing-masing. Hasil kajian ini juga sama dengan Reaz (2005) yang mendapati bank kerajaan mempunyai pulangan atas aset yang lebih rendah berbanding bank swasta di Bangladesh.

Berger *et al.* (2005) menggunakan data Argentina untuk tempoh 1990-1999 dan mendapati bahawa bank-bank milik kerajaan mempunyai keuntungan yang lemah sebelum penswastaaan. Selepas penswastaaan prestasi bank-bank tersebut telah meningkat. Omran (2007) menyiasat 12 buah bank di Mesir untuk tempoh 1996-1999. Pada waktu itu banyak bank milik kerajaan diswastakan. Hasil kajian menunjukkan bank swasta mempunyai keuntungan dan kecekapan yang lebih tinggi daripada bank campuran yang mempunyai pemilikan majoriti oleh kerajaan. Ini berbeza dengan hasil kajian Althanasoglou *et al.* (2008) yang mendapati bank swasta di Mesir mempunyai prestasi yang lebih rendah disebabkan oleh penggabungan dan pengambilalihan yang dilakukan oleh bank-bank tersebut. Sementara itu, Haddad *et al.* (2003) dan Chantapong (2005) mendapati pemilikan bank tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE di Indonesia dan Thailand masing-masing.

3.3.2 Status Bank

Status bank merujuk kepada kebenaran yang diberikan kepada bank tersebut untuk menawarkan perkhidmatan tertentu dan ia boleh meliputi jumlah produk, modal dan perkhidmatan. Untuk kajian ini, status bank terbahagi kepada bank devisa dan bank bukan devisa. Bank devisa adalah bank yang diberi kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan urusan matawang asing, manakala bank bukan devisa tidak boleh menawarkan perkhidmatan ini.

Kajian yang melihat pengaruh status bank terhadap keuntungan bank diringkaskan pada Jadual 3.2. Keempat-empat kajian (Febriyani & Zulfadin, 2003; Lestari & Sugiharto, 2007; Kirana, 2009; Hosniah & Prihantoro, 2010) di Indonesia menggunakan kaedah perbezaan dua purata (*difference of two means*) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan ROA dan ROE bagi kedua-dua jenis bank ini. Ini menunjukkan bahawa bank devisa tidak dapat memanfaatkan peluang memperoleh keuntungan dari urusan matawang asing. Ini mungkin disebabkan oleh kerana terdapatnya persaingan yang sengit di dalam penawaran urusan matawang asing sehingga tidak memungkinkan bank yang menawarkan produk tersebut mendapat keuntungan yang besar.

Jadual 3.2

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Status Bank terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Febriyani dan Zulfadin (2003)	Indonesia	67 bank (2000-2001)	<ol style="list-style-type: none"> 1. ROA - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa. 2. ROE - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa.
Lestari dan Sugiharto (2007)	Indonesia	14 bank swasta (2002-2006)	<ol style="list-style-type: none"> 1. ROA - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa. 2. ROE - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa.
Kirana (2009)	Indonesia	32 bank (2006-2007)	<ol style="list-style-type: none"> 1. ROA - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa. 2. ROE - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa kecuali tahun 2006.
Hosniah dan Prihantoro (2010)	Indonesia	40 bank (2006-2008)	<ol style="list-style-type: none"> 1. ROA - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa. 2. ROE - tidak terdapat perbezaan bank devisa dan bukan devisa.

3.3.3 Syarat Minimum Ekuiti

Bank Indonesia sebagai pengawas perbankan nasional melalui pelan induk perbankan telah mencadangkan agar semua bank memiliki modal minimum sebanyak 100 bilion rupiah selewat-lewatnya pada akhir tahun 2010. Laporan Tahunan Bank Indonesia pada tahun 2003 menunjukkan bahawa 40% daripada 138 buah bank yang beroperasi, atau 55 buah bank, memiliki modal kurang daripada 100 bilion rupiah seperti yang diringkaskan di dalam jadual 3.3. Daripada jumlah ini, 15 buah bank mempunyai modal di bawah 20 bilion rupiah, 19 buah bank mempunyai modal 20 bilion hingga 50 bilion rupiah sementara bakinya mempunyai modal di antara 50 bilion hingga 100 bilion rupiah. Jumlah aset untuk 55 bank tersebut hanyalah 24.5 trilion rupiah atau 2.2% dari jumlah aset bank di Indonesia manakala aktiviti pemberian pinjamannya hanya berjumlah 2.8% daripada keseluruhan pinjaman yang diberikan oleh bank (Sugiarto, 2004). Dengan demikian 55 buah bank tersebut tidak memiliki risiko sistemik¹ di dalam sistem perbankan disebabkan sumbangan mereka yang terlalu kecil di dalam sektor perbankan.

Jadual 3.3

Jumlah Modal Bank Kurang dari 100 Bilion Rupiah

Jumlah modal (rupiah)	Jumlah bank
Kurang dari 20 bilion	15
20 bilion hingga 50 bilion	19
50 bilion hingga dengan 100 bilion	21
Jumlah bank	55

Sumber: Bank Indonesia 2003

¹ Risiko sistemik merujuk kepada risiko kegagalan keseluruhan sistem kewangan dan pasaran (Kaufman & Scott, 2003)

Bank-bank yang memiliki modal yang kurang daripada 100 bilion rupiah pada umumnya mempunyai jumlah aset yang kecil yang sebahagian besarnya dipegang dalam bentuk sekuriti yang berisiko rendah seperti Sijil Bank Indonesia dan pinjaman antara bank. Oleh kerana pelaburan ini mempunyai risiko yang rendah, maka kadar keuntungan yang diperolehi oleh bank-bank tersebut yang diukur dengan ROA juga adalah rendah iaitu hanya 1.3% berbanding dengan ROA keseluruhan sistem perbankan iaitu 2.2% (Sugiarto, 2004).

Kecekapan bank-bank yang memiliki modal kurang daripada 100 bilion rupiah juga tidak sebaik bank-bank lain. Tingkat kecekapan yang diukur dengan nisbah kos operasi kepada pendapatan operasi menunjukkan bahawa bank-bank yang bermodal kurang dari 100 bilion rupiah mempunyai nisbah sebanyak 136.8%. Dengan nisbah kos operasi kepada pendapatan operasi melebihi 100%, ini menunjukkan ketidakcekapan pengurusan kos operasi. Sebaliknya nisbah kos operasi kepada pendapatan operasi untuk sistem perbankan di Indonesia adalah 91.5%. Ini menunjukkan bank kecil tidak secepat bank besar (Sugiarto, 2004).

Di samping rendahnya keuntungan dan tingginya kos operasi, bank-bank bermodal kecil juga tentunya akan mengalami kesulitan untuk menjalankan pelbagai operasi perniagaan atau mengambil risiko yang lebih tinggi seperti menjalankan kegiatan derivatif. *The New Basel Accord* atau *Basel II* pada bahagian 2 telah menegaskan bahawa jumlah modal bank mesti sesuai dengan risiko yang dihadapi oleh bank agar

bank tersebut dapat melindungi risikonya dengan baik. Selain itu, modal yang kecil juga akan mempengaruhi keupayaan bank untuk meningkatkan kecekapan sumber manusianya supaya dapat bersaing di dalam industri perbankan yang sangat kompetitif dan dapat menawarkan produk-produk yang lebih inovatif.

Kajian menggunakan *dummy* untuk ekuiti belum pernah dijalankan oleh penyelidik. Walau bagaimanapun nisbah ekuiti kepada aset pernah dijalankan oleh Liu dan Wilson (2009), Sufian (2010) dan Mirzaei *et al.* (2011). Hasil kajian menunjukkan bahawa nisbah ekuiti kepada aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE. Ini menunjukkan jumlah ekuiti yang tinggi dapat meningkatkan keuntungan bank kerana jumlah ekuiti yang tinggi dapat menampung pelaburan yang menguntungkan, mengurangkan kos operasi bank dan mengurangkan kemungkinan kebangkrapan.

3.3.4 Krisis Kewangan

Merujuk kepada jadual 1.1 dan 1.3, krisis perbankan Indonesia berlaku apabila kos operasi meningkat berbanding pendapatan operasi, nilai nisbah modal menjadi negatif dan nisbah hutang lapuk meningkat. Ia kemudian disusuli dengan bank mengalami kerugian akibat dari kenaikan kadar faedah secara mendadak sejak separuh kedua tahun 1997. Krisis kewangan ini telah menyebabkan sistem perbankan mengalami kesulitan kewangan dan perubahan struktur perbankan yang amat ketara.

Jadual 3.4 menyimpulkan ringkasan sorotan karya mengenai kesan krisis kewangan terhadap keuntungan bank. Davydenko (2010) mendapati krisis kewangan berpengaruh negatif terhadap prestasi (ROA) bank di Ukraine. Sufian dan Habibullah (2010) mengkaji bank di Indonesia untuk tempoh 1990 sehingga 2005 dan mendapati krisis kewangan berpengaruh negatif terhadap ROA sementara Sufian (2011) mendapati bahawa krisis kewangan Asia berpengaruh negatif dan signifikan terhadap keuntungan bank di Korea. Reynolds *et al.* (2000) mendapati bahawa krisis kewangan mempunyai pengaruh negatif terhadap keuntungan bank di Thailand, Korea, Malaysia, Taiwan dan Singapura dan tidak mempunyai kesan di Indonesia dan Filipina.

3.3.5 Pertumbuhan Ekonomi

Batunagar (2003) menyatakan bahawa antara faktor berlakunya krisis kewangan adalah kelemahan asas ekonomi sesebuah negara. Beberapa kajian mengenai hubungan di antara pertumbuhan ekonomi dan perantara kewangan telah dilakukan dan dipelopori oleh Goldsmith (1969), McKinnon dan Ronald (1973) dan Shaw (1973). Mereka mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi dipengaruhi oleh struktur kewangan di mana pihak-pihak yang mempunyai lebih dana akan menabung di institusi kewangan dan tabungan ini dapat membantu pihak-pihak yang kekurangan dana.

Jadual 3.4

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Krisis Kewangan terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Reynolds, Ratanakomut dan Gander (2000)	Asia Timur dan Selatan	342 bank (1987-1997)	<i>Dummy</i> krisis berpengaruh negatif terhadap ROA di Thailand, Korea, Malaysia, Taiwan dan Singapura. <i>Dummy</i> krisis tidak berpengaruh terhadap ROA di Indonesia dan Filipina.
Davydenko (2010)	Ukraine	3,236 data tahunan bank (2005-2009)	<i>Dummy</i> krisis berpengaruh negatif terhadap ROA.
Sufian dan Habibullah (2010)	Indonesia	404 data tahunan bank (1990-2005)	<i>Dummy</i> krisis berpengaruh negatif terhadap ROA.
Sufian (2011)	Korea	11 bank (1992) dan 29 bank (2000)	<i>Dummy</i> krisis berpengaruh negatif terhadap ROA.

Williamson (1987) mendapati terdapat hubungkait positif di antara output sebenar (*real output*) dan pemberian pinjaman di lima buah negara maju. Ia juga mendapati bahawa terdapat hubungan sebab-dan-akibat antara pinjaman dengan output nasional. Penemuan ini selari dengan penemuan Gettler (1998) yang membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pinjaman dan output nasional.

Sementara itu, Greenwood dan Jovanovic (1990) mendapati bahawa pembangunan struktur kewangan yang lebih baik akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi disebabkan oleh pelaburan yang lebih berkesan. Mereka juga mendapati bahawa untuk menambah pendapatan, struktur kewangan harus diperluas dan ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Jadual 3.5 menunjukkan bahawa kebanyakan kajian mendapati pertumbuhan ekonomi mempunyai pengaruh positif terhadap ROA dan ROE (Mashharawi & Al-Zu'bi, 2009; Ali *et al.*, 2011; Gul *et al.*, 2011; Mirzaei *et al.*, 2011; Said & Tumin, 2011; Trujillo-Ponce, 2011). Hasil kajian Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000), Wong *et al.* (2007), Athanasoglou *et al.* (2008), Flamini *et al.* (2009), Davydenko (2010) dan Sufian dan Habibullah (2012) mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi mempunyai pengaruh yang positif terhadap ROA, manakala Bashir (2003) dan Boubakri *et al.* (2005) mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi mempunyai pengaruh positif terhadap ROE. Akhir sekali, Iannotta *et al.* (2007) mendapati

Jadual 3.5

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Pertumbuhan Ekonomi terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000)	43 negara	2,237 data tahunan bank (1990-1997)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.
Bashir (2003)	Asia Tengah	14 bank Islam (1993-1998)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROE.
Fernandez, Fonseca dan Gonzalez (2005)	Lapan negara Eropah	222 data tahunan bank (1987-1997)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.
Boubakri, Cosset, Fischer dan Gueddhami (2005)	22 negara membangun	81 bank (1986-1998)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROE.
Staikouras dan Wood (2005)	Eropah	685 bank (1994-1998)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh negatif terhadap ROA.
Iannotta, Nocera dan Sironi (2007)	Eropah	181 bank (1999-2004)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap keuntungan dan pendapatan.
Kosmidou, Pasiouras dan Tsaklanganos (2007)	Mesir	19 bank (1995-2001)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA.

Jadual 3.5 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Pertumbuhan Ekonomi terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Valverde dan Fernandez (2007)	Tujuh negara Eropah	19,322 data tahunan bank (1994-2001)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap keuntungan kasar kepada jumlah aset.
Wong, Fong, Wong dan Choi (2007)	Hong Kong	38 bank (1991-2005)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.
Naceur dan Goaid (2008)	Tunisia	10 bank (1980-2000)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA.
Garza-Garcia (2008)	Mexico	18 bank (2001-2009)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE.
Athanasoglou, Brissimis dan Delis (2008)	Mesir	226 bank (1985-2001)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.
Smaoui dan Salah (2008)	Lima negara Timur Tengah	44 bank (1995-2009)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE.
Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009)	Jordan	149 data tahunan bank (1992-2006)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Alexiou dan Sofoklis (2009)	Mesir	Enam bank (2000-2007)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE.

Jadual 3.5 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Pertumbuhan Ekonomi terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Flamini, McDonald dan Schumacher (2009)	Afrika	389 bank (1998-2006)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.
Garcia-Herrero (2009)	China	87 bank (1997-2004)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA.
Davydenko (2010)	Ukraine	3,236 data tahunan bank (2005-2009)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.
Mirzaei, Liu dan Moore (2011)	40 negara	19, 290 data tahunan bank (1999-2008)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Ramadan (2011)	Jordan	26 bank (2000-2001)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA.
Riewsthirathorn, Jumroenvong dan Jiraporn (2011)	Asia Timur	62 bank (2004-2008)	Pertumbuhan ekonomi tidak berpengaruh terhadap ROA.
Ali, Akhtar dan Ahmed (2011)	Pakistan	22 bank (2006-2009)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Gul, Irshad dan Zaman (2011)	Pakistan	15 bank (2005-2009)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.

Jadual 3.5 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Pertumbuhan Ekonomi terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Said dan Tumin (2011)	Malaysia dan China	13 bank (2001-2007)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Trujillo-Ponce (2011)	Sepanyol	89 bank (1999-2009)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Sufian dan Habibullah (2012)	China	153 bank (2000-2007)	Pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap ROA.

bahawa pertumbuhan ekonomi mempunyai pengaruh positif terhadap keuntungan dan pendapatan. Ini menunjukkan bahawa peningkatan pertumbuhan ekonomi akan berpengaruh kepada peningkatan kemampuan pelanggan untuk membayar pinjaman.

Staikouras dan Wood (2005) mendapati pertumbuhan ekonomi mempunyai pengaruh yang negatif terhadap ROA, sementara Kosmidou *et al.* (2007), Valverde dan Fernandez (2007), Garza-Garcia (2008), Smaoui dan Salah (2008), Naceur dan Goaid (2008), Alexiou dan Sofoklis (2009), Garcia-Herrero *et al.* (2009), Ramadan (2011) dan Riewsthirathorn *et al.* (2011) mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi tidak mempunyai pengaruh terhadap prestasi bank.

3.3.6 Pembolehubah Kawalan

Seksyen ini akan membincangkan mengenai kesan pembolehubah kawalan yang terdiri daripada nisbah-nisbah kewangan dan saiz bank terhadap keuntungan bank. Seksyen 3.3.6.1 akan membincangkan kesan nisbah ekuiti kepada jumlah aset sementara seksyen 3.3.6.2 akan membincangkan kesan nisbah pinjaman kepada jumlah aset. Seksyen 3.3.6.3 akan membincangkan kesan nisbah belanja operasi kepada jumlah aset, seksyen 3.3.6.4 akan membincangkan kesan nisbah deposit kepada jumlah pinjaman dan seksyen 3.3.6.5 akan membincangkan kesan jumlah aset.

3.3.6.1 Nisbah Ekuiti kepada Jumlah Aset

Allen *et al.* (2011) dan Mehran dan Thakor (2011) menyatakan bahawa modal bank akan mempengaruhi prestasi secara positif manakala Jensen (1986) menyatakan bahawa penggunaan hutang dapat meningkatkan pengawasan pihak kreditor dan mengurangkan perbelanjaan terhadap aliran tunai bebas (*free cash flow*). Oleh itu, mengikut pandangan Jensen (1986), nisbah ekuiti akan mengurangkan nilai syarikat. Sementara itu, Modigliani dan Miller (1963) pula menyatakan bahawa lebih tinggi jumlah hutang (ekuiti), maka lebih tinggi (rendah) nilai syarikat kerana hutang boleh mengurangkan pembayaran cukai.

Jadual 3.6 meringkaskan ulasan karya mengenai kesan nisbah ekuiti terhadap keuntungan bank. Hasil kajian mengenai kesan ekuiti ke atas prestasi bank adalah bercampur-campur. Berger dan Bonaccorsi (2006), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Barry *et al.* (2011), Hoffmann (2011), Gul *et al.* (2011) dan Trujillo-Ponce (2011) mendapati bahawa nisbah ekuiti mempunyai kesan negatif terhadap ROE. Bashir (2003) dan Fu dan Heffernan (2009) pula mendapati bahawa nisbah ekuiti mempunyai pengaruh negatif terhadap ROA, manakala Dietrich dan Wanzenried (2011) mendapati nisbah ekuiti mempunyai pengaruh negatif terhadap ROA semasa krisis di Switzerland. Hasil-hasil kajian berkenaan bersesuaian dengan pandangan Modigliani dan Miller (1963) dan Jensen (1986) bahawa peningkatan penggunaan

Jadual 3.6

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000)	43 negara	2,237 data tahunan bank (1990-1997)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Mamatzakis dan Remoundos (2003)	Mesir	128 data tahunan bank (1989-2000)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Bashir (2003)	Asia Tengah	14 bank Islam (1993-1998)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROE dan berpengaruh negatif terhadap ROA.
Staikouras dan Wood (2005)	Eropah	685 bank (1994-1998)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Fernandez, Fonseca dan Gonzalez (2005)	Lapan negara Eropah	222 data tahunan bank (1987-1997)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.

Jadual 3.6 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Berger dan Bonaccorsi (2006)	Amerika Syarikat	7,548 data tahunan bank (1990-1995)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROE.
Kosmidou, Pasiouras dan Tsaklanganos (2007)	Mesir	19 bank (1995-2001)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Pasiouras dan Kosmidou (2007)	Eropah	584 bank (1995-2001)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap rerata ROA.
Iannotta, Nocera dan Sironi (2007)	Eropah	181 bank (1999-2004)	Ekuiti kepada jumlah asset berpengaruh positif terhadap keuntungan dan pendapatan.
Athanasoglou, Brissimis dan Delis (2008)	Mesir	226 bank (1985-2001)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Garza-Garcia (2008)	Mexico	18 bank (2001-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.

Jadual 3.6 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Smaoui dan Salah (2008)	Lima negara Timur Tengah	44 bank (1995-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Sufian dan Chong (2008)	Filipina	280 data tahunan bank (1990-2005)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Liu dan Wilson (2009)	Jepun	649 bank (2000-2007)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009)	Jordan	149 data tahunan bank (1992-2006)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan berpengaruh negatif terhadap ROE.
Ramlall (2009)	Taiwan	31 bank (2002-2007)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Alexiou dan Sofoklis (2009)	Mesir	Enam bank (2000-2007)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.

Jadual 3.6 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Fu dan Heffernan (2009)	China	187 data tahunan bank (1985-2002)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA.
Garcia-Herrero, Gavila dan Santabarbara (2009)	China	87 bank (1997-2004)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Flamini, McDonald dan Schumacher (2009)	Afrika	389 bank (1998-2006)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Sufian (2010)	Thailand	76 data tahunan bank (1999-2005)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Davydenko (2010)	Ukraina	3,236 data tahunan bank (2005-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Sufian dan Majid (2010)	MENA	98 data tahunan bank (2000-2008)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.

Jadual 3.6 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Ramadan (2011)	Jordan	26 data tahunan bank (2000-2001)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Mirzaei, Liu dan Moore (2011)	40 negara	19, 290 data tahunan bank (1999-2008)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Riewsthirathorn, Jumroenvong dan Jiraporn (2011)	Asia Timur	62 bank (2004-2008)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Barry, Lepetit dan Tarazi (2011)	16 negara Eropah	249 bank (1999-2005)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap rerata ROA dan negatif terhadap rerata ROE.
Trujillo-Ponce (2011)	Sepanyol	89 bank (1999-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan berpengaruh negatif terhadap ROE.
Javaid, Anwar, Zaman dan Gafoor (2011)	Pakistan	10 bank (2004-2008)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.

Jadual 3.6 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Dietrich dan Wanzenried (2011)	Switzerland	372 bank (1999-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap rerata ROA.
Hoffmann (2011)	Amerika Syarikat	108,439 data tahunan bank (1995-2007)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROE.
Gul, Irshad dan Zaman (2011)	Pakistan	15 bank (2005-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROE.
Sastroswito dan Suzuki (2012)	Indonesia	116 bank (2001-2008)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Sufian dan Habibullah (2012)	China	153 bank (2000-2007)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.

hutang dapat meningkatkan ROE sementara peningkatan penggunaan ekuiti akan mengurangi ROE.

Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000), Mamatzakis dan Remoundos (2003), Staikouras dan Wood (2005), Fernandez *et al.* (2005), Pasioras dan Kosmidou (2007), Kosmidou *et al.* (2007), Garza-Garcia (2008), Athanasoglou *et al.* (2008), Smaoui dan Salah (2008), Sufian dan Chong (2008), Garcia-Herrero *et al.* (2009), Liu dan Wilson (2009), Flamini *et al.* (2009), Ramlall (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Alexiou dan Sofoklis (2009), Sufian (2010), Davydenko (2010), Sufian dan Majid (2010), Barry *et al.* (2011), Javaid *et al.* (2011), Ramadan (2011), Riewathirathorn *et al.* (2011) dan Sufian dan Habibullah (2012) mendapati nisbah ekuiti berpengaruh positif terhadap ROA. Bashir (2003) mendapati nisbah ekuiti kepada jumlah aset mempunyai pengaruh positif terhadap ROE, manakala Liu dan Wilson (2009), Sufian (2010) dan Mirzaei *et al.* (2011) mendapati nisbah ekuiti kepada jumlah aset mempunyai pengaruh positif terhadap ROA dan ROE. Iannotta *et al.* (2007) pula mendapati bahawa nisbah ekuiti mempunyai pengaruh positif terhadap nisbah keuntungan operasi kepada jumlah aset.

Kajian yang menunjukkan hubungan positif di antara nisbah ekuiti dan keuntungan membuktikan bahawa ekuiti yang tinggi dapat meningkatkan kemampuan bank untuk mengatasi kerugian aset termasuk pinjaman, meningkatkan pendapatan dari penurunan kos kebangkrutan dan lebih mudah untuk menawarkan produk-produk yang menguntungkan. Jumlah ekuiti yang tinggi dapat mengurangi keperluan pinjaman

dari luar dan ini dapat menjimatkan pembayaran faedah seterusnya ini akan meningkatkan keuntungan bersih bank. Di samping itu, jumlah modal yang tinggi akan memaksa pengurus untuk bekerja bersungguh-sungguh kerana hutang yang tidak boleh dikutip akan memberi kesan kepada modal (Allen *et al.*, 2011).

3.3.6.2 Nisbah Pinjaman kepada Jumlah Aset

Nisbah pinjaman kepada jumlah aset (*loan to total assets*) merupakan salah satu ukuran risiko bank. Kesan nisbah pinjaman terhadap prestasi bank sangat sukar untuk ditentukan. Ini kerana nisbah pinjaman yang tinggi menunjukkan bahawa bank telah berjaya menarik lebih ramai pelanggan untuk membuat pinjaman dan ini akan mempengaruhi keuntungan bank. Walau bagaimanapun, peningkatan pinjaman juga menunjukkan bahawa berkemungkinan bank telah melonggarkan tahap kualiti kredit. Peningkatan pinjaman dengan melonggarkan syarat kredit mungkin tidak menjadi masalah dalam keadaan ekonomi yang baik kerana pelanggan mampu untuk membuat pembayaran bagi pinjaman tersebut. Masalah akan timbul apabila keadaan ekonomi tidak baik di mana pelanggan mungkin kehilangan sumber pendapatan dan ini akan menjejaskan keupayaan mereka untuk membuat pembayaran. Selain daripada itu, bank boleh meningkatkan nisbah pinjaman dengan mengurangkan kadar faedah. Bagaimanapun, pengurangan kadar faedah akan mengurangkan jumlah keuntungan bank. Oleh itu, kesan pinjaman terhadap keuntungan sukar ditentukan.

Ringkasan sorotan karya mengenai nisbah pinjaman kepada jumlah aset ditunjukkan pada jadual 3.7. Bashir (2003), Beck *et al.* (2005), Hassan dan Bashir (2005) dan Atemnkeng dan Joseph (2005) mendapati nisbah pinjaman kepada aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE sementara itu, Garza-Garcia (2008), Aburime (2009) dan Davydenko (2010) mendapati nisbah pinjaman kepada aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan Liu dan Wilson (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009) dan Hoffmann (2011) mendapati nisbah pinjaman kepada aset berpengaruh negatif terhadap ROE.

Sufian (2011) dan Trujillo-Ponce (2011) mendapati nisbah pinjaman kepada aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE, manakala Mamatzakis dan Remoundos (2003), Staikouras dan Wood (2005), Fernandez *et al.* (2005), Trivieri (2007), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009) dan Gul *et al.* (2011) mendapati nisbah pinjaman mempunyai pengaruh positif terhadap ROA. Iannotta *et al.* (2007) pula mendapati bahawa nisbah pinjaman mempunyai kesan positif terhadap nisbah pendapatan operasi. Nisbah pinjaman berpengaruh positif kerana bank memperoleh pendapatan faedah atas pinjaman yang diberikan.

Jadual 3.7

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Pinjaman terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000)	43 negara	2,237 data tahunan bank (1990-1997)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap ROA.
Bashir (2003)	Asia Tengah	14 bank Islam (1993-1998)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Mamatzakis dan Remoundos (2003)	Mesir	128 data tahunan bank (1989-2000)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Atemnkeng dan Joseph (2005)	Cameroon	Tiga bank (1987-1999)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Beck, Cull dan Jerome (2005)	Nigeria	69 bank (1990-2001)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Fernandez, Fonseca dan Gonzalez (2005)	Eropah	222 data tahunan bank (1987-1997)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.

Jadual 3.7 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Pinjaman terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Hassan dan Bashir (2005)	21 negara	22 bank (1994-2001)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Staikouras dan Wood (2005)	Eropah	685 bank (1994-1998)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Iannotta, Nocera dan Sironi (2007)	Eropah	181 bank (1999-2004)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap keuntungan.
Kosmidou, Pasiouras dan Tsaklanganos (2007)	Mesir	19 bank (1995-2001)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap ROA.
Trivieri (2007)	Itali	518 bank (1996-2000)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Garza-Garcia (2008)	Mexico	18 bank (2001-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA.
Smaoui dan Salah (2008)	Lima negara Timur Tengah	44 bank (1995-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE.

Jadual 3.7 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Pinjaman terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Aburime (2009)	Nigeria	33 bank (2000-2004)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA.
Garcia-Herrero, Gavila dan Santabarbara (2009)	China	87 bank (1997-2004)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap ROA.
Liu dan Wilson (2009)	Jepun	649 bank (2000-2007)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROE.
Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009)	Jordan	149 data tahunan bank (1992-2006)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan negatif terhadap ROE.
Davydenko (2010)	Ukraine	3,236 data tahunan bank (2005-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA.
Gul, Irshad dan Zaman (2011)	Pakistan	15 bank (2005-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Hoffmann (2011)	Amerika Syarikat	108,439 data tahunan bank (1995-2007)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROE.

Jadual 3.7 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Pinjaman terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Sufian (2011)	Korea	251 data tahunan bank (1992-2003)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Javaid, Anwar, Zaman dan Gafoor (2011)	Pakistan	10 bank (2004-2008)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap ROA.
Trujillo-Ponce (2011)	Sepanyol	89 bank (1999-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.

Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000), Kosmidou *et al.* (2007), Garcia-Herrero *et al.* (2009), dan Javaid *et al.* (2011) mendapati nisbah pinjaman tidak memberi kesan kepada ROA manakala Smaoui dan Salah (2008) mendapati nisbah pinjaman tidak memberi kesan kepada ROA dan ROE. Semua kajian di atas menunjukkan bahawa kesan nisbah pinjaman terhadap prestasi bank tidak dapat ditentukan.

3.3.6.3 Nisbah Belanja Operasi kepada Jumlah Aset

Pengurusan kos operasi ialah belanja yang digunakan untuk operasi bank. Kos operasi adalah sangat penting kerana ia akan mempengaruhi keuntungan atau prestasi bank. Sekiranya kos operasi meningkat, prestasi bank akan menurun. Ini menunjukkan bahawa bank yang efisien akan memastikan bahawa belanja operasi berada di bawah kawalan. Teknologi elektronik seperti *automated teller machine* (ATM) dapat mengurangkan kos operasi kerana penggunaan ATM akan mengurangkan jumlah kakitangan bank dan ini seterusnya dapat menjimatkan pembayaran gaji. Hasil kajian Beck *et al.* (2005), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009) dan Mirzaei *et al.* (2011) mendapati bahawa nisbah kos operasi kepada jumlah aset mempunyai kesan negatif terhadap ROA dan ROE. Althanasoglou *et al.* (2008) dan Davydenko (2010) pula mendapati bahawa nisbah kos mempunyai kesan negatif terhadap ROA (rujuk jadual 3.8). Ini menunjukkan bahawa bank yang efisien mungkin menggunakan kos rendah dalam operasi bank.

Jadual 3.8

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Kos Operasi terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Bashir (2003)	Asia Tengah	14 bank Islam (1993-1998)	Kos operasi kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROE.
Beck, Cull dan Jerome (2005)	Nigeria	69 bank (1990-2001)	Kos overhead kepada aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Pasiouras dan Kosmidou (2007)	15 negara Eropah	584 bank (1995-2001)	Kos kepada pendapatan berpengaruh positif terhadap rerata ROA.
Kosmidou, Pasiouras dan Tsaklanganos (2007)	Mesir	19 bank (1995-2001)	Kos kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap ROA.
Naceur dan Goaid (2008)	Tunisia	10 bank (1980-2000)	Kos operasi kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap ROA.
Athanasoglou, Brissimis dan Delis (2008)	Mesir	226 bank (1985-2001)	Kos operasi kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA.

Jadual 3.8 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Kos Operasi terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009)	Jordan	149 data tahunan bank (1992-2006)	Kos operasi kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Davydenko (2010)	Ukraine	3,236 data tahunan bank (2005-2009)	Kos operasi kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA.
Mirzaei, Liu dan Moore (2011)	40 negara	19, 290 data tahunan bank (1999-2008)	Kos operasi kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.

Walaupun bagaimanapun, hasil kajian Naceur dan Goaid (2008) mendapati bahawa nisbah belanja operasi mempunyai kesan positif terhadap ROA. Ini menunjukkan bahawa pembayaran gaji yang lebih tinggi kepada kakitangan bank akan meningkatkan motivasi mereka untuk bekerja dengan lebih cekap dan ini akan meningkatkan keuntungan bank. Bashir (2003) pula mendapati bahawa nisbah kos mempunyai kesan positif terhadap ROE kerana pengaruh pembolehubah makroekonomi, manakala Kosmidou *et al.* (2007) menunjukkan bahawa nisbah kos operasi kepada jumlah aset tidak memberi kesan kepada ROA.

3.3.6.4 Nisbah Deposit kepada Jumlah Pinjaman

Secara umumnya, bank akan membayar kadar faedah yang rendah terhadap deposit pelanggan. Pada masa yang sama bank akan menggunakan deposit tersebut untuk memberi pinjaman pada kadar faedah yang lebih tinggi. Oleh itu, bank akan memperolehi pendapatan faedah yang lebih tinggi dan ini akan meningkatkan pendapatan bank. Iannotta *et al.* (2007) menyelidik 181 buah bank di Eropah dan mendapati bahawa deposit kepada jumlah pinjaman berpengaruh positif terhadap keuntungan bank.

3.3.6.5 Jumlah Aset

Bank bersaiz besar akan mendapat faedah dari kewujudan ekonomi mengikut skala di mana kosnya akan berkurangan apabila output meningkat sekiranya dibandingkan

dengan bank bersaiz kecil. Pada masa yang sama, bank bersaiz besar juga boleh mempelbagaikan operasinya. Oleh itu, bank tersebut boleh mengambil risiko yang lebih tinggi yang akan memberi pulangan yang lebih tinggi. Ini akan mempengaruhi prestasi bank secara positif. McAllister dan Mcmanus (1993) pula menyatakan bahawa bank bersaiz besar mempunyai keupayaan untuk mempelbagaikan risiko dan ini membolehkan bank tersebut memperolehi pinjaman luar dengan kos yang lebih rendah. Ini dapat mengurangkan kos modal bank dan seterusnya ia akan memberi kesan yang positif terhadap keuntungan bank.

Walau bagaimanapun, Stiroh dan Rumble (2006) dan Pasioras dan Kosmidou (2007) menyatakan bahawa bank bersaiz besar akan menghadapi masalah agensi yang lebih tinggi dan proses birokrasi yang lebih rumit. Oleh itu, mengikut pendapat ini adalah dijangkakan bahawa prestasi bank bersaiz besar adalah lebih rendah berbanding bank bersaiz kecil.

Jadual 3.9 menyimpulkan sorotan karya mengenai kesan saiz terhadap keuntungan bank. Mamatzakis dan Remoundos (2003), Beck *et al.* (2005), Alexiou dan Sofoklis (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Sufian (2010) dan Barry *et al.* (2011) mendapati bahawa saiz mempunyai kesan positif terhadap ROA dan ROE. Apabila ROA dijadikan sebagai pembolehubah bersandar, hasil penyelidikan Bashir (2003), Hassan dan Bashir (2005), Trivieri (2007), Pasiouras dan Kosmidou (2007), Flamini *et al.* (2009), Naceur dan Goaid (2008) dan Riewsthirathorn *et al.* (2011) mendapati saiz berpengaruh positif terhadap keuntungan bank manakala Kosak dan Cok (2008)

dan Chen dan Liao (2011) mendapati bahawa saiz berpengaruh positif terhadap ROE. Apabila prestasi diukur dengan menggunakan nisbah keuntungan operasi kepada jumlah aset, Iannotta *et al.* (2007) mendapati bahawa saiz mempunyai kesan positif terhadap prestasi bank. Mirzaei *et al.* (2011) pula mendapati bahawa saiz mempunyai kesan positif terhadap ROA dan ROE untuk negara-negara maju.

Reaz (2005) mendapati bahawa saiz mempunyai hubungan negatif terhadap ROA dan ROE manakala Mirzaei *et al.* (2011) mendapati bahawa saiz mempunyai kesan negatif terhadap ROA dan ROE untuk negara-negara membangun. Sementara itu, Reynolds *et al.* (2000), Staikouras dan Wood (2005), Kosmidou *et al.* (2007), Sufian dan Chong (2008), Sufian dan Majid (2010), Barry *et al.* (2011), Chen dan Liao (2011) dan Javaid *et al.* (2011) menunjukkan bahawa saiz mempunyai hubungan negatif terhadap ROA. Apabila prestasi diukur dengan menggunakan ROE, Hassan dan Bashir (2005), Berger dan Bonaccorsi (2006) dan Hoffmann (2011) mendapati bahawa saiz mempunyai pengaruh negatif terhadap prestasi.

Jadual 3.9

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Reynolds, Ratanakomut dan Gander (2000)	Asia Timur dan Selatan	342 data tahunan bank (1987-1997)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROA.
Bashir (2003)	Asia Tengah	14 bank Islam (1993-1998)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA.
Mamatzakis dan Remoundos (2003)	Mesir	128 data tahunan bank (1989-2000)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Beck, Cull dan Jerome (2005)	Nigeria	69 buah bank (1990-2001)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Reaz (2005)	Bangladesh	35 bank (2002)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROA dan ROE.
Hassan dan Bashir (2005)	21 negara	22 bank (1994-2001)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA dan berpengaruh negatif terhadap ROE.
Staikouras dan Wood (2005)	Eropah	685 bank (1994-1998)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROA.
Berger dan Bonaccorsi (2006)	Amerika Syarikat	7,548 data tahunan bank (1990- 1995)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROE.

Jadual 3.9 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Iannotta, Nocera dan Sironi (2007)	Eropah	181 bank (1999-2004)	Saiz berpengaruh positif terhadap keuntungan dan pendapatan.
Kosmidou, Pasiouras dan Tsaklanganos (2007)	Mesir	19 bank (1995-2001)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROA.
Trivieri (2007)	Itali	518 bank (1996-2000)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA.
Pasiouras dan Kosmidou (2007)	15 negara Eropah	584 bank (1995-2001)	Saiz berpengaruh positif terhadap rerata ROA.
Sufian dan Chong (2008)	Filipina	280 data tahunan bank (1990-2005)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROA.
Naceur dan Goaid (2008)	Tunisia	10 bank (1980-2000)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA.
Kosak dan Cok (2008)	Eropah	581 bank (1995-2004)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROE.
Flamini, McDonald dan Schumacher (2009)	Afrika	389 bank (1998-2006)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA.

Jadual 3.9 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009)	Jordan	149 data tahunan bank (1992-2006)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Alexiou dan Sofoklis (2009)	Mesir	Enam bank (2000-2007)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Sufian (2010)	Thailand	76 data tahunan bank (1999-2005)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE.
Sufian dan Majid (2010)	MENA	98 data tahunan bank (2000-2008)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROA.
Barry, Lepetit dan Tarazi (2011)	16 negara Eropah	249 bank (1999-2005)	Saiz berpengaruh negatif terhadap purata ROA dan positif terhadap sisihan piawai ROA dan ROE.
Hoffmann (2011)	Amerika Syarikat	108,439 data tahunan bank (1995-2007)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROE.
Riewsthirathorn, Jumroenvong dan Jiraporn (2011)	Asia Timur	62 bank (2004-2008)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA.

Jadual 3.9 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Keuntungan Bank

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Mirzaei, Liu dan Moore (2011)	40 negara	19,290 data tahunan bank (1999-2008)	Saiz berpengaruh positif terhadap ROA dan ROE untuk ekonomi maju dan negatif terhadap ekonomi membangun.
Javaid, Anwar, Zaman dan Gafoor (2011)	Pakistan	10 bank (2004-2008)	Saiz berpengaruh negatif terhadap ROA.

3.4 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecekapan Kos

Penggunaan nisbah kewangan untuk mengukur prestasi bank mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, data perakaunan yang digunakan tidak menunjukkan nilai pasaran terkini sesuatu aset (Kobers et al., 2000). Kedua, penggunaan nisbah kewangan tidak mengambilkira harga input dan output dalam mengukur prestasi (Berger & Humprey, 1997). Ketiga, nisbah kewangan boleh digunakan dengan menggunakan beberapa petunjuk dan adakalanya satu petunjuk bercanggah dengan petunjuk yang lain.

Untuk mengatasi kelemahan pendekatan analisis nisbah kewangan, Rouse *et al.* (2002) menyarankan supaya prestasi bank dinilai dengan menggunakan nisbah kewangan dan teknik bukan parametrik. Penggabungan kedua-dua teknik analisis ini dapat menghasilkan petunjuk prestasi yang lebih baik kerana kelemahan pendekatan pada suatu teknik akan dapat diimbangi oleh teknik analisis lain. Analisis penyampulan data (*Data envelopment analysis, DEA*) yang dicadangkan oleh Charnes *et al.* (1978) adalah salah satu pendekatan bukan parametrik yang paling popular digunakan untuk mengukur kecekapan bank. DEA melihat kepada kecekapan bank di dalam penggunaan input untuk menghasilkan output.

Seksyen-seksyen seterusnya akan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan kos dalam analisis regresi tobit.

3.4.1 Struktur Pemilikan Bank

Struktur pemilikan merupakan salah satu pembolehubah yang sering digunakan dalam kajian tahap kecekapan bank. Bank yang mempunyai struktur pemilikan yang berlainan akan mempunyai masalah agensi yang berbeza. Sebagai contoh, kecekapan bank milik kerajaan mungkin lebih rendah dari bank swasta kerana bank milik kerajaan mempunyai kepentingan politik yang lebih tinggi, kurang berdaya besaing dan mempunyai tadbir urus korporat yang rendah (Shirley & Walsh, 2000). Walau bagaimanapun, bank milik kerajaan mungkin lebih cekap dari bank swasta kerana dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, kerajaan akan memastikan kelestarian bank tersebut dengan suntikan modal, penyusunan hutang dan plupusan hutang lapuk.

Jadual 3.10 meringkaskan ulasan karya mengenai kesan struktur pemilikan bank terhadap kecekapan kos. Andries dan Cocris (2010) menyelidik kecekapan bank di Romania, Czech dan Hungary untuk tempoh 2000-2006. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank milik swasta mempunyai kecekapan kos yang lebih tinggi dari bank kerajaan. Mereka mencadangkan bahawa untuk meningkatkan kecekapan bank kerajaan, kualiti aset perlu dipertingkatkan dengan memperbaiki proses pinjaman pelanggan, menurunkan jumlah hutang lapuk dan mengurangkan kos pentadbiran bank. Kaur dan Kaur (2013) mengkaji kecekapan kos bank swasta dan bank kerajaan di India untuk tempoh 1990-1998. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank milik

Jadual 3.10

Ringkasan Sorotan Karya Pemilikan Bank terhadap Kecekapan Kos

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Pasiouras <i>et al.</i> (2007)	Dunia	3,086 buah bank (2000-2004)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Dong (2009)	China	397 buah bank (1994-2007)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Andries dan Cocris (2010)	Rumani, Czech dan Hungari	18 buah bank (2000-2006)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Karim, Chan dan Hassan (2010)	Malaysia dan Singapura	(1995-2000)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.
Kaur dan Kaur (2013)	India	50 buah bank (1990-1998)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Mohanty, Lin dan Lin. (2013)	Taiwan	23 buah bank (1996-2011)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013)	Syria	15 buah bank (2006-2010)	<i>Dummy</i> pemilikan bank kerajaan tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.

swasta mempunyai kecekapan kos lebih tinggi dari bank kerajaan dengan skor sebanyak 76.3% dan 73.4% masing-masing.

Dong (2009) menyelidik 397 bank di China untuk tempoh 1994-2007. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank milik kerajaan mempunyai kecekapan kos yang lebih tinggi dari bank swasta kerana bank kerajaan menerima subsidi yang lebih tinggi dari kerajaan dan mendapat jaminan tidak langsung dari kerajaan. Oleh itu, bank milik kerajaan mempunyai risiko kebangkrutan yang lebih rendah dan boleh menarik lebih banyak dana dengan menawarkan kadar faedah pinjaman yang lebih rendah. Hasil kajian ini sama dengan Mohanty *et al.* (2013) yang menyelidik 23 bank di Taiwan untuk tempoh 1996-2011. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank milik kerajaan mempunyai kecekapan kos lebih tinggi dari bank swasta kerana bank milik kerajaan lebih dipercayai oleh masyarakat dan lebih diterima oleh masyarakat berbanding dengan bank swasta. Di samping itu, bank milik kerajaan mempunyai kecekapan kos yang lebih tinggi kerana ia boleh beroperasi dengan skala yang lebih besar berbanding bank swasta.

Pasiouras *et al.* (2007) mengkaji 3,086 bank di 88 negara di dunia untuk tempoh 2000-2004. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank milik kerajaan mempunyai kecekapan kos yang lebih tinggi dari bank swasta kerana bank milik kerajaan dapat mengawal dan meminimumkan kos operasi bank. Sementara itu, Sufian (2009),

Karim *et al.* (2010) dan Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013) mendapati bahawa pemilikan bank tidak mempengaruhi kecekapan kos.

3.4.2 Status Bank

Bank devisa adalah bank yang diberi kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan urusanniaga matawang asing yang membawa kepada peningkatan pendapatan operasi bank dan seterusnya akan meningkatkan kecekapan bank. Walau bagaimanapun bank terpaksa meningkatkan kos operasi dan ini akan mengurangkan kecekapan kos bank. Berdasarkan penelitian penyelidik, tidak terdapat kajian yang menguji kesan status bank terhadap kecekapan bank.

3.4.3 Syarat Minimum Ekuiti

Jumlah ekuiti yang tinggi dapat meningkatkan kecekapan kerana bank dapat mencapai skala ekonomi. Ini menunjukkan bahawa bank-bank yang memiliki modal kurang daripada 100 bilion rupiah mungkin tidak secepat bank-bank yang lebih besar. Di samping rendahnya keuntungan dan tingginya kos operasi, bank-bank bermodal kecil akan mengalami kesulitan untuk menjalankan pelbagai operasi perniagaan atau mengambil risiko yang lebih tinggi seperti menjalankan kegiatan derivatif. Ini akan mempengaruhi kecekapan kos bank-bank yang bermodal kecil.

Berdasarkan penelitian penyelidik, tidak terdapat kajian yang menguji kesan syarat minimum ekuiti terhadap kecekapan bank.

3.4.4 Krisis Kewangan

Krisis kewangan mempengaruhi kecekapan kos kerana bank membayar kadar faedah yang lebih tinggi ke atas deposit akibat dari kenaikan kadar faedah pasaran. Di samping itu, krisis kewangan juga akan menyebabkan berkurangnya permintaan terhadap pinjaman oleh pelanggan dan ini akan mempengaruhi kecekapan bank secara negatif. Janoudi (2012) mengkaji 141 buah bank swasta di Eropah untuk tempoh 2004-2010. Hasil kajian mendapati bahawa krisis kewangan mempunyai pengaruh yang negatif terhadap kecekapan kos. Hasil kajian ini sama seperti hasil kajian Maredza dan Ikhida (2013) yang mengkaji empat buah bank di Afrika Utara untuk tempoh 2000-2010.

3.4.5 Pertumbuhan Ekonomi

Semasa pertumbuhan ekonomi yang baik, bank akan melonggarkan piawai pinjaman seperti penilaian pinjaman dan pemantauan peminjam. Ini akan mempengaruhi jumlah pinjaman dan kos operasi sesebuah bank dan seterusnya akan mempengaruhi kecekapan kos sesebuah bank. Hasil kajian Frimpong *et al.* (2014) mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan 25 buah

bank di Ghana untuk tempoh 2001-2010. Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi yang baik menjadikan bank lebih berani untuk mengambil risiko dan ini akan menyebabkan peningkatan jumlah pinjaman lapuk yang seterusnya mengurangkan kecekapan kos.

3.4.6 Pembolehkan Kawalan

Seksyen ini akan membincangkan mengenai kesan pembolehkan kawalan yang terdiri daripada nisbah-nisbah kewangan dan saiz bank terhadap kecekapan kos. Seksyen 3.4.6.1 akan membincangkan kesan nisbah ekuiti kepada jumlah aset sementara seksyen 3.4.6.2 akan membincangkan kesan nisbah pinjaman kepada jumlah aset. Seksyen 3.4.6.3 akan membincangkan kesan nisbah belanja operasi kepada jumlah aset, seksyen 3.4.6.4 akan membincangkan kesan nisbah deposit kepada jumlah pinjaman dan seksyen 3.4.6.5 akan membincangkan kesan jumlah aset.

3.4.6.1 Nisbah Ekuiti kepada Jumlah Aset

Ekuiti adalah salah satu faktor yang boleh mempengaruhi tahap kecekapan kos. Ekuiti merupakan kemampuan sebuah bank untuk menghadapi kemungkinan berlakunya kerugian. Oleh itu jumlah ekuiti bank boleh membentuk tahap keselamatan sesebuah bank. Ini akan mempengaruhi kepercayaan pelanggan terhadap

bank tersebut dan seterusnya akan mempengaruhi kesanggupan pelanggan untuk menyimpan di bank tersebut. Bank seterusnya akan mengeluarkan pinjaman ke atas simpanan tersebut. Ini akan meningkatkan kecekapan kos sesebuah bank.

Jadual 3.11 meringkaskan ulasan karya mengenai kesan nisbah ekuiti terhadap kecekapan kos. Hasil kajian mengenai kesan ekuiti ke atas kecekapan kos bank adalah bercampur-campur. Darrat *et al.* (2002), Kablan (2007), Tochkov dan Nenovsky (2009), Jimborean dan Brack (2010), San *et al.* (2011), Ahmad dan Mohammad Noor (2011) dan Janoudi (2012) mendapati bahawa nisbah ekuiti mempunyai kesan positif terhadap kecekapan kos. Sementara itu, Pasiouras *et al.* (2007), Sufian (2009), Mohanty *et al.* (2013) dan Frimpong *et al.* (2014) mendapati bahawa nisbah ekuiti mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan kos. Akhirnya, Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013) mendapati bahawa nisbah ekuiti tidak mempengaruhi kecekapan kos.

3.4.6.2 Nisbah Pinjaman kepada Jumlah Aset

Nisbah pinjaman kepada jumlah aset menilai keupayaan bank untuk mengubah aset kepada pinjaman. Semakin tinggi nisbah pinjaman, semakin tinggi kecekapan kos. Jadual 3.12 meringkaskan ulasan karya mengenai kesan nisbah pinjaman kepada jumlah aset terhadap kecekapan kos. Sufian (2009) mendapati bahawa nisbah pinjaman mempunyai kesan positif terhadap kecekapan kos.

Jadual 3.11

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Kecekapan Kos

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Darrat, Topus dan Yousep (2002)	Kuwait	8 buah bank (1994-1997)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Kablan (2007)	Afrika Barat	35 buah bank (1993-1996)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Pasiouras, Tanna dan Zopounidis (2007)	88 negara	3,086 buah bank (2000-2004)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Sufian (2009)	Malaysia	33 buah bank (1995-1999)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Tochkov dan Nenovsky (2009)	Bulgari	34 buah bank (1999-2007)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Jimborean dan Brack (2010)	10 negara besar	602 buah bank (1994-2006)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
San, Theng dan Hang (2011)	Malaysia	12 buah bank (2002-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.

Jadual 3.11 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Ekuiti terhadap Kecekapan Kos

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Ahmad dan Mohammad Noor (2011)	25 negara	78 buah bank Islam (1992-2009)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Janoudi (2012)	Eropah	141 buah bank (2004-2010)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Mohanty, Lin dan Lin. (2013)	Taiwan	23 buah bank (1996-2011)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Alsalkhadi dan Al- Mwalla (2013)	Syria	15 buah bank (2006-2010)	Ekuiti kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.
Frimpong, Gan dan Hu (2014)	Ghana	25 buah bank (2001-2010)	Ekuiti kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.

Sementara itu, Ahmad dan Mohammad Noor (2011) dan Janoudi (2012) mendapati bahawa nisbah pinjaman mempunyai kesan negatif terhadap kecekapan kos. Akhirnya, Darrat *et al.* (2002), San *et al.* (2011) dan Ismail *et al.* (2012) mendapati bahawa nisbah pinjaman tidak mempunyai kesan terhadap kecekapan kos.

3.4.6.3 Nisbah Belanja Operasi kepada Jumlah Aset

Pengurusan kos operasi bank adalah sangat penting kerana ia akan mempengaruhi kecekapan kos bank tersebut. Sekiranya kos operasi menurun, kecekapan kos akan meningkat. Ini menunjukkan bahawa bank yang cekap akan memastikan bahawa belanja operasi berada di bawah kawalan. Hasil kajian Ahmad dan Mohammad Noor (2011) dan Ismail *et al.* (2012) mendapati bahawa nisbah belanja operasi mempunyai kesan negatif terhadap kecekapan kos.

3.4.6.4 Nisbah Deposit kepada Jumlah Pinjaman

Deposit yang diperolehi daripada pelanggan dapat ditukarkan kepada pinjaman. Ini seterusnya akan dapat meningkatkan pendapatan operasi dan kecekapan bank. Hasil kajian Vu dan Turnell (2011) dan Paul *et al.* (2013) mendapati nisbah pinjaman kepada jumlah deposit mempunyai pengaruh positif terhadap kecekapan bank. Ini

Jadual 3.12

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Nisbah Pinjaman terhadap Kecekapan Kos

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Darrat, Topus dan Yousep (2002)	Kuwait	8 buah bank (1994-1997)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.
Sufian (2009)	Malaysia	33 buah bank (1995-1999)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
San, Theng dan Hang (2011)	Malaysia	12 buah bank (2002-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.
Ahmad dan Mohammad Noor (2011)	25 negara	78 buah bank Islam (1992-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Ismail, Rahim dan Majid (2012)	Malaysia	17 buah bank (2006-2009)	Pinjaman kepada jumlah aset tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.
Janoudi (2012)	Eropah	141 buah bank (2004-2010)	Pinjaman kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.

menunjukkan bahawa deposit yang yang dijadikan pinjaman dapat meningkatkan keuntungan operasi bank.

3.4.6.5 Jumlah Aset

Saiz bank diukur dengan jumlah aset. Saiz merupakan pembolehubah yang sering digunakan dalam kajian kecekapan kos bank. Saiz digunakan untuk melihat kewujudan skala ekonomi.

Ringkasan sorotan karya mengenai pengaruh saiz terhadap kecekapan kos ditunjukkan pada Jadual 3.13. Dong (2009), Sufian (2009), Karim *et al.* (2010), Ahmad dan Mohammad Noor (2011), Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013), Kaur dan Kaur (2013), Mareza dan Ikhida (2013) dan Paul *et al.* (2013) mendapati bahawa saiz mempunyai pengaruh positif terhadap kecekapan kos. Sementara itu, Darrat *et al.* (2002), Andries dan Cocris (2010), Janoudi (2012) dan Mohanty *et al.* (2013) mendapati bahawa saiz mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan kos. Akhirnya, Jimborean dan Brack (2010), San *et al.* (2011), Oke dan Poloamina (2012) dan Frimpong *et al.* (2014) mendapati bahawa saiz tidak mempengaruhi terhadap kecekapan kos.

Jadual 3.13

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Kecekapan Kos

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Darrat, Topus dan Yousep (2002)	Kuwait	8 buah bank (1994-1997)	Saiz berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Dong (2009)	China	397 buah bank (1994-2007)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Sufian (2009)	Malaysia	33 buah bank (1995-1999)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Andries dan Cocris (2010)	Rumani, Czech dan Hungari	18 buah bank (2000-2006)	Saiz berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Karim, Chan dan Hassan (2010)	Malaysia dan Singapura	30 buah bank (1995-2000)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Jimborean dan Brack (2010)	10 negara besar	602 buah bank (1994-2006)	Saiz tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.
Ahmad dan Mohammad Noor (2011)	25 negara	78 buah bank Islam (1992-2009)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
San, Theng dan Hang (2011)	Malaysia	12 buah bank (2002-2009)	Saiz tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.

Jadual 3.13 (Sambungan)

Ringkasan Sorotan Karya Kesan Saiz terhadap Kecekapan Kos

Penyelidik	Negara	Sampel	Hasil kajian
Janoudi (2012)	Eropah	141 buah bank (2004-2010)	Saiz berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Oke dan Poloamina (2012)	Nigeria	15 buah bank (2001-2008)	Saiz tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.
Maredza dan Ikhide (2013)	Afrika Utara	4 buah bank (2000-2010)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Mohanty, Lin dan Lin. (2013)	Taiwan	23 buah bank (1996-2011)	Saiz berpengaruh negatif terhadap kecekapan kos.
Kaur dan Kaur (2013)	India	50 buah bank (1990-1998)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013)	Syria	15 buah bank (2006-2010)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Paul, Jreisat dan Shankar (2013)	Jordan	17 buah bank (1996-2007)	Saiz berpengaruh positif terhadap kecekapan kos.
Frimpong, Gan dan Hu (2014)	Ghana	25 buah bank (2001-2010)	Saiz tidak berpengaruh terhadap kecekapan kos.

3.5 Penutup

Bab ini telah membicarakan teori-teori berhubung prestasi bank yang terdiri daripada teori perantara kewangan, teori agensi, teori pengemudian dan teori struktur modal. Ia juga membicarakan kesan krisis ekonomi dan pertumbuhan ekonomi ke atas prestasi bank dan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi bank. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada struktur pemilikan bank, status bank, syarat minimum ekuiti, krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi dan pembolehkan-pembolehkan kawalan. Pembolehkan-pembolehkan kawalan terdiri daripada nisbah ekuiti kepada jumlah aset, nisbah pinjaman kepada jumlah aset, nisbah belanja operasi kepada jumlah aset, nisbah deposit kepada jumlah pinjaman dan jumlah aset. Bab seterusnya iaitu Bab Empat akan membicarakan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mencapai objektif kajian ini.

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai metodologi yang digunakan untuk kajian ini dan ia dibahagikan kepada enam seksyen. Seksyen 4.0 ialah pengenalan kepada Bab Empat sementara seksyen 4.1 membincangkan tentang populasi dan sampel. Seterusnya seksyen 4.2 akan membincangkan pembolehubah kajian dan hipotesis. Seksyen 4.3 pula akan membincangkan pengujian data dan diikuti dengan seksyen 4.4 yang membincangkan kesesuaian penggunaan kaedah kuasa dua terkecil (OLS). Seksyen 4.5 akan membuat kesimpulan tentang Bab Empat.

4.1 Populasi dan Sampel

Populasi kajian ini terdiri daripada semua bank di Indonesia iaitu sebanyak 102 buah. Ia terbahagi kepada lima buah bank kerajaan, 71 buah bank swasta nasional dan 26 buah bank pembangunan daerah (BPD). Bank asing tidak dimasukkan ke dalam sampel kajian kerana kesulitan di dalam memperolehi data daripada pejabat pusat bank tersebut. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada populasi kajian terpaksa dikeluarkan kerana mempunyai data yang tidak lengkap. Oleh itu, hanya 74 buah

bank yang mempunyai data yang lengkap digunakan di dalam kajian ini. Kajian ini meliputi tempoh 1995 hingga 2006 dan penyata kewangan bagi setiap bank dan data ekonomi diperolehi daripada Bank Indonesia. Pembahagian pemilikan bank diringkaskan di dalam jadual 4.1 di mana terdapat 56 buah bank swasta nasional (mewakili 78.87%), 3 buah bank kerajaan (69%) dan 15 buah bank pembangunan daerah (57.69%).

Jadual 4.1
Pembahagian Pemilikan Bank

Jenis pemilikan bank	Sampel kajian	Populasi bank
Bank swasta nasional	56	71
Bank kerajaan	3	5
Bank pembangunan daerah	15	26
Jumlah	74	102

Analisis data dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik, kaedah regresi kuasa dua terkecil (*Ordinary Least Squares* atau OLS) dan tobit. Kaedah statistik digunakan untuk menerangkan pembolehubah dan menguji perbezaan pembolehubah untuk tiga jenis pemilikan. Kaedah regresi OLS dan tobit pula membolehkan pengujian tentang hubungan di antara prestasi bank dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu struktur pemilikan, status bank, *dummy* untuk ekuiti, krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi dan nisbah-nisbah kewangan. Nisbah-nisbah kewangan yang digunakan ialah ekuiti kepada jumlah aset, pinjaman kepada jumlah aset, belanja operasi kepada jumlah aset, deposit kepada pinjaman dan saiz.

4.2 Pembolehubah Kajian dan Hipotesis

Seksyen 4.2.1 akan membincangkan tentang pembolehubah bersandar iaitu prestasi bank dan seksyen 4.2.2 sehingga seksyen 4.2.11 akan membincangkan mengenai pembolehubah tidak bersandar yang dijangka dapat mempengaruhi prestasi bank.

4.2.1 Prestasi Bank

Terdapat empat cara utama pengukuran prestasi bank. Pertama, prestasi diukur dengan menggunakan nisbah kewangan yang diperolehi daripada laporan perakaunan, sepertimana yang digunakan oleh Berger *et al.* (2005), Berger dan Bonnaccorsi (2006), Omran (2007), Athanasoglou *et al.* (2008), Garcia-Herrero *et al.* (2009), Dietrich dan Wanzenried (2010), Chen dan Liao (2011) dan Barry *et al.* (2011). Brigham dan Gapenski (1994) dan Rose (2002) menjelaskan bahawa petunjuk keuntungan berasaskan data perakaunan terdiri daripada margin untung atas jualan, pulangan atas aset (*return on assets* atau ROA) dan pulangan atas ekuiti pemegang saham (*return on equity* atau ROE).

ROE adalah nisbah antara untung bersih dengan ekuiti saham biasa atau kadar pulangan atas pelaburan pemegang saham (*rate of return on stockholders' investments*) dan ROA adalah nisbah antara untung bersih dengan jumlah aset.

Menurut Bodie *et al.* (2002), ROE dan ROA merupakan dua ukuran yang digunakan untuk mengukur tahap keuntungan syarikat.

Kedua, prestasi berdasarkan harga saham, (sila rujuk kajian Saunders *et al.*, 1990; Cole & Mehran, 1998). Ketiga, prestasi berdasarkan *Tobin's Q*, seperti hasil kajian Morck *et al.* (1988) dan Zhou (2001). Keempat, prestasi diukur dengan menggunakan analisis kecekapan (Sufian, 2009; Jimborean & Brack, 2010; Tahir & Haron, 2012; Paul & Jreisat, 2013).

Untuk kajian ini prestasi bank diukur dengan menggunakan nisbah ROA, ROE dan analisis kecekapan menggunakan teknik DEA. Kaedah DEA diperkenalkan oleh Charnes, Coopers dan Rhodes (1978). Kaedah ini mengandaikan bahawa pulangan ke atas skala adalah malar (*constant return to scale* atau CRS). Kajian ini menggunakan CRS yang berorientasikan input seperti kajian yang dijalankan oleh Pavero dan Papi (1995), Das dan Ghosh (2006), Sufian dan Habibullah (2010) dan Forughi dan Zoysa (2012). CRS berorientasikan input dipilih kerana pengurus bank mempunyai kawalan yang terhad terhadap output dan ia juga sesuai digunakan pada industri perbankan (Forughi & Zoysa, 2012).

Menurut Darrat, Topuz dan Yousef (2002) untuk mengira kecekapan kos bank j , harga input (w) yang dapat menghasilkan output pada kos yang paling minimum perlu dikenalpasti. Dengan andaian terdapat n bank yang menggunakan m input yang

berbeza untuk menghasilkan output s yang berbeza, maka model pengaturcaraan linear berikut akan diselesaikan untuk mengenalpasti kos minimum:

$$\text{Min}_{I_i} \sum_{i=1}^m w_i I_i,$$

Tertakluk kepada

$$\sum_{j=1}^n \lambda_j O_{rj} \geq O_{rjo}$$

$$\sum_{j=1}^n \lambda_j I_{ij} \leq I_{ijo}$$

$$\sum_{j=1}^n \lambda_j = 1,$$

$$\lambda_j \geq 0.$$

di mana untuk bank j , λ_j dan w_j adalah pembolehubah intensiti dan harga input masing-masing, O_{rj} adalah pembolehubah output r ; I_{ij} adalah pembolehubah input i ; O_{rjo} adalah vektor output yang diperhatikan (*observed output vector*) dan I_{ijo} adalah vektor input yang diperhatikan. Kecekapan kos untuk bank j diukur dengan nisbah kos minimum kepada kos sebenar yang dikeluarkan oleh bank.

Untuk menentukan pembolehubah input dan output yang paling relevan, para penyelidik berbeza pendapat (Sathye, 2003; Das & Ghosh, 2006; Fethi & Pasiouras, 2010; Forughi & Zoysa, 2012; Paul & Jreisat, 2013). Kajian ini memilih deposit, kos

operasi dan aset sebagai pembolehubah input untuk sesebuah bank sementara pembolehubah output adalah keuntungan operasi dan pinjaman.

Kajian ini tidak dapat menggunakan kayu ukur prestasi berasaskan harga saham dan *Tobin's Q* kerana maklumat harga saham untuk 52 buah bank tidak dapat diperolehi kerana bank-bank tersebut tidak disenaraikan di pasaran saham.

4.2.2 Struktur Pemilikan Bank

Banyak kajian mendapati bahawa struktur pemilikan bank mempengaruhi keuntungan dan kecekapan bank. Struktur pemilikan bank yang berbeza akan mempunyai kesan yang berbeza terhadap prestasi bank kerana perbezaan struktur pemilikan bank memberikan kesan kepada pemantauan dan seterusnya pengurangan masalah agensi. Hasil kajian Reaz (2005), Beck *et al.* (2005), Berger *et al.* (2005), Omran (2007), Micco *et al.* (2007), Iannotta *et al.* (2007), Fu dan Heffernan (2008), Yu dan Neus (2009) dan Flamini *et al.* (2009) mendapati bank swasta mempunyai keuntungan lebih baik berbanding dengan bank yang dikawal kerajaan. Sementara itu, hasil kajian Hadad *et al.* (2003), Fernandez *et al.* (2005) dan Chantapong (2005) mendapati struktur pemilikan bank tidak mempengaruhi keuntungan bank di Indonesia, Eropah dan Thailand masing-masing.

Hasil kajian Pasiouras *et al.* (2007), Dong (2009) dan Mohanty *et al.* (2013) mendapati struktur pemilikan bank mempunyai pengaruh positif terhadap kecekapan bank. Sementara itu, hasil kajian Andries dan Cocris (2010) dan Kaur dan Kaur (2013) mendapati struktur pemilikan bank mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan bank, manakala hasil kajian Sufian (2009), Karim *et al.* (2010) dan Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013) mendapati struktur pemilikan bank tidak mempengaruhi kecekapan bank.

Untuk kajian ini, struktur pemilikan bank diukur dengan menggunakan tiga pembolehubah *dummy* iaitu *dummy* bank swasta nasional, *dummy* bank kerajaan dan *dummy* bank pembangunan daerah. Walau bagaimanapun, untuk mengelak daripada perangkap pembolehubah *dummy* (*dummy variable trap*)² hanya dua pembolehubah *dummy* akan digunakan pada satu-satu masa. Hipotesis yang akan diuji ialah:

H1_a : Struktur pemilikan bank kerajaan mempengaruhi prestasi bank berbanding bank swasta.

H1_b : Struktur pemilikan bank pembangunan daerah mempengaruhi prestasi bank berbanding bank swasta.

² Sekiranya ketiga-tiga *dummy* digunakan serentak, maka jumlah ketiga *dummy* tersebut adalah satu. Ini akan menyebabkan berlakunya kolineariti sempurna di antara *dummy-dummy* tersebut dan nilai malar (*constant term*).

4.2.3 Dummy Status Bank

Di Indonesia terdapat dua status bank iaitu bank devisa dan bank bukan devisa. Kajian yang melihat kepada pengaruh status bank terhadap keuntungan bank pernah dijalankan oleh Febriyani dan Zulfadin (2003), Lestari dan Sugiharto (2007), Kirana (2009) dan Hosniah dan Prihartoro (2010) di mana kesemua kajian tersebut mendapati ROA dan ROE tidak dipengaruhi oleh status bank. Berdasarkan penelitian penyelidik, tidak terdapat kajian yang menguji kesan status bank terhadap kecekapan bank. Kajian ini akan menggunakan *dummy* bank devisa di mana nilai *dummy* untuk bank devisa adalah satu dan bank bukan devisa adalah kosong. Hipotesis yang akan diuji ialah:

H2: Bank devisa mempengaruhi prestasi bank.

4.2.4 Dummy Ekuiti

Pelan induk perbankan Indonesia menetapkan bahawa semua bank mesti memiliki modal minimum sebanyak 100 bilion rupiah selewat-lewatnya pada akhir tahun 2010. Kajian menggunakan *dummy* ekuiti belum pernah dijalankan oleh penyelidik tetapi kajian Pasioras dan Kosmidou (2007) dan Neceur dan Kandil (2009) menunjukkan bahawa jumlah ekuiti yang tinggi lebih baik kerana ia dapat mengurangkan kos-kos operasi bank dan mengurangkan risiko kebangkrapan. Selain itu, jumlah ekuiti yang tinggi dapat meningkatkan kecekapan kerana bank dapat mencapai skala ekonomi.

Pembolehubah *dummy* untuk ekuiti akan mengambil nilai satu untuk jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion rupiah dan nilai kosong untuk jumlah ekuiti lebih besar dari 100 bilion rupiah. Hipotesis yang akan diuji ialah:

H3: Jumlah ekuiti mempengaruhi prestasi bank.

4.2.5 Dummy Krisis Kewangan

Krisis kewangan di Indonesia menyebabkan bank mengalami kesulitan kewangan dan seterusnya membawa kepada perubahan komposisi dalam jumlah bank swasta dan bank kerajaan pusat. Ini disebabkan oleh pelbagai kelemahan yang ada di dalam industri perbankan dan diperburukkan lagi dengan krisis kewangan, krisis kecairan dan kebangkrapan yang melanda syarikat konglomerat. Reynolds *et al.* (2000), Davydenko (2010), Sufian dan Habibullah (2010) dan Sufian (2011) mendapati krisis kewangan mempunyai pengaruh negatif terhadap keuntungan bank.

Sementara itu, krisis kewangan dapat memberi kesan negatif terhadap kecekapan bank. Bank akan mengalami kos yang lebih tinggi untuk meningkatkan modal dengan mendapatkan kos pinjaman yang lebih mahal untuk pengurusan risiko yang membawa kepada kecekapan kos lebih rendah. Hasil kajian Janoudi (2012) dan

Maredza dan Ikhide (2013) mendapati krisis kewangan mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan bank.

Pembolehubah *dummy* untuk krisis kewangan akan mengambil nilai satu untuk tahun-tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara nilainya ialah kosong untuk tahun-tahun lain.

Hipotesis yang akan diuji ialah:

H4: Krisis kewangan mempengaruhi prestasi bank.

4.2.6 Pertumbuhan Ekonomi

Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000), Bashir (2003), Boubakri *et al.* (2005), Iannotta *et al.* (2007), Wong *et al.* (2007), Athanasoglou *et al.* (2008), Flamini *et al.* (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Davydenko (2010), Ali *et al.* (2011), Gul *et al.* (2011), Mirzaei *et al.* (2011), Said dan Tumin (2011), Trujillo-Ponce (2011) dan Sufian dan Habibullah (2012) mendapati pertumbuhan ekonomi berpengaruh positif terhadap keuntungan bank. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pertumbuhan ekonomi maka semakin tinggi prestasi bank kerana kegiatan ekonomi menggunakan bank sebagai tempat pinjaman dana. Semasa ekonomi baik, pelanggan individu atau korporat akan membayar balik pinjaman mereka.

Staikouras dan Wood (2005) mendapati pertumbuhan ekonomi berpengaruh negatif terhadap ROA manakala Kosmidou *et al.* (2007), Valverde dan Fernandez (2007), Garza-Garcia (2008), Smaoui dan Salah (2008), Naceur dan Goaid (2008), Alexiou dan Sofoklis (2009), Garcia-Herrero *et al.* (2009), Ramadan (2011) dan Riewsthirathorn *et al.* (2011) mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi tidak mempengaruhi keuntungan bank.

Selain itu, semasa pertumbuhan ekonomi yang baik, bank akan melonggarkan piawai pinjaman seperti penilaian pinjaman dan pemantauan peminjam. Ini akan menyebabkan peningkatan kos dan seterusnya akan mengurangkan kecekapan bank. Hasil kajian Frimpong *et al.* (2014) mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan bank. Pertumbuhan ekonomi diukur dengan menggunakan kadar pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Hipotesis yang akan diuji ialah:

H5: Pertumbuhan ekonomi mempengaruhi prestasi bank.

4.2.7 Nisbah Ekuiti

Bank yang mempunyai jumlah ekuiti yang berlebihan akan dapat meningkatkan jumlah pemberian pinjaman kerana mempunyai risiko hutang yang rendah terhadap pinjaman. Semakin tinggi pemberian pinjaman, semakin besar jumlah pendapatan

bank dan ini seterusnya akan dapat meningkatkan keuntungan bank. Walau bagaimanapun, bank harus mengawasi jumlah hutangnya kerana semasa kelembapan ekonomi, jumlah hutang tersebut mungkin tidak akan dapat dikutip dan ini akan meningkatkan hutang lapuk. Keadaan ini akan menurunkan keuntungan bank.

Hasil kajian Demircuc-Kunt dan Huizinga (2000), Mamatzakis dan Remoundos (2003), Bashir (2003), Staikouras dan Wood (2005), Fernandez *et al.* (2005), Iannotta *et al.* (2007), Pasiaras dan Kosmidou (2007), Kosmidou *et al.* (2007), Garza-Garcia (2008), Athanasoglou *et al.* (2008), Smaoui dan Salah (2008), Sufian dan Chong (2008), Garcia-Herrero *et al.* (2009), Liu dan Wilson (2009), Flamini *et al.* (2009), Ramlall (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Alexiou dan Sofoklis (2009), Sufian (2010), Davydenko (2010), Sufian dan Majid (2010), Barry *et al.* (2011), Javaid *et al.* (2011), Mirzaei *et al.* (2011), Ramadan (2011), Riewathirathorn *et al.* (2011) dan Sufian dan Habibullah (2012) mendapati nisbah ekuiti berpengaruh positif terhadap keuntungan bank.

Walaupun bagaimanapun Berger dan Bonaccorsi (2006), Fu dan Heffernan (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Dietrich dan Wanzenried (2010), Barry *et al.* (2011), Hoffmann (2011), Gul *et al.* (2011) dan Trujillo-Ponce (2011) mendapati nisbah ekuiti berpengaruh negatif terhadap keuntungan bank.

Sementara itu, bank lebih cekap jika jumlah ekuiti lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa jumlah ekuiti yang tinggi akan menurunkan risiko bank dan selanjutnya akan membawa kepada penurunan kos pinjaman.

Hasil kajian Darrat *et al.* (2002), Kablan (2007), Tochkov dan Nenovsky (2009), Jimborean dan Brack (2010), San *et al.* (2011), Ahmad dan Mohammad Noor (2011) dan Janoudi (2012) mendapati nisbah ekuiti mempunyai pengaruh positif terhadap kecekapan bank. Hasil kajian Pasiouras (2007), Sufian (2009), Mohanty *et al.* (2013) dan Frimpong *et al.* (2014) mendapati nisbah ekuiti mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan bank. Sementara itu, Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013) mendapati nisbah ekuiti tidak berpengaruh terhadap kecekapan bank.

Pembolehubah nisbah ekuiti diukur dengan menggunakan jumlah ekuiti dibahagi dengan jumlah aset. Hipotesis yang akan diuji ialah:

H6: Nisbah ekuiti mempengaruhi prestasi bank.

4.2.8 Nisbah Pinjaman

Tahap risiko sesebuah bank boleh dipengaruhi oleh jumlah pemberian pinjaman kepada pelanggan. Semakin tinggi jumlah pemberian pinjaman, maka semakin tinggi risiko bank. Namun demikian, semakin besar jumlah pinjaman yang diberikan oleh

bank, semakin tinggi pendapatan bank dan ini seterusnya akan memberi kesan positif kepada keuntungan bank. Oleh itu, walaupun pinjaman boleh meningkatkan risiko, ia juga boleh meningkatkan keuntungan sesebuah bank. Kajian Bashir (2003), Beck *et al.* (2005), Hassan dan Bashir (2005), Atemnkeng dan Joseph (2005), Garza-Garcia (2008), Aburime (2009), Liu dan Wilson (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Davydenko (2010) dan Hoffmann (2011) mendapati nisbah pinjaman kepada aset berpengaruh negatif terhadap keuntungan bank. Sementara itu, hasil kajian Mamatzakis dan Remoundos (2003), Staikouras dan Wood (2005), Fernandez *et al.* (2005), Iannotta *et al.* (2007), Trivieri (2007), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Gul *et al.* (2011), Sufian (2011) dan Trujillo-Ponce (2011) mendapati nisbah pinjaman mempunyai pengaruh positif terhadap keuntungan bank.

Sementara itu, pinjaman dapat meningkatkan kecekapan bank. Ini menunjukkan bahawa apabila pinjaman bank meningkat, bank akan memperolehi pendapatan faedah yang lebih tinggi berbanding membuat pelaburan di dalam aset-aset kewangan. Hasil kajian Sufian (2009) mendapati nisbah pinjaman mempunyai pengaruh positif terhadap kecekapan bank. Sementara itu, hasil kajian Ahmad dan Mohammad Noor (2011) dan Janoudi (2012) mendapati nisbah pinjaman mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan bank. Ini menunjukkan bahawa jumlah pinjaman yang tinggi akan meningkatkan jumlah hutang lapuk. Sementara itu, hasil kajian Darrat *et al.* (2002), San *et al.* (2011) dan Ismail *et al.* (2012) mendapati nisbah pinjaman tidak berpengaruh terhadap kecekapan bank. Pembolehubah nisbah

pinjaman diukur dengan pinjaman dibagi dengan jumlah aset. Hipotesis yang akan diuji ialah:

H7: Nisbah pinjaman mempengaruhi prestasi bank.

4.2.9 Nisbah Kos

Kecekapan bank dapat diukur dengan kos yang dikeluarkan dalam operasi bank. Apabila segala aktiviti bank dilakukan dengan cekap, ia akan mengurangkan kos operasi dan seterusnya mempengaruhi keuntungan bank. Hasil kajian Beck *et al.* (2005), Althanasoglou *et al.* (2008), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Davydenko (2010) dan Mirzaei *et al.* (2011) mendapati bahawa nisbah kos kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap keuntungan bank. Sementara itu, hasil kajian Bashir (2003) dan Naceur dan Goaid (2008) mendapati bahawa nisbah kos kepada jumlah aset berpengaruh positif terhadap keuntungan bank. Hasil kajian Ahmad dan Mohammad Noor (2011) dan Ismail *et al.* (2012) mendapati bahawa nisbah kos kepada jumlah aset berpengaruh negatif terhadap kecekapan bank.

Pembolehubah nisbah kos diukur dengan jumlah kos operasi dibagi dengan jumlah aset. Hipotesis yang akan diuji ialah:

H8: Nisbah kos mempengaruhi prestasi bank.

4.2.10 Nisbah Deposit

Deposit mempunyai hubungan positif terhadap pendapatan bank. Meskipun demikian deposit daripada masyarakat awam diperolehi pada kos yang tinggi. Ini kerana bank perlu membuka cawangan untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan masyarakat. Ini menyebabkan deposit mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kos yang dikeluarkan oleh bank. Hasil kajian Iannotta *et al.* (2007) mendapati deposit mempunyai pengaruh positif terhadap keuntungan bank. Sementara itu, hasil kajian Vu dan Turnell (2011) dan Paul *et al.* (2013) mendapati nisbah pinjaman kepada jumlah deposit mempunyai pengaruh positif terhadap kecekapan bank.

Deposit bank diukur dengan membahagikan jumlah deposit dengan jumlah pinjaman.

Hipotesis yang akan diuji ialah:

H9: Nisbah deposit mempengaruhi prestasi bank.

4.2.11 Saiz

Mamatzakis dan Remoundos (2003), Bashir (2003), Hassan dan Bashir (2005), Beck *et al.* (2005), Berger dan Bonaccorsi (2006), Iannotta *et al.* (2007), Trivieri (2007), Pasiouras dan Kosmidou (2007), Kosak dan Cok (2008), Naceur dan Goaid (2008), Flamini *et al.* (2009), Alexiou dan Sofoklis (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009),

Sufian (2010), Chen dan Liao (2011), Barry *et al.* (2011) dan Riewsthirathorn *et al.* (2011) mendapati bahawa saiz mempunyai pengaruh positif terhadap keuntungan bank. Sementara itu, Reynolds *et al.* (2000), Staikouras dan Wood (2005), Reaz (2005), Kosmidou *et al.* (2007), Sufian dan Chong (2008), Sufian dan Majid (2010), Barry *et al.* (2011), Chen dan Liao (2011), Hoffmann (2011) Javaid *et al.* (2011) dan Mirzaei *et al.* (2011) mendapati saiz mempunyai pengaruh negatif terhadap keuntungan bank.

Sementara itu, bank bersaiz besar boleh mencapai skala ekonomi yang membolehkan bank tersebut beroperasi dengan lebih cekap. Walau bagaimanapun, bank tersebut menghadapi masalah birokrasi yang lebih tinggi yang menyebabkannya menjadi kurang cekap. Dong (2009), Sufian (2009), Karim *et al.* (2010), Ahmad dan Mohammad Noor (2011), Maredza dan Ikhida (2013), Kaur dan Kaur (2013), Paul dan Jreisat (2013) dan Alsalkhadi dan Al-Mwalla (2013) mendapati bahawa saiz mempunyai pengaruh positif terhadap kecekapan bank. Sementara itu, Darrat *et al.* (2002), Andries dan Cocris (2010), Janoudi (2012) dan Mohanty *et al.* (2013) mendapati saiz mempunyai pengaruh negatif terhadap kecekapan bank. Jimborean dan Brack (2010), San *et al.* (2011), Poloamina (2012) dan Frimpong *et al.* (2014) mendapati saiz tidak berpengaruh terhadap kecekapan bank. Saiz bank diukur dengan menggunakan logaritma jumlah aset. Hipotesis yang akan diuji ialah:

H10: Saiz mempengaruhi prestasi bank.


Rajah 4.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang menerangkan hubungan di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

4.3 Pengujian Data

Kajian ini menggunakan data panel di mana maklumat mengenai 74 buah bank untuk tempoh 12 tahun (1995-2006) akan dianalisis. Baltagi (2005) menyatakan kebaikan penggunaan data panel ialah pertama, ia mampu mengawal heterogeniti individu. Kedua, ia memberikan maklumat yang lebih bervariasi. Ketiga, ia mengurangkan kolineariti di antara pembolehubah. Keempat, ia meningkatkan darjah kebebasan (*degree of freedom*) dan lebih cekap. Kelima, ia lebih baik untuk menyelidik pelarasan dinamik (*dynamic adjustments*). Akhir sekali, ia mampu mengenalpasti dan mengukur kesan yang secara umumnya tidak boleh diperolehi dari data keratan rentas (*cross sectional*) sahaja atau data siri masa (*time series*) sahaja dan oleh itu, ia dapat menguji dan membina model perilaku yang lebih rumit.

Pembolehubah tidak bersandar

Pembolehubah bersandar



Rajah 4.1
Kerangka Konseptual Kajian

Terdapat dua jenis data panel iaitu panel seimbang (*balanced panel*) dan panel tidak seimbang (*unbalanced panel*). Panel seimbang berlaku apabila siri masa untuk setiap

unit keratan rentas adalah sama panjang. Panel tidak seimbang pula berlaku apabila siri masa adalah tidak sama panjang untuk setiap unit keratan rentas. Oleh kerana siri masa untuk setiap unit keratan rentas di dalam kajian ini adalah sama panjang, iaitu selama tempoh 12 tahun untuk setiap bank, maka kajian ini menggunakan data panel seimbang. Analisis terhadap data panel untuk ROA dan ROE akan menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (*pooled ordinary least squares* atau *OLS*), kaedah kuasa dua terkecil teritlak (*generalized least squares* atau *GLS*) dan pendekatan kesan rawak (*random effect*). Sementara itu, analisis terhadap kecekapan bank akan menggunakan pendekatan analisis penyampulan data (*data envelopment analysis* atau DEA) dan analisis regresi Tobit.

Pendekatan kesan tetap (*fixed effect*) untuk ROA dan ROE tidak dapat digunakan kerana *dummy* pemilikan bank tidak berubah untuk setiap bank di dalam tempoh kajian. Oleh itu, sekiranya pendekatan kesan tetap digunakan, pembolehubah *dummy* pemilikan bank akan digugurkan dengan sendirinya dan ini akan mempengaruhi salah satu objektif kajian ini iaitu untuk menguji kesan hubungan di antara *dummy* pemilikan bank dan prestasi bank.

4.3.1 Pendekatan Kuasa Dua Terkecil (*least squares*)

Pendekatan yang paling umum digunakan untuk menganggar data panel adalah dengan menggunakan kaedah kuasa dua terkecil. Persamaan model ini ialah:

$$\begin{aligned} \text{Prestasi}_{it} = & \alpha + \beta_1 \text{DKERAJAAN}_{it} + \beta_2 \text{DBPD}_{it} + \beta_3 \text{DDEVISA}_{it} + \beta_4 \text{DEKUITI}_{it} + \beta_5 \\ & \text{DKRISIS}_{it} + \beta_6 \text{EKONOMI}_{it} + \beta_7 \text{EKUITI}_{it} + \beta_8 \text{PINJAMAN}_{it} + \beta_9 \text{KOS}_{it} + \beta_{10} \\ & \text{DEPOSIT}_{it} + \beta_{11} \text{ASET}_{it} + \varepsilon_{it} \end{aligned}$$

Di mana i merujuk kepada bank, t merujuk kepada tahun dan

- Prestasi_{it} : Prestasi bank diukur dengan menggunakan ROA dan ROE.
- DKERAJAAN_{it} : Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya.
- DBPD_{it} : Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya.
- DDEVISA_{it} : Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk bank devisa dan kosong untuk bank selainnya.
- DEKUITI_{it} : Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion rupiah sementara kosong untuk jumlah ekuiti selainnya.

- DKRISIS_{it} : Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk tahun-tahun 1997, 1998 dan 1999 dan kosong untuk tahun selainnya.
- EKONOMI_t : Pembolehubah pertumbuhan ekonomi tahunan Indonesia.
- EKUITI_{it} : Nisbah ekuiti kepada jumlah aset.
- PINJAMAN_{it} : Nisbah pinjaman kepada jumlah aset.
- KOS_{it} : Nisbah belanja operasi kepada jumlah aset.
- DEPOSIT_{it} : Nisbah deposit kepada jumlah pinjaman.
- ASET_{it} : Nilai logaritma jumlah aset.

4.3.2 Pendekatan Kesan Rawak (*random effect*)

Keputusan untuk memasukkan pembolehubah *dummy* ke dalam model kesan tetap mungkin akan menimbulkan masalah kerana ia dapat mengurangkan darjah kebebasan yang pada akhirnya akan mengurangkan kecekapan parameter yang dianggarkan. Untuk mengatasi masalah tersebut dan untuk mengambilkira kesan keralatan (*error*), kaedah kesan rawak (*random effect*) digunakan. Di dalam model ini, diandaikan bahawa keralatan bagi setiap unit keratan rentas adalah berbeza. Bentuk model kesan rawak ini dapat dijelaskan pada persamaan berikut:

$$Y_{it} = \alpha + \beta X_{it} + \varepsilon_{it}$$

$$\varepsilon_{it} = u_i + v_{it}$$

di mana: $u_i \sim N(0, \delta_u^2)$ = komponen keralatan yang mempengaruhi hanya keratan rentas.

$v_{it} \sim N(0, \delta_w^2)$ = komponen keralatan yang mempengaruhi kesemua keratan.

Dengan menggunakan model kesan rawak ini, maka tidak berlaku pengurangan darjah kebebasan seperti yang berlaku pada model kesan tetap. Hal ini akan menyebabkan parameter yang dianggarkan menjadi lebih cekap.

4.3.3 Pengujian Data untuk Kecekapan Kos

James Tobin memperkenalkan teknik penganggaran untuk pembolehubah bersandar terhad (*limited dependent variables*) (Tobin, 1958). Model yang diperkenalkan oleh Tobin, atau lebih dikenali sebagai model tobit, sesuai untuk digunakan apabila nilai pembolehubah bersandar tidak boleh kurang dari sesuatu nilai atau lebih besar dari sesuatu nilai. Oleh kerana kecekapan bank tidak boleh rendah dari kosong dan tidak boleh lebih tinggi dari satu, maka model tobit sangat sesuai untuk digunakan. Tobin (1958), Greene (1981) dan Chay dan Powell (2001) menjelaskan bahawa penggunaan kaedah kuasa dua terkecil (OLS) untuk data seperti ini akan memberi keputusan yang “*bias*”.

Bentuk model kecekapan bank ini dapat dijelaskan dengan persamaan berikut:

$$y_i^* = \beta' x_i + \varepsilon_i;$$

$$y_i = y_i^* \text{ jika } y_i \geq 0$$

$$y_i = 0, \text{ yang lainnya}$$

di mana β dan x_i adalah vektor koefisien regresi dan pembolehubah bersandar masing-masing sementara y_i^* adalah pembolehubah tersembunyi (*latent variable*) dan y_i adalah nilai kecekapan kos.

Persamaan model tobit ialah:

$$\begin{aligned} \text{Kecekapan}_{it} = & \alpha + \beta_1 \text{DKERAJAAN}_{it} + \beta_2 \text{DBPD}_{it} + \beta_3 \text{DDEVISA}_{it} + \beta_4 \text{DEKUITI}_{it} + \\ & \beta_5 \text{DKRISIS}_{it} + \beta_6 \text{EKONOMI}_{it} + \beta_7 \text{EKUITI}_{it} + \beta_8 \text{PINJAMAN}_{it} + \beta_9 \text{KOS}_{it} + \beta_{10} \\ & \text{DEPOSIT}_{it} + \beta_{11} \text{ASET}_{it} + \varepsilon_{it} \end{aligned}$$

Di mana i merujuk kepada bank, t merujuk kepada tahun dan

Kecekapan_{it} : Kecekapan kos.

DKERAJAAN_{it} : Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya.

DBPD_{it} : Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah

- dan kosong untuk bank selainnya.
- $DDEVISA_{it}$: Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk bank devisa dan kosong untuk bank selainnya.
- $DEKUITI_{it}$: Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion rupiah sementara kosong untuk jumlah ekuiti selainnya.
- $DKRISIS_{it}$: Pembolehubah *dummy* mengambil nilai satu untuk tahun-tahun 1997, 1998 dan 1999 dan kosong untuk tahun selainnya.
- $EKONOMI_t$: Pembolehubah pertumbuhan ekonomi tahunan Indonesia.
- $EKUITI_{it}$: Nisbah ekuiti kepada jumlah aset.
- $PINJAMAN_{it}$: Nisbah pinjaman kepada jumlah aset.
- KOS_{it} : Nisbah belanja operasi kepada jumlah aset.
- $DEPOSIT_{it}$: Nisbah deposit kepada jumlah pinjaman.
- $ASET_{it}$: Nilai logaritma jumlah aset.

4.4 Kesesuaian Penggunaan OLS untuk ROA dan ROE

Analisis dengan menggunakan kaedah OLS tidak menghadapi apa-apa masalah sekiranya model tersebut memenuhi andaian-andaian bahawa keralatan data mempunyai taburan yang normal dan tidak menghadapi masalah multikolineariti, autokorelasi dan heterokedastisiti. Untuk memastikan andaian-andaian tersebut dipenuhi, maka ujian multikolineariti, autokorelasi dan heterokedastisiti dilakukan.

Multikolineariti merujuk kepada hubungan linear sempurna atau hampir sempurna di antara beberapa ataupun kesemua pembolehubah tidak bersandar (Gujarati, 2009). Andaian multikolineariti diuji dengan menggunakan “*variance inflation factor*” (VIF).

Autokorelasi wujud apabila terma keralatan (*error term*) di antara satu tempoh berkorelasi dengan tempoh yang lain. Ia diukur dengan menggunakan ujian Durbin Watson. Kewujudan autokorelasi akan menyebabkan “*standard error*” menjadi “*biased*”.

Heterokedastisiti pula merujuk kepada varians untuk sesuatu pemerhatian (*observation*) tidak sama dengan varians untuk pemerhatian yang lain. Di dalam kajian ini ia akan diukur dengan menggunakan ujian Breusch-Pagan. Kesan heterokedastisiti adalah sama seperti autokorelasi di mana ia akan menyebabkan “*standard error*” menjadi “*biased*”.

4.5 Penutup

Bab Empat telah membincangkan perkara-perkara berkaitan metodologi kajian. Sampel yang digunakan untuk kajian ini adalah tiga buah bank kerajaan, 56 buah bank swasta nasional dan 15 buah bank pembangunan daerah. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah ROA, ROE dan kecekapan sedangkan pembolehubah tidak bersandar adalah struktur kepemilikan, *dummy* status bank, *dummy* ekuiti, *dummy* krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi dan nisbah-nisbah kewangan. Nisbah-nisbah kewangan yang digunakan ialah ekuiti kepada jumlah aset, pinjaman kepada jumlah aset, belanja operasi kepada jumlah aset, deposit kepada jumlah pinjaman dan logaritma jumlah aset.

Selanjutnya, bab ini membincangkan mengenai hipotesis kajian. Terdapat 11 hipotesis yang akan diuji. Ujian akan dilakukan dengan menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (*pooled ordinary least squares* atau *OLS* dan *GLS*) dan pendekatan kesan rawak (*random effects*) untuk ROA dan ROE sementara untuk kecekapan, kaedah yang akan digunakan ialah DEA dan model tobit. Kesesuaian penggunaan OLS akan diuji. Bab selanjutnya akan membincangkan hasil kajian.

= tingkat error atau kesalahan antara garis dengan titik pada tempoh
sebelumnya = ada korelasi positif

$\sigma_{ii} = \text{varian} = \frac{NR}{n-k} = 0$: artinya bahwa terdapat pengaruh signifikan dari seluruh pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar. adalah sebagai berikut (Gujarti, 2003):= digunakan taraf signifikan sebanyak 10 peratus dan sederajat $df = (k-1)$ dan $(n-k)$ adapun yang menjadi kawasan penerimaan dan penolakan lebih dari $F_{\alpha, k-1, n-k}$, maka terdapat pengaruh ditolak diterima sebaliknya jika kurang dari $F_{\alpha, k-1, n-k}$ diterima ditolak, artinya tidak ada pengaruh H_0 : artinya terdapat pengaruh signifikan pembolehubah dalam penyelidikan ini menggunakan tahap dimana K merupakan jumlah adalah: $t = \frac{b_1}{s_{b_1}}$ = nilai koefisien regresi atau parameter pembolehubah s_{b_1} = simpanan baku untuk b_1 :> maka tolak < maka terima

BAB 5

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.0 Pengenalan

Bab Empat telah menerangkan tentang metodologi kajian. Bab Lima pula akan membincangkan hasil kajian. Bab Lima dibahagikan kepada lima seksyen. Seksyen 5.0 ialah pengenalan sementara seksyen 5.1 membincangkan statistik deskriptif. Seksyen 5.2 dan seksyen 5.3 membincangkan masing-masing hasil analisis korelasi, seksyen 5.4 membincangkan perbezaan kecekapan kos pemilikan bank di Indonesia dan regresi dan seksyen 5.5 membincangkan hasil analisis tobit. Seksyen 5.6 merumuskan hasil kajian.

5.1 Statistik Deskriptif

Seksyen ini akan memberikan gambaran statistik untuk kesemua pembolehubah yang digunakan. Seksyen 5.1.1 membincangkan statistik untuk kesemua 74 bank untuk tempoh 12 tahun dari tahun 1995 hingga 2006 atau 888 data tahunan bank secara keseluruhan. Seksyen 5.1.2 pula akan membincangkan perbezaan statistik di antara tiga jenis pemilikan bank di Indonesia iaitu bank kerajaan, bank swasta dan bank pembangunan daerah (BPD).

5.1.1 Data Deskriptif Pembolehubah untuk Semua Bank

Jadual 5.1 memberi gambaran statistik deskriptif mengenai semua pembolehubah yang digunakan untuk keseluruhan data. Ia menunjukkan bahawa purata ROA ialah 0.3% dan purata ini sangat rendah berbanding hasil kajian Berger dan Bonaccorsi (2006), Agusman *et al.* (2008) dan Barry *et al.* (2011) untuk bank-bank di Amerika Syarikat, Asia dan Eropah masing-masing. Purata ROA yang rendah di Indonesia dipengaruhi oleh prestasi bank semasa krisis ekonomi dan politik yang bermula dari tahun 1997 sehingga 1999. Jadual 5.2 membahagikan tempoh kajian kepada dua iaitu semasa krisis kewangan (tahun 1997 hingga 1999) dan di luar masa krisis kewangan (tahun 1995, 1996 dan 2000 hingga 2006). Purata ROA semasa krisis ialah -2.82% seperti yang ditunjukkan pada jadual 5.2. Manakala di luar tempoh krisis, purata ROA ialah 1.34%. Ujian perbezaan dua purata menunjukkan perbezaan ROA di antara dua tempoh tersebut adalah signifikan pada tahap satu peratus.

Purata prestasi berdasarkan ROE pula ialah 9.09% dengan sisihan piawai sebanyak 73.62%. Sama seperti ROA, nilai purata ROE semasa krisis adalah lebih rendah berbanding dengan di luar tempoh krisis di mana semasa krisis ROE ialah 7.90% dan di luar tempoh krisis ROE ialah 9.45%. Ujian perbezaan dua purata menunjukkan perbezaan ROE di antara dua tempoh tersebut adalah tidak signifikan. Sisihan piawai

Jadual 5.1

Data Deskriptif Pembolehubah Kajian Semua Bank

Pembolehubah	N	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan piawai
ROA	888	-1.4028	0.6312	0.0030	0.1025
ROE ¹	869	-9.3119	9.5348	0.0909	0.7362
DKERAJAAN	888	0	1	0.0405	0.1973
DBPD	888	0	1	0.2027	0.4022
DDEVISA	888	0	1	0.3637	0.4813
DEKUITI	888	0	1	0.5935	0.4915
DKRISIS	888	0	1	0.2500	0.4333
EKONOMI	888	-13.10	8.20	3.2833	5.3442
EKUITI	888	-1.3144	0.7206	0.1090	0.1373
PINJAMAN	888	0.0214	12.4724	0.5190	0.5552
KOS	888	0.0013	1.7203	0.0828	0.1279
DEPOSIT	888	0.0017	29.2758	2.4054	2.9462
ASET (juta rupiah)	888	19,443	176,798,726	7,642,555	21400678

¹ROE mempunyai hanya 869 data tahunan bank kerana 19 data tahunan bank tidak boleh digunakan disebabkan bank-bank tersebut mempunyai kedua-dua pendapatan bersih dan jumlah ekuiti yang negatif. ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS mempunyai nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong;.EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset.

Jadual 5.2

Data Deskriptif Semasa Krisis Kewangan dan di Luar Tempoh Krisis Kewangan

Pembolehubah	Tempoh	N	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan piawai	Signifikan
ROA	Semasa krisis	222	-1.4028	.6312	-0.0282	0.1958	.000***
	Di luar masa krisis	666	-0.3484	.2500	0.0134	0.0288	
ROE	Masa krisis	205	-3.9454	9.5348	0.0790	1.2413	0.861
	Di luar masa krisis	664	-9.3119	0.6304	0.0945	0.4852	
EKONOMI	Semasa krisis	222	-13.10	4.70	-2.4667	7.6865	Tidak di nilai
	Di luar masa krisis	666	1.00	8.20	5.1938	1.933	
EKUITI	Semasa krisis	222	-1.3144	0.7206	0.0845	0.2381	0.045**
	Di luar masa krisis	666	-0.0715	0.5905	0.1172	0.0777	
PINJAMAN	Semasa krisis	222	0.0214	1.7744	0.4502	0.2497	0.002***
	Di luar masa krisis	666	0.0266	12.4724	0.5420	0.6231	

Jadual 5.2 (Sambungan)

Data Deskriptif Semasa Krisis Kewangan dan di Luar Tempoh Krisis Kewangan

Pembolehubah	Tempoh	N	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan piawai	Signifikan
KOS	Masa krisis	222	0.0035	1.7203	0.1415	0.2246	0.000***
	Di luar masa krisis	666	0.0013	0.9769	0.0632	0.0595	
DEPOSIT	Semasa krisis	222	0.0088	28.8315	3.0225	4.0052	0.000***
	Di luar masa krisis	666	0.0017	29.2758	2.1997	2.4652	
ASET (juta rupiah)	Semasa krisis	222	28,719	97,717,803	4,579,677	13503743	0.008***
	Di luar masa krisis	666	19,443	176,798,726	8,663,514	23368890	

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10%.

yang tinggi untuk ROE dipengaruhi oleh krisis tersebut di mana sisihan piawai semasa krisis ialah 124.13% sementara di luar tempoh krisis ialah 48.52%.

Nilai *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN) ialah 4.05% yang menunjukkan bahawa jumlah data tahunan bank kerajaan yang digunakan di dalam kajian ini ialah 36. Sementara nilai *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD) ialah 20.27% yang menunjukkan jumlah data tahunan BPD ialah 180. Purata *dummy* bank devisa (DDEVISA) ialah 36.37% menunjukkan hanya 323 data tahunan bank di Indonesia memperolehi kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan urusniaga matawang asing. Purata *dummy* jumlah ekuiti (DEKUITI) ialah 59.35% yang menunjukkan bahawa lebih daripada separuh data tahunan bank, iaitu 527, tidak memenuhi syarat minimum jumlah ekuiti sebanyak 100 bilion rupiah.

Purata nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI) ialah 10.90% dengan sisihan piawai sebanyak 13.73%. Nisbah ini menunjukkan industri perbankan menggunakan jumlah hutang yang tinggi. Purata nisbah tersebut adalah lebih tinggi berbanding bank-bank di Eropah (Iannotta *et al.*, 2007; Barry *et al.*, 2011), di Amerika Syarikat (Berger & Bonaccorsi, 2006) dan di Asia (Agusman *et al.*, 2008). Pembolehubah EKUITI adalah lebih tinggi di luar tempoh krisis (11.72%) berbanding semasa krisis (8.45%) dan perbezaan ini adalah signifikan pada tahap lima peratus. Purata nisbah pinjaman kepada jumlah aset (PINJAMAN) ialah 51.9%. Ini menunjukkan lebih daripada separuh aset bank digunakan untuk memberi pinjaman. Hasil ini lebih rendah berbanding hasil penyelidikan oleh Iannotta *et al.* (2007), Agusman *et al.*

(2008) dan Hoffmann (2011). Semasa krisis kewangan, PINJAMAN adalah lebih rendah daripada di luar tempoh krisis. Ini menunjukkan bahawa bank adalah lebih berhati-hati di dalam mengambil risiko semasa krisis kewangan. Perbezaan pembolehubah PINJAMAN untuk dua tempoh tersebut adalah signifikan pada tahap satu peratus. Purata nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) ialah 8.28% dengan sisihan piawai sebanyak 12.79%. Purata ini adalah lebih tinggi berbanding bank-bank di Eropah iaitu 1.76% (Iannotta *et al.*, 2007).

Purata KOS di luar tempoh krisis sebanyak 6.32% adalah lebih rendah berbanding semasa krisis iaitu 14.15%. Perbezaan pembolehubah KOS untuk dua tempoh tersebut adalah signifikan pada tahap satu peratus. Purata nisbah deposit kepada pinjaman (DEPOSIT) ialah 240.54%. Purata DEPOSIT semasa krisis sebanyak 302.25% adalah lebih tinggi berbanding di luar tempoh krisis iaitu 219.97%. Purata DEPOSIT ini lebih tinggi berbanding bank-bank di Eropah iaitu 79.27% (Iannotta *et al.*, 2007). Ini menunjukkan bahawa bank mengurangkan jumlah pinjaman berbanding deposit semasa krisis disebabkan ketidakpastian ekonomi. Perbezaan pembolehubah DEPOSIT untuk dua tempoh tersebut adalah signifikan pada tahap satu peratus.

Jadual 5.1 menunjukkan bahawa jumlah aset bank berada di antara 19.44 bilion rupiah dan 178.8 triliun rupiah dengan purata 7.6 triliun rupiah. Purata jumlah aset

bank lebih kecil berbanding bank-bank di Eropah iaitu 10.410 bilion Euro² (Barry *et al.*, 2011). Jumlah aset semasa krisis adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah aset di luar masa krisis dan signifikan pada tahap satu peratus.

5.1.2 Perbezaan Pemilikan Bank di Indonesia

Jadual 5.3 membahagikan bank kepada tiga bentuk pemilikan dan memberikan gambaran ringkas untuk ketiga-tiga bentuk bank tersebut. Hasil kajian mendapati di antara ketiga-tiga bentuk bank tersebut, bank kerajaan mempunyai jumlah aset, jumlah hutang, jumlah deposit, jumlah pinjaman dan belanja operasi yang paling tinggi dan diikuti oleh bank swasta dan BPD. Hasil kajian menunjukkan jumlah aset bank kerajaan ialah 65.1 triliun rupiah berbanding dengan hanya 2.7 triliun rupiah untuk BPD dan 5.9 triliun rupiah untuk bank swasta. Ini menunjukkan bahawa bank kerajaan adalah jauh lebih besar daripada bank-bank lain di Indonesia dan perbezaan ini adalah signifikan pada tahap satu peratus. BPD mempunyai jumlah aset yang

² Nilai tukaran satu dollar Amerika kepada rupiah untuk tahun 1995 adalah 2,308 rupiah; 1996: 2,383; 1997: 4,650; 1998: 8,025; 1999: 7,100; 2000: 9,595; 2001: 10,400; 2002: 8,940; 2003: 8,465; 2004: 9,290; 2005: 9,830 dan 2006 adalah 9,020 rupiah. Sementara nilai tukaran satu Euro kepada rupiah pada tahun 2000 adalah 8,912 rupiah; 2001: 9,188; 2002: 9,370; 2003: 10,643; 2004: 12,652; 2005: 11,660 dan 2006: 11,858 rupiah.

Jadual 5.3

Perbandingan Purata dan Sisihan Piawai untuk Pembolehubah Terpilih Berdasarkan Pemilikan Bank

Pembolehubah	Bank swasta (n=672)	Bank pembangunan daerah (BPD) (n=180)	Bank kerajaan pusat (n=36)	Signifikan
Jumlah aset	5,888,263,308,119 (17,216,649,359,33)	2,705,277,110,697 (3,388,437,285,49)	65,075,719,062,671 (47,834,105,072,59)	a, d, g
Jumlah ekuiti	325,201,955,434 (2,471,358,412,290)	223,679,169,368 (291,013,420,157)	2,051,270,550,874 (11,089,950,599,00)	ts1, ts2, ts3
Jumlah hutang	5,563,061,352,685 (16,148,294,740,00)	2,481,597,941,329 (3,117,959,152,00)	63,024,448,511,797 (42,831,945,446,45)	a, d, g
Jumlah deposit	6,101,843,953,800 (27,396,327,296,33)	1,873,817,998,063 (2,865,820,804,829)	55,903,735,104,231 (45,279,184,243,146)	a, d, g
Jumlah pinjaman	2,301,946,832,554 (5,962,466,543,665)	1,101,807,508,874 (1,624,482,045,201)	29,362,901,495,626 (22,071,834,129,449)	a, d, g
Belanja operasi	705,859,540,863 (2,472,108,470,777)	117,898,818,331 (144,081,534,062)	9,194,995,073,540 (11,753,955,768,503)	a, d, g
Pendapatan operasi	720,426,127,403 (2,475,831,402,165)	187,708,216,487 (250,221,517,324)	1,868,839,009,171 (10,843,820,994,740)	a, ts2, ts3
Keuntungan bersih	-121,599,584,877 (2,118,300,115,365)	49,304,411,726 (83,151,837,810)	-1,213,154,933,578 (10,079,114,101,965)	b, ts2, ts3

Jadual 5.3 (Sambungan)

Perbandingan Purata dan Sisihan Piawai untuk Pembolehubah Terpilih Berdasarkan Pemilikan Bank

Pembolehubah	Bank swasta (n=672)	Bank pembangunan daerah (BPD) (n=180)	Bank kerajaan pusat (n=36)	Signifikan
Pulangan atas asset (ROA)	0.293% (9.146%)	1.723% (2.537%)	-6.638% (31.070%)	a, ts2, ts3
Pulangan atas ekuiti (ROE) ¹	5.825% (77.400%)	15.540% (45.356%)	41.186% (108.022%)	a, f, ts3
EKUITI	12.237% (12.755%)	9.181% (3.904%)	-5.427% (35.430%)	a, f, h
PINJAMAN	54.598% (62.572%)	41.704% (16.425%)	52.583% (31.601%)	ts1, ts2, i
KOS	8.049% (11.066%)	6.920% (12.149%)	19.320% (30.163%)	ts1, ts2, h
DEPOSIT	246.159% (302.216%)	214.261% (210.891%)	267.151% (465.144%)	ts1, ts2, ts3
ASET	27.3755 (1.88338)	27.8574 (1.37877)	31.5069 (0.81903)	a, f, g

¹Untuk ROE, sebanyak 19 data tahunan bank dikeluarkan kerana mempunyai nilai ekuiti negatif. Oleh itu, sampel untuk bank swasta ialah sebanyak 659 data, BPD sebanyak 179 data dan bank kerajaan pusat sebanyak 29 data.

a, b,c, atau ts1 menunjukkan perbezaan pembolehubah antara bank swasta dengan BPD signifikan 1%, 5%, 10%, atau tidak signifikan (ts).

d,e,f, atau ts2 menunjukkan perbezaan pembolehubah antara bank swasta dengan bank kerajaan pusat signifikan 1%, 5%, 10%, atau tidak signifikan (ts).

g,h,i, atau ts3 menunjukkan perbezaan pembolehubah antara BPD dengan bank kerajaan pusat signifikan 1%, 5%, 10%, atau tidak signifikan (ts).

rendah mungkin disebabkan mereka hanya tertumpu kepada daerah-daerah tertentu sahaja.

Jumlah aset terbahagi kepada dua bahagian iaitu ekuiti dan hutang. Untuk bank pusat, jumlah ekuiti ialah 2.05 triliun rupiah atau ekuiti membiayai 3.15% daripada jumlah aset sementara bagi bank swasta jumlah ekuiti ialah 325.2 bilion dan untuk BPD jumlah ekuiti ialah 223.7 bilion. Walau bagaimanapun perbezaan jumlah ekuiti untuk ketiga-tiga jenis bank tersebut adalah tidak signifikan. Walaupun perbezaan jumlah ekuiti untuk ketiga-tiga jenis bank adalah tidak signifikan tetapi perbezaan berdasarkan nisbah ekuiti kepada jumlah asset (EKUITI) untuk ketiga-tiga jenis bank adalah signifikan di mana EKUITI untuk bank kerajaan pusat, BPD dan bank swasta adalah masing-masing -5.427%, 9.181% dan 12.237%. Ini menunjukkan bahawa bank swasta mempunyai nisbah ekuiti yang paling tinggi. Ini mungkin disebabkan sekiranya bank swasta mengalami masalah, maka para pemegang saham yang terdiri daripada individu atau keluarga adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan cara meningkatkan ekuiti yang dipegang oleh mereka. Ini akan menyebabkan pelaburan mereka tidak dipelbagaikan dengan baik. Oleh itu, untuk mengelak masalah kewangan ini daripada berlaku, pengurus bank swasta akan meningkatkan penggunaan ekuiti.

Satu lagi kemungkinan mengapa nisbah ekuiti adalah tinggi untuk bank swasta ialah *bias* di dalam pemilihan sampel kajian (*sample selection bias*). Oleh kerana kajian ini tidak memperolehi data untuk bank yang sudah tidak beroperasi yang kebanyakannya

terdiri daripada bank swasta, maka sampel bank swasta di dalam kajian ini adalah bank-bank yang masih beroperasi, di mana bank-bank ini mungkin tidak menghadapi masalah kewangan. Ini antara sebab kenapa nisbah ekuiti untuk bank swasta adalah lebih tinggi daripada BPD dan bank kerajaan pusat.

Sementara itu, hutang membiayai 96.85%, 94.47% dan 92.73% daripada jumlah aset untuk bank pusat, bank swasta dan BPD masing-masing. Jumlah hutang untuk bank kerajaan, BPD dan bank swasta masing-masing adalah 63.02 triliun, 2.48 triliun dan 5.56 triliun. Perbezaan jumlah hutang untuk ketiga-tiga jenis bank adalah signifikan pada tahap satu peratus. Ini menunjukkan bahawa bank kerajaan pusat menggunakan hutang yang paling tinggi. Oleh kerana saiz bank kerajaan adalah sangat besar, maka dijangkakan penggunaan hutang juga adalah lebih besar. Penggunaan hutang yang tinggi ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah kerana kerajaan pusat tidak akan membiarkan bank-bank kerajaan muflis kerana ia akan memberi pengaruh yang besar ke atas keyakinan para pelabur terhadap sistem perbankan di Indonesia.

Jumlah deposit bank kerajaan pusat adalah sebanyak 55.9 triliun rupiah berbanding dengan BPD (1.9 triliun rupiah) dan bank swasta (6.1 triliun rupiah) Ini menunjukkan bahawa bank kerajaan adalah jauh lebih besar daripada bank-bank lain di Indonesia dan perbezaan ini adalah signifikan pada tahap satu peratus. Hasil kajian ini menunjukkan BPD memperoleh deposit yang rendah disebabkan mereka tertumpu pada daerah masing-masing. Walau bagaimanapun, bank kerajaan mempunyai

cawangan di seluruh Indonesia dan masyarakat lebih mempercayai untuk menabung di dalam bank kerajaan.

Jumlah deposit akan berpengaruh kepada pemberian pinjaman di mana jumlah pinjaman untuk bank kerajaan adalah sebanyak 29.4 triliun rupiah berbanding hanya 1.1 triliun rupiah untuk BPD dan 2.3 triliun rupiah untuk bank swasta. Ini menunjukkan bahawa pemberian pinjaman oleh bank kerajaan adalah jauh lebih tinggi daripada bank-bank lain di Indonesia dan perbezaan ini adalah signifikan pada tahap satu peratus. Bank kerajaan boleh memberikan pinjaman yang lebih tinggi kepada pelanggan kerana mempunyai cawangan di seluruh Indonesia. BPD memberikan pinjaman terendah mungkin disebabkan oleh bilangan pelanggan yang lebih rendah dan tertumpu kepada kakitangan kerajaan dan daerah masing-masing. Walau bagaimanapun, apabila pinjaman diseragamkan dengan jumlah aset, (PINJAMAN) nilainya menjadi tidak signifikan kecuali perbezaan di antara BPD dan bank kerajaan yang mana perbezaan itu adalah signifikan pada tahap 10 peratus.

Perbezaan jumlah deposit kepada pinjaman (DEPOSIT), untuk ketiga-tiga jenis bank adalah tidak signifikan. DEPOSIT untuk bank kerajaan pusat, BPD dan bank swasta adalah masing-masing 267.152%, 214.261% dan 246.159%. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis bank mempunyai jumlah deposit kepada pinjaman yang tidak begitu berbeza.

Jumlah belanja operasi bank kerajaan pusat adalah sebanyak 9.2 triliun rupiah berbanding hanya 117.9 bilion rupiah untuk BPD dan 705.9 bilion rupiah untuk bank swasta. Perbezaan ini adalah signifikan pada tahap satu peratus. Walau bagaimanapun apabila dilihat kepada nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS), bank kerajaan mempunyai purata KOS yang paling tinggi iaitu 19.320% berbanding bank swasta 8.049% dan BPD 6.920%. Walau bagaimanapun, perbezaan KOS untuk ketiga-tiga jenis bank tersebut adalah tidak signifikan kecuali perbezaan di antara bank swasta dan BPD dan bank kerajaan yang mana perbezaan itu adalah signifikan pada tahap lima peratus.

Jumlah keuntungan bersih bank kerajaan pusat ialah -1.2 triliun rupiah berbanding 49.3 bilion rupiah untuk BPD dan -212.6 bilion rupiah untuk bank swasta. Ini menunjukkan bahawa kerajaan pusat mengalami jumlah kerugian yang jauh lebih besar daripada bank-bank lain di Indonesia terutama semasa krisis kewangan. Walau bagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak signifikan apabila dibandingkan dengan BPD atau bank swasta. Apabila keuntungan bersih BPD dibandingkan dengan bank swasta di dapati bahawa perbezaan tersebut adalah signifikan pada tahap lima peratus. Salah satu kumpulan pelanggan yang utama untuk BPD ialah kakitangan kerajaan di mana BPD akan memasarkan produk mereka secara agresif kepada kumpulan tersebut. Ini disebabkan kakitangan kerajaan mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman mereka walaupun semasa krisis kewangan kerana adalah sukar untuk memberhentikan mereka. Oleh itu, pinjaman yang dikeluarkan oleh BPD

tidak akan mengalami masalah kutipan yang ketara dan ini akan meningkatkan keuntungan BPD.

Apabila prestasi diukur dengan menggunakan ROA, hasil kajian menunjukkan ROA untuk bank kerajaan pusat, bank swasta dan BPD adalah masing-masing -6.638%, 0.293% dan 1.729%. Ini menunjukkan bahawa bank kerajaan pusat mempunyai prestasi yang paling rendah dan BPD mempunyai prestasi yang terbaik. Walau bagaimanapun perbezaan di antara ketiga-tiga jenis bank tersebut adalah tidak signifikan kecuali perbezaan di antara bank swasta dan BPD yang mana perbezaan itu adalah signifikan pada tahap satu peratus. Apabila prestasi diukur dengan menggunakan ROE, bank kerajaan pusat mempunyai prestasi paling tinggi (41.186%) diikuti oleh BPD (15.5402%) dan bank swasta (5.825%). Perbezaan ROE untuk ketiga-tiga jenis bank adalah signifikan.

5.2 Hasil Analisis Korelasi

Hasil analisis korelasi ditunjukkan pada jadual 5.4. Analisis korelasi antara pembolehubah dilakukan untuk melihat kewujudan multikolineariti di mana multikolineariti mungkin wujud apabila nilai korelasi mencapai 0.8 (Gujarati, 2009; Stundenmund, 2011). Jadual 5.4 menunjukkan bahawa semua nilai korelasi antara pembolehubah tidak melebihi 0.8. Nilai tertinggi ialah 0.7841 di antara jumlah aset dan *dummy* bagi ekuiti.

Analisis berikutnya dilakukan untuk memastikan multikolineariti tidak mendatangkan masalah kepada kajian dengan menggunakan kaedah faktor inflasi varians [*variance inflation factor* (VIF)]. Jadual 5.5 menunjukkan nilai VIF untuk model prestasi yang diukur menggunakan ROA adalah berbeza dengan model ROE. Ini disebabkan ROA menggunakan 888 data tahunan manakala ROE menggunakan 869 data tahunan. Nilai VIF yang tertinggi untuk ROA ialah 4.21 sementara untuk ROE ialah 4.69. Oleh kerana nilai ini adalah lebih rendah daripada 10, maka kajian ini terhindar daripada masalah multikolineariti (Kennedy, 1998 ; Gujarati, 2009).

5.3 Hasil Analisis Regresi

Bahagian ini akan membincangkan pengaruh prestasi bank yang diukur dengan ROA dan ROE dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu struktur pemilikan, status bank, ekuiti, krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi dan nisbah kewangan. Nisbah-nisbah kewangan yang digunakan ialah ekuiti kepada jumlah aset, pinjaman kepada jumlah aset, belanja operasi kepada jumlah aset, deposit kepada pinjaman dan saiz. Pengolahan data dilakukan dengan menggunakan kaedah kuasa dua terkecil [*pooled ordinary least squares* (OLS) dan *generalized least squares* (GLS)] dan pendekatan kesan rawak (*random effect*)³. Seksyen 5.3.1 akan membincangkan analisis data menggunakan kaedah kuasa dua terkecil sementara seksyen 5.3.2 perbincangan.

³ Kesan tetap (*fixed effect*) tidak sesuai digunakan kerana tiada perubahan dalam pemilikan bank untuk tempoh 12 tahun

Jadual 5.4

Matrik Korelasi Pembolehubah

Pemboleh ubah	ROA	ROE	DKERAJAAN	DBPD	DDEVISA	DEKUITI	DKRISIS	EKONOMI	EKUITI	PINJAMAN	KOS	DEPOSIT	ASET
ROA	1.0000												
ROE	0.7391	1.0000											
DKERAJAAN	0.0881	0.0839	1.0000										
DBPD	0.0492	0.0447	-0.0980	1.0000									
DDEVISA	-0.0709	-0.0194	-0.1436	-0.3802	1.0000								
DEKUITI	-0.0348	-0.0873	-0.2282	-0.1019	-0.3498	1.0000							
DKRISIS	-0.0129	-0.0094	-0.0484	0.0119	-0.0134	0.1989	1.0000						
EKONOMI	0.0137	-0.0238	0.0574	-0.0208	0.0224	-0.1098	-0.6052	1.0000					
EKUITI	0.1897	0.0401	-0.1281	-0.1916	-0.1354	0.2343	0.1096	-0.0630	1.0000				
PINJAMAN	-0.0378	-0.0134	-0.0140	-0.0942	-0.0441	0.0751	-0.0755	0.1176	-0.0109	1.0000			
KOS	0.0460	0.0997	0.0990	-0.0211	0.0501	-0.0444	0.2053	-0.1740	-0.0243	-0.0465	1.0000		
DEPOSIT	0.0017	0.0101	0.0210	-0.0403	0.0559	0.0069	0.1110	-0.1897	-0.0444	-0.2685	0.1746	1.0000	
ASET	-0.0197	0.0558	0.4041	0.0735	0.3949	-0.7841	-0.2030	0.0962	-0.4727	-0.0581	0.0424	0.0675	1.0000

Jadual 5.5

Nilai Faktor Inflasi Varians (VIF) untuk Pembolehubah Tidak Bersandar

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
DKERAJAAN	1.70	1.66
DBPD	1.51	1.54
DDEVISA	2.01	1.99
DEKUITI	2.75	2.96
DKRISIS	1.75	1.71
EKONOMI	1.74	1.64
EKUITI	1.91	1.46
PINJAMAN	1.12	1.11
KOS	1.58	1.10
DEPOSIT	1.15	1.16
ASET	4.21	4.69

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset.

Seksyen 5.3.3 membincangkan analisis kesan rawak. Seksyen 5.3.4 menganalisis data dengan lebih terperinci di mana data yang ekstrim akan diubah suai.

5.3.1 Analisis Data Menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil

Jadual 5.6 menunjukkan hasil kajian berdasarkan kaedah OLS. Dengan menggunakan ROA sebagai pembolehubah bersandar, hasil kajian mendapati bahawa prestasi bank dipengaruhi secara signifikan pada tahap satu peratus oleh pembolehubah *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan nisbah deposit kepada pinjaman (DEPOSIT). *Dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN) dan pertumbuhan ekonomi (EKONOMI) hanya signifikan pada tahap sepuluh peratus sementara lain-lain pembolehubah adalah tidak signifikan. Apabila ROE digunakan sebagai pembolehubah bersandar, hasil kajian menunjukkan bahawa prestasi bank dipengaruhi secara signifikan pada tahap satu peratus oleh pembolehubah nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS), manakala *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN) dan nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI) signifikan pada tahap sepuluh peratus.

Jadual 5.6

Hasil Regresi ROA dan ROE Menggunakan Kaedah OLS

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	-0.1053 (0.1038)	0.3387 (0.6803)
DKERAJAAN	0.0234 (0.0925)*	0.3202 (0.0627)*
DBPD	0.0256 (0.0001)***	0.1121 (0.1402)
DDEVISA	0.0053 (0.3895)	0.0001 (0.9986)
DEKUITI	-0.0113 (0.1115)	-0.1411 (0.1031)
DKRISIS	0.0017 (0.7880)	-0.0824 (0.2741)
EKONOMI	0.0010 (0.0566)*	-0.0067 (0.2797)
EKUITI	0.4527 (0.0000)***	0.6953 (0.0627)*
PINJAMAN	-0.0006 (0.8895)	0.0071 (0.8792)
KOS	-0.2370 (0.0000)***	0.8070 (0.0074)***
DEPOSIT	0.0019 (0.0116)***	-0.0004 (0.9668)
ASET	0.0025 (0.2606)	-0.0110 (0.6947)
<i>R-squared</i>	0.6311	0.0302
<i>Adjusted R-squared</i>	0.6264	0.0177
Durbin-Watson	1.8835	2.0851
Uji Breusch dan Pagan LM		
Chi2(1)	1743.04	3051.80
Prob>Chi2	0.0000	0.0000
Jumlah data	888	869

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10% (nilai p berada dalam kurungan)

Untuk melihat kesesuaian kaedah OLS, ujian heteroskedastisiti dan autokorelasi perlu dilakukan. Sekiranya analisis data tidak menghadapi masalah heteroskedastisiti atau autokorelasi, maka hasil kajian berdasarkan kaedah OLS boleh digunakan. Sekiranya masalah heteroskedastisiti dan/atau autokorelasi wujud, maka kaedah OLS akan memberi keputusan yang tidak tepat (*bias*). Jadual 5.6 memberikan keputusan ujian autokorelasi berdasarkan kaedah Durbin-Watson (DW) dan heteroskedastisiti berdasarkan ujian LM dengan menggunakan pendekatan Breusch-Pagan. Hasil kajian mendapati bahawa nilai DW apabila ROA digunakan sebagai pembolehubah bersandar adalah 1.8835. Oleh kerana nilai ini berada di antara nilai kritikal 1.8611 dan 1.9135, maka tidak dapat dipastikan samada hasil kajian ini menghadapi masalah autokorelasi.

Sementara untuk ROE, nilai DW ialah 2.0851. Oleh kerana ia berada di dalam julat nilai kritikal di antara 1.9135 dan 2.0865 maka hipotesis nol tiada autokorelasi akan diterima. Walau bagaimanapun hasil ujian heteroskedastisiti dengan menggunakan LM berdasarkan pendekatan Breusch-Pagan mendapati bahawa model menghadapi masalah heteroskedastisiti, maka OLS akan memberikan keputusan yang *bias*.

Untuk mengatasi masalah di atas, kaedah GLS digunakan dan hasil analisis diringkaskan pada jadual 5.7. Apabila ROA digunakan sebagai pembolehubah bersandar, hasil kajian mendapati bahawa prestasi bank dipengaruhi secara signifikan pada tahap satu peratus oleh pembolehubah *dummy* bank pembangunan daerah

Jadual 5.7

Hasil Regresi ROA dan ROE Menggunakan Kaedah GLS

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	-0.1301 (0.0024) ***	-0.3870 (0.0856)*
DKERAJAAN	-0.0003 (0.9826)	0.0401 (0.5466)
DBPD	0.0197 (0.0008)***	0.0963 (0.0025)***
DDEVISA	0.0039 (0.4584)	-0.0209 (0.4474)
DEKUITI	-0.0021 (0.4919)	-0.0077 (0.6890)
DKRISIS	-0.0118 (0.0191)**	-0.0129 (0.4440)
EKONOMI	-0.0003 (0.4697)	-0.0034 (0.2331)
EKUITI	0.3541 (0.0000)***	0.2336 (0.0197)**
PINJAMAN	0.0007 (0.6448)	0.0067 (0.4665)
KOS	-0.2064 (0.0000)***	0.3493 (0.0000)***
DEPOSIT	0.0005 (0.1753)	0.0063 (0.0033)***
ASET	0.0040 (0.0086)***	0.0161 (0.0386)**
<i>R-squared</i>	0.4967	0.0882
<i>Adjusted R-squared</i>	0.4904	0.0765
Durbin-Watson	2.0667	2.0328
Jumlah data	888	869

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10%. masing-masing.

(DBPD), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan jumlah aset (ASET). Sementara itu *dummy* krisis kewangan (DKRISIS) signifikan pada tahap lima peratus.

Sementara untuk ROE, hasil kajian mendapati bahawa prestasi bank atau ROE dipengaruhi secara signifikan pada tahap satu peratus oleh pembolehubah *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan nisbah deposit kepada jumlah pinjaman (DEPOSIT). Sementara itu nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI) dan jumlah aset (ASET) signifikan pada tahap lima peratus. Nilai DW menggunakan ROA dan ROE ialah masing-masing 2.0667 dan 2.0328. Oleh kerana nilai ini berada di antara julat hipotesis nol, iaitu di antara 1.9135 dan 2.0865 maka analisis data tidak menghadapi masalah autokorelasi.

Jadual 5.8 membahagikan tempoh kajian kepada dua iaitu semasa krisis (tahun 1997 hingga 1999) dan di luar tempoh krisis (tahun 1995, 1996 dan 2000 hingga 2006). Hasil kajian mendapati bahawa semasa krisis ROA dipengaruhi oleh *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN), *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), *dummy* jumlah ekuiti (DEKUITI), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah pinjaman kepada jumlah aset (PINJAMAN) dan nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) pada tahap satu peratus dan jumlah aset (ASET) pada tahap lima

peratus. Untuk ROE, hanya *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN) sahaja yang signifikan pada tahap lima peratus.

Di luar tempoh krisis, ROA dipengaruhi oleh *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan jumlah aset (ASET) pada tahap satu peratus. Untuk ROE, hanya *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI) dan jumlah aset (ASET) signifikan pada tahap satu peratus.

5.3.2 Perbincangan

Jadual 5.7 menunjukkan bahawa *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD) mempunyai pengaruh positif terhadap ROA dan ROE sebagai pembolehubah bersandar. Ini menunjukkan bahawa bank pembangunan daerah mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding dengan bank swasta masing-masing 1.97 peratus dan 9.63 peratus.

Teori agensi menyatakan bahawa firma yang diurus oleh pengurus yang tidak mempunyai pegangan saham dalam firma akan membawa kepada pertentangan kepentingan (*conflict of interest*) di antara pengurus dan pemegang saham. Walau bagaimanapun hasil kajian ini mendapati bahawa walaupun pengurus bank tidak

Jadual 5.8

Hasil Regresi Semasa Krisis Kewangan dan di Luar Tempoh Krisis Kewangan Menggunakan Kaedah GLS

Pembolehubah	Semasa krisis		Di luar tempoh krisis	
	ROA	ROE	ROA	ROE
Konstan	0.4601 0.0087***	1.7042 0.3645	-0.0879 0.0007***	-0.6237 0.0055***
DKERAJAAN	0.1327 0.0016***	0.9151 0.0268**	0.0022 0.7387	0.0060 0.9142
DBPD	0.0469 0.0046***	0.0735 0.5954	0.0129 0.0001***	0.1192 0.0000***
DDEVISA	0.0065 0.6961	0.0485 0.7254	-0.0011 0.6937	-0.0163 0.4970
DEKUITI	-0.0643 0.0004***	-0.1476 0.3976	0.0021 0.3498	0.0112 0.5805
EKONOMI	0.0014 0.1748	-0.0004 0.9770	-0.0001 0.7589	0.0008 0.7986
EKUITI	0.4922 0.0000***	0.3661 0.6592	0.1686 0.0000***	0.2616 0.0103**

Jadual 5.8 (Sambungan)

Hasil Regresi Semasa Krisis Kewangan dan di Luar Tempoh Krisis Kewangan Menggunakan Kaedah GLS

Pembolehubah	Semasa krisis		Di luar tempoh krisis	
	ROA	ROE	ROA	ROE
PINJAMAN	-0.0903	-0.2971	0.0005	0.0038
	0.0011***	0.3039	0.6693	0.6954
KOS	-0.1754	0.1168	-0.0276	-0.0989
	0.0000***	0.7556	0.0113**	0.3389
DEPOSIT	-0.0003	0.0058	-0.0003	0.0015
	0.8832	0.7734	0.2912	0.5340
ASET	-0.0157	-0.0545	0.0029	0.0246
	0.0110**	0.4088	0.0012***	0.0014***
<i>R-squared</i>	0.6851	0.0916	0.2717	0.0958
<i>Adjusted R-squared</i>	0.6702	0.0448	0.2606	0.0819
Durbin-Watson	2.1308	2.0143	2.0491	1.9914
Jumlah data	222	205	666	664

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * signifikan pada tahap 1%, 5% dan 10% masing-masing.

mempunyai kepentingan di dalam bank tersebut, mereka masih mengurus bank tersebut dengan sangat baik. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, pemberian pinjaman hanya kepada kakitangan kerajaan tempatan di mana kakitangan kerajaan sangat sukar untuk diberhentikan. Oleh kerana mereka susah untuk diberhentikan, kebarangkalian mereka tidak mampu membayar balik pinjaman adalah sangat rendah walaupun keadaan ekonomi tidak stabil. Kedua, oleh kerana BPD memberikan perkhidmatan hanya kepada sesuatu daerah sahaja, maka ia mempunyai pengetahuan yang khusus tentang daerah tersebut. Ini memudahkan BPD untuk menilai permohonan pinjaman daripada pelanggan dan mengenalpasti pinjaman yang berdaya maju. Ketiga, prestasi BPD diawasi oleh kerajaan tempatan. Kelemahan pengurus bank menunjukkan ketidakmampuan kerajaan tempatan mengenalpasti pengurus yang berwibawa. Ini sebaliknya akan memberi gambaran negatif terhadap kemampuan kerajaan tempatan.

BPD menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding bank swasta di luar tempoh krisis kewangan dan politik di mana pembolehubah BPD adalah positif dan signifikan untuk kedua-dua pengukur prestasi ROA dan ROE. Ini boleh dilihat daripada jadual 5.8. Semasa krisis kewangan, prestasi BPD adalah lebih baik daripada bank swasta apabila prestasi diukur dengan menggunakan ROA sedangkan prestasi BPD dan bank swasta adalah tidak berbeza apabila ROE digunakan.

Pembolehubah *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN) tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE sebagai pembolehubah bersandar seperti ditunjukkan di dalam jadual 5.7. Hasil ini tidak berubah apabila tempoh kajian ditumpukan kepada tempoh di luar masa krisis. Walau bagaimanapun, analisis data pada masa krisis kewangan mendapati bahawa bank kerajaan mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding dengan bank swasta untuk kedua-dua ROA dan ROE. Ini mungkin disebabkan semasa krisis kewangan pelanggan meletak tahap keyakinan yang lebih tinggi terhadap bank kerajaan. Mereka tahu bahawa kerajaan tidak akan membiarkan bank di bawah kawalannya gagal.

Hasil kajian ini berbeza dengan Reaz (2005), Beck *et al.* (2005), Berger *et al.* (2005), Omran (2007), Micco *et al.* (2007), Iannotta *et al.* (2007), Fu dan Heffernan (2008), Yu dan Neus (2009) dan Flamini *et al.* (2009) di mana kajian-kajian tersebut mendapati bank swasta mempunyai keuntungan yang lebih baik berbanding dengan bank yang dikawal oleh kerajaan. Hasil kajian ini juga berbeza dengan Hadad *et al.* (2003), Fernandez *et al.* (2005) dan Chantapong (2005) yang mendapati struktur pemilikan bank tidak mempengaruhi keuntungan bank.

ROA dan ROE tidak dipengaruhi oleh *dummy* bank devisa (DDEVISA). Hasil kajian tidak berubah walaupun data dibahagi kepada tempoh krisis dan di luar tempoh krisis. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa bank devisa tidak dapat meningkatkan prestasi daripada penawaran perkhidmatan-perkhidmatan bank yang berkaitan dengan

matawang asing seperti perpindahan wang ke luar negara, jual beli matawang asing dan pembayaran surat kredit. Hasil kajian ini sama seperti Febriyani dan Zulfadin (2003), Lestari dan Sugiharto (2007), Kirana (2009) dan Hosniah dan Prihartoro (2010).

Pembolehubah *dummy* jumlah ekuiti (DEKUITI) tidak mempengaruhi ROA dan ROE seperti ditunjukkan pada jadual 5.7. Walau bagaimanapun apabila tempoh kajian dipisahkan kepada dua bahagian, DEKUITI mempunyai pengaruh negatif yang signifikan pada tahap satu peratus terhadap ROA semasa krisis kewangan. Ini menunjukkan bahawa semasa krisis kewangan bank yang mempunyai jumlah ekuiti kurang daripada 100 bilion rupiah mengalami prestasi yang lebih buruk. Hasil kajian ini disokong oleh Berger dan Bouwman (2013) yang menyatakan bahawa ekuiti adalah penting untuk semua saiz bank (bank kecil, bank sederhana dan bank besar) semasa krisis dan di luar tempoh krisis kewangan. Bank yang mempunyai jumlah ekuiti yang rendah akan terdedah kepada risiko yang lebih tinggi dan ini akan mengurangkan keuntungan bank tersebut. Oleh itu cadangan kerajaan untuk meningkatkan keperluan modal minimum kepada 100 bilion rupiah mungkin akan dapat menolong bank kecil terutamanya semasa berlaku krisis ekonomi.

Pembolehubah *dummy* krisis kewangan (DKRISIS) mempunyai pengaruh negatif yang signifikan pada tahap lima peratus terhadap ROA sebagai pembolehubah bersandar berdasarkan jadual 5.7. Ini menunjukkan bahawa krisis kewangan dapat

menurunkan prestasi bank sebanyak 1.18 peratus. Krisis kewangan akan memberi kesan kepada peminjam. Individu mungkin akan kehilangan pekerjaan sementara syarikat akan mengalami kerugian. Ini akan meningkatkan jumlah hutang lapuk dan seterusnya memberikan kesan kepada keuntungan sesebuah bank. Krisis kewangan telah menyebabkan bank-bank di Indonesia mengalami kesulitan kewangan dan penurunan keuntungan. Krisis kewangan juga menyebabkan perubahan komposisi jumlah bank swasta dan kerajaan pusat. Kerajaan telah bertindak dengan membubarkan 16 buah bank pada tahun 1997, 38 buah bank pada tahun 1999 dan membekukan operasi tujuh buah bank pada April 1998. Pada masa yang sama kepercayaan masyarakat terhadap sistem perbankan semakin merosot, khususnya selepas kerajaan menarik balik kebenaran untuk 16 buah bank daripada beroperasi pada bulan November 1997.

Penurunan kepercayaan masyarakat terhadap sistem perbankan dapat dilihat daripada pemindahan dana oleh penabung ke bank yang lebih selamat samada di dalam ataupun di luar negara. Bank Indonesia telah meningkatkan bantuan kecairan kepada bank-bank dan ini menyebabkan peningkatan peredaran wang yang sangat besar sehingga menyebabkan tekanan inflasi yang mana sebelumnya memang sudah meningkat akibat kejatuhan nilai rupiah berbanding dolar Amerika. Krisis kewangan memberi kesan yang buruk kepada sistem perbankan disebabkan oleh berbagai kelemahan yang ada dalam industri perbankan dan diperburukkan lagi dengan krisis kewangan, krisis kecairan dan kebangkrutan yang dialami oleh syarikat konglomerat

di Indonesia. Hasil kajian ini sama dengan Reynolds *et al.* (2000), Davydenko (2010), Sufian dan Habibullah (2010) dan Sufian (2011).

Pembolehubah pertumbuhan ekonomi (EKONOMI) tidak berpengaruh terhadap ROA dan ROE. Hasil kajian ini tidak berubah apabila tempoh kajian dibahagikan kepada dua iaitu semasa krisis dan di luar tempoh krisis. Hasil kajian ini sama seperti yang dinyatakan oleh Alexiou dan Sofoklis (2009) dalam sorotan karya mereka bahawa hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan prestasi bank adalah tidak jelas (*ambiguous*). Hasil kajian ini disokong oleh Bashir (2003), Kosmidou *et al.* (2007), Valverde dan Fernandez (2007), Kunt *et al.* (2008), Garza-Garcia (2008), Smaoui dan Salah (2008), Naceur dan Goaid (2008), Alexiou dan Sofoklis (2009), Garcia-Herrero *et al.* (2009), Ramadan (2011) dan Riewsthirathorn *et al.* (2011) yang mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi tidak mempengaruhi keuntungan bank.

Nisbah jumlah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI) mempunyai pengaruh positif pada tahap satu dan lima peratus masing-masing terhadap ROA dan ROE sebagai pembolehubah bersandar seperti terdapat pada jadual 5.7. Apabila data kajian dipisahkan kepada dua tempoh, EKUITI masih signifikan di luar tempoh krisis pada tahap satu dan lima peratus masing-masing terhadap ROA dan ROE seperti ditunjukkan pada jadual 5.8. Walau bagaimanapun semasa tempoh krisis kewangan, ekuiti hanya signifikan pada tahap satu peratus untuk ROA sedangkan EKUITI tidak signifikan terhadap ROE.

Ini menunjukkan bahawa bank yang mempunyai nisbah ekuiti yang lebih besar lebih bersedia untuk menghadapi perubahan dalam keadaan ekonomi. Modal bank yang besar dapat mengurangkan kos kebangkrutan dan membolehkan bank untuk membuat pinjaman pada kos yang lebih rendah. Di samping itu modal bank yang besar membolehkan bank mengambil peluang semasa ekonomi berada dalam keadaan yang baik di mana, sebagai contoh, bank boleh meningkatkan jumlah pinjaman dan ini akan meningkatkan keuntungan kerana dalam keadaan ekonomi yang baik berkemungkinan besar pelanggan mampu membayar hutang mereka. Kajian ini selaras dengan hasil kajian Demircuc-Kunt dan Huizinga (2000), Pasiaras dan Kosmidou (2007), Iannotta *et al.* (2007), Athanasoglou *et al.* (2008), Sufian (2010), Davydenko (2010), Sastrosuwito dan Suzuki (2012), Ramadan (2011) dan Sufian dan Habibullah (2012).

Nisbah pinjaman kepada jumlah aset (PINJAMAN) tidak mempengaruhi ROA dan ROE apabila kesemua data tahunan bank digunakan (sila rujuk jadual 5.7). Apabila data tersebut dipisahkan kepada tempoh krisis dan bukan krisis, hasil kajian adalah sama kecuali untuk ROA pada masa krisis kewangan. PINJAMAN memberi kesan yang negatif dan signifikan pada tahap satu peratus terhadap ROA semasa tempoh tersebut. Semasa krisis kewangan, kemampuan peminjam untuk membayar balik pinjaman adalah terhad. Oleh itu mereka mungkin tidak mampu untuk membayar hutang mereka. Ini akan meningkatkan hutang lapuk bank yang seterusnya akan menjejaskan keuntungan bank tersebut. Di luar tempoh krisis, bank mungkin

menghadapi persaingan yang lebih sengit untuk memberi pinjaman kepada pelanggan. Oleh itu bank mungkin akan mengurangkan kadar faedah atau melonggarkan syarat kredit dan seterusnya tindakan ini akan menyebabkan pinjaman tidak mempengaruhi keuntungan bank. Hasil kajian ini sama dengan Demirguc-Kunt dan Huizinga (2000), Kosmidou *et al.* (2007), Smaoui dan Salah (2008), Garcia-Herrero *et al.* (2009) dan Javaid *et al.* (2011).

Nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) mempunyai kesan negatif yang signifikan pada tahap satu peratus terhadap ROA (sila rujuk jadual 5.7). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kos operasi memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi bank atau ROA. Bank yang tidak dapat mengawal kos operasi akan mempunyai kadar keuntungan yang lebih rendah. Keputusan yang sama diperolehi apabila tempoh kajian dibahagikan kepada semasa krisis kewangan dan di luar tempoh krisis kewangan bahkan semasa krisis kewangan pengawalan kos operasi adalah sangat penting.

Berdasarkan jadual 5.8, koefisien untuk KOS terhadap ROA ialah -0.175 semasa krisis kewangan dan di luar krisis kesannya ialah -0.028. Ini menunjukkan kos operasi memberi kesan yang lebih tinggi terhadap ROA semasa krisis kewangan. Hasil kajian ini yang mendapati KOS berpengaruh negatif terhadap ROA adalah sama dengan hasil kajian Beck *et al.* (2005), Althanasoglou *et al.* (2008), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Davydenko (2010) dan Mirzaei *et al.* (2011).

Sementara itu kesan KOS terhadap ROE adalah positif dan signifikan pada tahap satu peratus apabila kesemua data tahunan bank digunakan, seperti terdapat pada jadual 5.7. Ini menunjukkan seolah-olah kos operasi yang tinggi mempunyai kesan positif terhadap ROE yang bertentangan dengan jangkaan kajian ini. Walau bagaimanapun apabila data tahunan dipisahkan kepada dua tempoh tersebut, KOS tidak lagi mempengaruhi ROE. Kesan positif apabila keseluruhan data digunakan mungkin disebabkan terdapatnya data yang ekstrim atau “*outlier*”.

Nisbah deposit kepada pinjaman (DEPOSIT) mempunyai kesan positif dan signifikan pada tahap satu peratus terhadap ROE (sila rujuk jadual 5.7). Ini menunjukkan bahawa semakin besar DEPOSIT semakin tinggi ROE. Ini bertentangan dengan jangkaan kajian kerana kadar faedah yang diperolehi daripada pinjaman adalah lebih besar daripada kadar faedah yang perlu dibayar untuk deposit. Untuk melihat samada faktor krisis mempengaruhi keputusan ini, data tahunan tersebut dibahagikan kepada dua tempoh. Jadual 5.8 menunjukkan bahawa untuk kedua-dua tempoh, DEPOSIT tidak lagi berperanan di dalam mempengaruhi ROE. DEPOSIT tidak mempengaruhi ROA untuk ketiga-tiga tempoh iaitu untuk keseluruhan tempoh data, semasa krisis dan di luar masa krisis.

Jumlah aset (ASET) berpengaruh positif dan signifikan pada tahap satu peratus terhadap ROA dan pada tahap lima peratus terhadap ROE (sila rujuk jadual 5.7). Ini

menunjukkan bahawa bank yang lebih besar mempunyai prestasi yang lebih baik. Bank bersaiz besar mempunyai kos yang rendah kerana terdapat skala ekonomi. Di samping itu, bank bersaiz besar boleh mempelbagaikan sumber pendapatan dengan mengambil kesempatan ke atas berbagai jenis peluang pelaburan. Sebagai contoh bank bersaiz besar boleh mengambil sesuatu projek yang lebih berisiko atau memberi pinjaman yang lebih besar kepada sesebuah syarikat. Apabila dilihat kepada dua tempoh yang berasingan iaitu semasa krisis dan di luar masa krisis, di dapati bahawa kesan positif terhadap ROA dan ROE hanya berlaku di luar masa krisis (sila rujuk jadual 5.8).

Semasa waktu krisis, kesan aset terhadap ROA adalah negatif dan signifikan pada tahap lima peratus sementara kesan aset terhadap ROE adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa bank bersaiz besar memperolehi keuntungan yang lebih tinggi semasa ekonomi berada dalam keadaan baik. Ini mungkin disebabkan bank bersaiz besar memberi pinjaman yang lebih tinggi risikonya yang mana semasa ekonomi baik pelanggan mampu untuk membuat pembayaran balik sementara semasa ekonomi mengalami krisis, pelanggan mungkin menghadapi masalah pembayaran. Hasil kajian yang menunjukkan bahawa saiz mempunyai pengaruh positif terhadap keuntungan menyamai hasil kajian Mamatzakis dan Remoundos (2003), Bashir (2003), Hassan dan Bashir (2005), Kosak dan Cok (2008), Alexiou dan Sofoklis (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Flamini *et al.* (2009), Naceur dan Goaid (2008), Barry *et al.* (2011), Mirzaei *et al.* (2011) dan Riewsthirathorn *et al.* (2011).

5.3.3 Kesan Rawak (*Random Effect*)

Analisis data juga dilakukan dengan menggunakan kaedah kesan rawak. Hasil analisis boleh dilihat pada jadual 5.9. Hasil kajian menunjukkan bahawa ROA dipengaruhi oleh pembolehubah *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan nisbah deposit kepada pinjaman (DEPOSIT) pada tahap satu peratus manakala pembolehubah pertumbuhan ekonomi (EKONOMI) berpengaruh positif dan signifikan pada tahap sepuluh peratus.

Hasil analisis ini memberikan keputusan yang sama dengan analisis GLS untuk pembolehubah DBPD, EKUITI, dan KOS manakala untuk pembolehubah EKONOMI dan DEPOSIT, analisis GLS tidak memberi kesan. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pertumbuhan ekonomi maka semakin tinggi keuntungan bank kerana kegiatan ekonomi menggunakan bank sebagai tempat pinjaman dana. Semasa ekonomi baik, syarikat-syarikat akan membayar pinjaman mereka.

Hasil kajian ini sama dengan Demircuc-Kunt dan Huizinga (2000), Bashir (2003), Fernandez *et al.* (2005), Boubakri *et al.* (2005), Wong *et al.* (2007), Iannotta *et al.* (2007), Althanasoglou *et al.* (2008), Flamini *et al.* (2009), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009), Davydenko (2010), Ali *et al.* (2011), Gul *et al.* (2011), Mirzaei *et al.* (2011), Said dan Tumin (2011), Trujillo-Ponce (2011) dan Sufian dan Habibullah (2012).

Jadual 5.9

Hasil Regresi ROA dan ROE Menggunakan Kesan Rawak

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	-0.1089 (0.0938)*	0.3387 (0.6816)
DKERAJAAN	0.0233 (0.1004)	0.3202 (0.0639)*
DBPD	0.0256 (0.0001)***	0.1121 (0.1420)
DDEVISA	0.0052 (0.4095)	0.0001 (0.9986)
DEKUITI	-0.0112 (0.1134)	-0.1411 (0.1047)
DKRISIS	0.0018 (0.7703)	-0.0824 (0.2762)
EKONOMI	0.0010 (0.0540)*	-0.0067 (0.2818)
EKUITI	0.4544 (0.0000)***	0.6953 (0.0639)*
PINJAMAN	-0.0006 (0.8853)	0.0071 (0.8797)
KOS	-0.2381 (0.0000)***	0.8070 (0.0077)***
DEPOSIT	0.0020 (0.0096)***	-0.0004 (0.9670)
ASET	0.0026 (0.2407)	-0.0110 (0.6960)
<i>R-squared</i>	0.6310	0.0302
<i>Adjusted R-squared</i>	0.6264	0.0177
Durbin-Watson	1.8958	2.0851
Jumlah data	888	869

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * signifikan pada tahap 1%, 5% dan 10% masing-masing.

Hasil analisis dengan menggunakan kaedah kesan rawak menunjukkan bahawa ROE dipengaruhi oleh pembolehubah *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN) dan nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI) pada tahap sepuluh peratus, dan nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) pada tahap satu peratus. Hasil ini berbeza dengan hasil analisis menggunakan kaedah GLS di mana DKERAJAAN tidak mempengaruhi ROE.

Keuntungan bank milik kerajaan yang lebih baik adalah kerana dua faktor. Pertama, kerajaan memberi jaminan akan menolong bank miliknya sekiranya berlaku sesuatu masalah seperti masalah hutang lapuk. Kedua, bank kerajaan berfungsi sebagai tempat penyimpanan dana kerajaan (anggaran pendapatan dan belanja negara atau APBN), di mana dana tersebut dapat digunakan oleh bank kerajaan untuk mengurangkan risiko dan meningkatkan jumlah pinjaman. Hasil kajian ini sama dengan hasil kajian Wu dan Cui (2002) yang menyatakan bahawa pemilikan kerajaan mempunyai pengaruh positif terhadap keuntungan perakaunan.

5.3.4 Analisis “Robust”

Untuk memastikan bahawa keputusan regresi sebelum ini tidak dipengaruhi oleh data yang ekstrim atau “*outlier*”, analisis tambahan dilakukan dengan mengubah data-data yang ekstrim. Terdapat dua cara untuk mengubah data. Pertama, data-data yang

ekstrim dikenalpasti sebagai data tertinggi dan terendah dan diubah nilai kepada nilai data yang tidak berubah yang terhampir. Data tertinggi dan terendah dikenalpasti dengan menggunakan pendekatan 0.5 peratus daripada kesemua data (Fama & French, 1992; Stephens & Weisbach, 1998). Kaedah ini dikenali sebagai kaedah pemotongan 0.5 peratus (*0.5 percent truncated approach*).

Kedua, dengan mengubah nilai data-data ekstrim di mana data-data ekstrim akan dikenalpasti dengan melihat kepada data-data yang mempunyai nilai melebihi tiga sisihan piawai daripada purata. Data-data yang diubah pula akan mengambil nilai data yang tidak berubah yang terhampir dengannya. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah pemotongan tiga sisihan piawai (*three standard deviations truncated approach*) [Sila rujuk Hair (1998) dan Wooldridge (2008)]. Seksyen 5.3.4.1 akan membincangkan kaedah pemotongan 0.5 peratus manakala seksyen 5.3.4.2 akan membincangkan kaedah pemotongan tiga sisihan piawai.

5.3.4.1 Kaedah Pemotongan 0.5 Peratus

Jadual 5.10 menunjukkan hasil analisis data menggunakan kaedah pemotongan 0.5 peratus. Kaedah pemotongan ini dilakukan dengan cara mengganti lima data paling tinggi dan lima data paling rendah dengan nilai data tidak berubah yang terhampir. Jumlah data untuk ROE ialah 888 dan bukannya 869 seperti pada analisis sebelumnya

kerana untuk 19 data yang mempunyai kedua-dua pendapatan bersih dan jumlah ekuiti yang negatif akan mengambil nilai ROE yang terendah.

Nilai Durbin-Watson untuk ROA ialah 2.0695. Oleh kerana ia berada di dalam julat nilai kritikal di antara 1.9135 dan 2.0865, analisis ini tidak menghadapi masalah autokorelasi. Nilai Durbin-Watson untuk ROE ialah 2.1010. Oleh kerana ia berada di dalam zon ketidakpastian iaitu di antara 2.0865 dan 2.1389 maka tidak dapat dipastikan samada autokorelasi wujud ataupun tidak bagi ROE.

Jadual 5.10 menunjukkan bahawa ROA dipengaruhi oleh *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), *dummy* krisis kewangan (DKRISIS), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan jumlah aset (ASET). Keputusan ini adalah sama seperti keputusan pada jadual 5.7 apabila analisis dilakukan tanpa melakukan apa-apa pengolahan data. Oleh itu keputusan pada jadual 5.7 tidak dipengaruhi oleh data yang ekstrim. *Dummy* untuk bank pembangunan daerah masih signifikan pada tahap satu peratus. Ini menunjukkan bahawa pengolahan data tidak mempengaruhi kesignifikanan DBPD.

ROE pula dipengaruhi oleh *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD), *dummy* jumlah ekuiti (DEKUITI), pertumbuhan ekonomi (EKONOMI), nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan nisbah

Jadual 5.10

Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan 0.5 Peratus

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	-0.0961 (0.0091)***	-0.6342 (0.1182)
DKERAJAAN	0.0039 (0.7048)	0.0106 (0.9133)
DBPD	0.0204 (0.0000)***	0.1855 (0.0000)***
DDEVISA	0.0037 (0.3893)	-0.0119 (0.7747)
DEKUITI	-0.0026 (0.3517)	-0.0767 (0.0403)**
DKRISIS	-0.0089 (0.0778)*	-0.0572 (0.1567)
EKONOMI	7.10E-05 (0.8591)	0.0155 (0.0008)***
EKUITI	0.3157 (0.0000)***	1.6276 (0.0000)***
PINJAMAN	-0.0009 (0.8454)	0.0205 (0.6952)
KOS	-0.1327 (0.0000)***	-0.4083 (0.0040)***
DEPOSIT	0.0003 (0.4025)	0.0086 (0.0661)*
ASET	0.0027 (0.0356)**	0.0165 (0.2355)
<i>R-squared</i>	0.4521	0.1915
<i>Adjusted R-squared</i>	0.4452	0.1814
Durbin-Watson	2.0695	2.1010
Jumlah data	888	888

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * signifikan pada tahap 1%, 5% dan 10% masing-masing.

deposit kepada jumlah pinjaman (DEPOSIT). Oleh itu terdapat perbezaan keputusan untuk ROE di antara jadual 5.10 dan jadual 5.7. Ini menunjukkan bahawa ROE dipengaruhi oleh data yang ekstrim. Apabila data-data ini diubah, berlaku perubahan di dalam hasil kajian. Perubahan pertama ialah terdapat dua pembolehubah yang signifikan di dalam jadual 5.10 berbanding jadual 5.7 iaitu DEKUITI dan EKONOMI. Koefisien untuk kedua-duanya adalah seperti yang dijangka di mana DEKUITI berpengaruh negatif terhadap ROE manakala EKONOMI mempunyai pengaruh positif.

Hasil ini menunjukkan bahawa prestasi bank-bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih daripada 100 bilion rupiah adalah lebih baik daripada bank yang mempunyai ekuiti kurang daripada 100 bilion. Ini menunjukkan bahawa bank-bank bermodal kecil mungkin menghadapi masalah apabila bersaing dengan bank-bank besar. Bank-bank bermodal kecil akan menghadapi kesulitan untuk menjalankan pelbagai operasi perniagaan atau mengambil risiko yang lebih tinggi seperti kegiatan derivatif. EKONOMI berpengaruh positif terhadap ROE kerana keadaan ekonomi yang baik akan meningkatkan keuntungan bank di mana dalam keadaan ekonomi yang baik pelanggan akan mampu untuk membayar kembali pinjaman mereka di samping mereka juga akan melangani perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) mempunyai pengaruh yang negatif dan signifikan pada tahap satu peratus

terhadap ROE. Hasil kajian ini sama dengan Beck *et al.* (2005), Mashharawi dan Al-Zu'bi (2009) dan Mirzaei *et al.* (2011). Keputusan ini berbeza dengan keputusan di jadual 5.7 di mana KOS berpengaruh positif terhadap ROE. Akhir sekali, ASET yang mempunyai kesan positif yang signifikan pada jadual 5.7 sudah menjadi tidak signifikan.

Apabila data dipisahkan kepada dua tempoh, keputusan kajian semasa krisis menunjukkan tambahan pembolehubah yang signifikan ialah DEPOSIT untuk ROA dan EKUITI untuk ROE sebagai pembolehubah bersandar berbanding dengan tanpa melakukan apa-apa pengolahan data seperti ditunjukkan pada jadual 5.11. Analisis data di luar tempoh krisis kewangan menunjukkan tambahan pembolehubah yang signifikan ialah EKONOMI untuk ROA dan ROE. Manakala pembolehubah EKUITI mempunyai pengaruh negatif terhadap ROE seperti ditunjukkan pada jadual 5.12. Ini menunjukkan analisis menggunakan kaedah pemotongan 0.5 peratus lebih baik berbanding tanpa melakukan apa-apa pengolahan data untuk tempoh semasa krisis dan bukan krisis.

5.3.4.2 Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai

Jadual 5.13 menunjukkan hasil analisis data dengan menggunakan kaedah pemotongan tiga sisihan piawai. Nilai Durbin-Watson ialah 2.0565 untuk ROA yang

Jadual 5.11

Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan 0.5 Peratus Semasa Krisis Kewangan

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	0.4969 (0.0000)***	0.1016 (0.9591)
DKERAJAAN	0.090868 (0.0048)***	1.4083 (0.0018)***
DBPD	0.0379 (0.0063)***	-0.2253 (0.2375)
DDEVISA	0.0102 (0.4669)	0.0886 (0.6499)
DEKUITI	-0.0542 (0.0000)***	0.1931 (0.3819)
EKONOMI	0.0005 (0.2587)	-0.0117 (0.2258)
EKUITI	0.2529 (0.0000)***	-1.5545 (0.0014)***
PINJAMAN	-0.0358 (0.0466)**	-0.4556 (0.1970)
KOS	-0.1331 (0.0000)***	0.3282 (0.4677)
DEPOSIT	0.0023 (0.0283)**	-0.0224 (0.2952)
ASET	-0.0175 (0.0001)***	0.0129 (0.8522)
<i>R-squared</i>	0.6624	0.2573
<i>Adjusted R-squared</i>	0.6464	0.2221
Durbin-Watson	1.8676	2.0754
Jumlah data	222	222

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10% masing-masing.

Jadual 5.12

Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan 0.5 Peratus di Luar Tempoh Krisis Kewangan

Pembolehkan	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	-0.0225 (0.1197)	-0.1392 (0.3217)
DKERAJAAN	0.0010 (0.8736)	0.0207 (0.6455)
DBPD	0.0093 (0.0027)***	0.0983 (0.0000)***
DDEVISA	-0.0005 (0.8540)	-0.0142 (0.4580)
DEKUITI	0.0006 (0.5983)	-0.0108 (0.3586)
EKONOMI	-0.0003 (0.0913)*	-0.0033 (0.0465)**
EKUITI	0.0751 (0.0000)***	-0.1256 (0.0805)*
PINJAMAN	5.16E-05 (0.9055)	0.0001 (0.9761)
KOS	-0.0144 (0.0519)*	-0.0300 (0.6577)
DEPOSIT	7.53E-05 (0.5750)	0.0013 (0.3476)
ASET	0.0009 (0.0570)*	0.0104 (0.0295)**
<i>R-squared</i>	0.1944	0.1395
<i>Adjusted R-squared</i>	0.1821	0.1264
Durbin-Watson	1.4173	1.6849
Jumlah data	666	666

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10% masing-masing.

menunjukkan tidak terdapat masalah autokorelasi. Untuk ROE, nilai Durbin-Watson ialah 2.1442 yang menunjukkan terdapat kewujudan autokorelasi.

Keputusan kajian dengan menggunakan kaedah pemotongan tiga sisihan piawai tidak berbeza berbanding dengan keputusan kajian menggunakan kaedah GLS tanpa pengolahan data kecuali untuk DKRISIS. Oleh itu, secara keseluruhan kedua-dua cara pengolahan data ekstrim memberi keputusan yang hampir sama seperti data asal. Ini menunjukkan untuk ROA, data yang ekstrim tidak mempengaruhi keputusan kajian.

Keputusan kajian dengan menggunakan kaedah pemotongan tiga sisihan piawai untuk ROE tidak berbeza berbanding dengan keputusan kajian menggunakan kaedah pemotongan 0.5 peratus kecuali untuk DEPOSIT. Ini menunjukkan cara mengenalpasti data yang ekstrim tidak memberi kesan kepada keputusan kajian. Oleh itu, kedua-dua keputusan ROA dan ROE menunjukkan samada pemilihan kaedah pemotongan 0.5 peratus atau kaedah pemotongan tiga sisihan piawai tidak akan memberi kesan kepada analisis tambahan.

Apabila data dipisahkan kepada dua tempoh, analisis semasa krisis menunjukkan apabila ROA digunakan sebagai pembolehubah bersandar, keputusan kajian yang

Jadual 5.13

Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	-0.0719 (0.0024)***	-0.2970 (0.3219)
DKERAJAAN	0.0044 (0.5705)	0.0185 (0.7941)
DBPD	0.0173 (0.0000)***	0.1571 (0.0000)***
DDEVISA	0.0023 (0.4764)	-0.0030 (0.9211)
DEKUITI	0.0010 (0.5339)	-0.0639 (0.0197)**
DKRISIS	-0.0050 (0.1398)	-0.0300 (0.3218)
EKONOMI	4.65E-06 (0.9897)	0.0074 (0.0402)**
EKUITI	0.2435 (0.0000)***	1.0664 (0.0000)***
PINJAMAN	-0.0047 (0.2143)	-0.0016 (0.9647)
KOS	-0.1117 (0.0000)***	-0.5994 (0.0002)***
DEPOSIT	-6.27E-05 (0.8896)	0.0070 (0.1727)
ASET	0.0022 (0.0102)***	0.0094 (0.3590)
<i>R-squared</i>	0.3605	0.1501
<i>Adjusted R-squared</i>	0.3525	0.1394
Durbin-Watson	2.0565	2.1422
Jumlah data	888	888

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * signifikan pada tahap 1%, 5% dan 10%.

diperolehi (seperti ditunjukkan pada jadual 5.14) adalah hampir sama seperti keputusan kajian tanpa melakukan apa-apa pengolahan data (seperti ditunjukkan pada jadual 5.8). Sedangkan apabila ROE digunakan sebagai pembolehubah bersandar terdapat tambahan pembolehubah yang signifikan iaitu EKUITI dan KOS (seperti ditunjukkan pada jadual 5.14).

Analisis data di luar tempoh krisis kewangan seperti ditunjukkan pada jadual 5.15 pula menunjukkan terdapat penambahan pembolehubah yang signifikan untuk ROA iaitu PINJAMAN sedangkan untuk ROE, pembolehubah KOS dan DEPOSIT menjadi signifikan. Ini menunjukkan analisis data dengan menggunakan tiga sisihan piawai adalah lebih baik berbanding dengan analisis tanpa melakukan apa-apa pengolahan data.

Jadual 5.14

Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai Semasa Krisis Kewangan

Pembolehkan	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	0.3568 (0.0508)**	0.0624 (0.9779)
DKERAJAAN	0.0907 (0.0260)**	0.9613 (0.0368)**
DBPD	0.0373 (0.0304)**	-0.1981 (0.3140)
DDEVISA	0.0081 (0.6386)	0.1552 (0.4384)
DEKUITI	-0.0584 (0.0019)***	0.2706 (0.2371)
EKONOMI	0.0008 (0.2637)	-0.0044 (0.5996)
EKUITI	0.4762 (0.0000)***	-2.9712 (0.0000)***
PINJAMAN	-0.0586 (0.0666)*	-0.3613 (0.3676)
KOS	-0.1511 (0.0002)***	1.5283 (0.0018)***
DEPOSIT	0.0027 (0.2630)	-0.0342 (0.2880)
ASET	-0.0129 (0.0432)**	0.0113 (0.8849)
<i>R-squared</i>	0.6405	0.4146
<i>Adjusted R-squared</i>	0.6235	0.3869
Durbin-Watson	1.9744	1.9766
Jumlah data	222	222

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10% masing-masing.

Jadual 5.15

Hasil Regresi GLS Menggunakan Kaedah Pemotongan Tiga Sisihan Piawai di Luar Tempoh Krisis Kewangan

Pembolehubah	Pulangan atas aset (ROA)	Pulangan atas ekuiti (ROE)
Konstan	-0.0658 (0.0002)***	-0.4440 (0.0132)***
DKERAJAAN	0.0008 (0.8665)	0.0384 (0.3836)
DBPD	0.0108 (0.0000)***	0.1241 (0.0000)***
DDEVISA	2.99E-05 (0.9890)	0.0166 (0.3946)
DEKUITI	8.43E-05 (0.9534)	0.0067 (0.6900)
EKONOMI	-0.0002 (0.4311)	-0.0006 (0.8456)
EKUITI	0.1311 (0.0000)***	0.2154 (0.0351)**
PINJAMAN	0.0050 (0.0141)**	0.0384 (0.1757)
KOS	-0.0662 (0.0000)***	-0.3193 (0.0486)**
DEPOSIT	0.0002 (0.5970)	0.0067 (0.0922)*
ASET	0.0023 (0.0002)***	0.0178 (0.0033)***
<i>R-squared</i>	0.2805	0.1084
<i>Adjusted R-squared</i>	0.2695	0.0948
Durbin-Watson	2.0077	2.0553
Jumlah data	666	666

ROA adalah keuntungan bersih kepada jumlah aset; ROE adalah keuntungan bersih kepada jumlah ekuiti; DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10% masing-masing.

5.4 Perbezaan Kecekapan Kos Pemilikan Bank di Indonesia

Jadual 5.16 menunjukkan hasil purata kecekapan kos bagi sampel kajian dari tahun 1995 hingga 2006 ialah 69.22%. Purata hasil kajian ini lebih rendah berbanding dengan Rozak (2012) iaitu sebanyak 94.05% dan Wardana dan Djumahir (2013) iaitu sebanyak 98.69%. Nilai minimum, maksimum dan sisihan piawai bagi keseluruhan sampel adalah 1%, 100% dan 23.42% masing-masing.

Jadual 5.16
Data Deskriptif Pembolehubah Kecekapan Kos

Pembolehubah	N	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan piawai
Kecekapan Kos	888	0.0100	1.0000	0.6922	0.2342

Jadual 5.17 membahagikan bank kepada tiga bentuk pemilikan dan memberikan gambaran ringkas tentang kecekapan kos untuk ketiga-tiga bentuk bank tersebut. Purata kecekapan kos untuk bank swasta adalah 67.64%. Ini menunjukkan bahawa bank swasta tidak mencapai kecekapan kos yang tinggi. Nilai kecekapan tertinggi adalah pada tahun 2003 iaitu sebanyak 73.41%. Sementara itu, nilai kecekapan kos terendah adalah pada tahun 1999 iaitu sebanyak 57.98%. Ini mungkin disebabkan oleh krisis kewangan yang menyebabkan kecekapan bank terjejas.

Purata kecekapan kos untuk bank pembangunan daerah adalah sebanyak 71.46%. Sama seperti dengan bank swasta, bank pembangunan daerah juga tidak mempunyai

Jadual 5.17

Perbandingan Purata dan Sisihan Piawai untuk Kecekapan Kos Pemilikan Bank

Tahun	Bank swasta (n=672)	Bank pembangunan daerah (BPD) (n=180)	Bank kerajaan pusat (n=36)	Signifikan
1995	0.7454 (0.1507)	0.7255 (0.2301)	0.9217 (0.0817)	-
1996	0.6852 (0.2081)	0.7721 (0.1962)	0.8150 (0.1759)	-
1997	0.7087 (0.1946)	0.5925 (0.2011)	0.9742 (0.0450)	-
1998	0.6173 (0.2797)	0.6982 (0.1425)	0.9617 (0.0664)	-
1999	0.5798 (0.2791)	0.6369 (0.2679)	0.9663 (0.0583)	-
2000	0.6611 (0.2376)	0.6429 (0.2983)	0.9843 (0.0271)	-
2001	0.6483 (0.2653)	0.7373 (0.2913)	0.8963 (0.1796)	-
2002	0.6721 (0.2282)	0.6953 (0.1603)	0.8913 (0.1882)	-
2003	0.7341 (0.1891)	0.7765 (0.1846)	0.8927 (0.1518)	-
2004	0.7174 (0.2172)	0.7731 (0.1602)	0.9983 (0.0029)	-
2005	0.7051 (0.2018)	0.8518 (0.1381)	0.6077 (0.3669)	-
2006	0.6424 (0.2750)	0.6726 (0.2750)	0.9167 (0.0951)	-
Purata	0.6764 (0.0493)	0.7146 (0.0729)	0.9022 (0.1062)	a, b, c

a menunjukkan perbezaan pembolehubah antara bank swasta dengan BPD tidak signifikan.

b menunjukkan perbezaan pembolehubah antara bank swasta dengan bank kerajaan pusat signifikan 1%.

c menunjukkan perbezaan pembolehubah antara BPD dengan bank kerajaan pusat signifikan 1%.

kecekapan kos yang tinggi. Nilai kecekapan tertinggi adalah pada tahun 2003 iaitu sebanyak 85.18% manakala nilai kecekapan kos terendah adalah pada tahun 1997 iaitu sebanyak 59.25%. Ini menunjukkan bahawa krisis kewangan pada tahun 1997 turut menjejaskan kecekapan bank pembangunan daerah. Walau bagaimana pun tidak terdapat perbezaan kecekapan kos di antara bank swasta dan bank pembangunan daerah.

Purata kecekapan kos untuk bank kerajaan adalah 90.22%. Nilai kecekapan ini lebih tinggi berbanding bank swasta dan bank pembangunan daerah. Nilai kecekapan tertinggi adalah pada tahun 2000 iaitu sebanyak 98.43%, manakala nilai kecekapan kos terendah ialah pada tahun 2005 iaitu sebanyak 60.77%. Perbezaan kecekapan kos di antara bank kerajaan dengan bank swasta atau bank pembangunan daerah adalah signifikan pada tahap satu peratus. Ini menunjukkan bahawa bank kerajaan mempunyai nilai kecekapan kos yang lebih tinggi berbanding dengan bank swasta dan bank pembangunan daerah. Ini mungkin kerana bank kerajaan memperoleh deposit yang besar dari kerajaan pusat serta mempunyai jumlah aset yang tinggi. Bank kerajaan biasanya mempunyai saiz yang besar, oleh itu ia mampu mencapai skala ekonomi yang membolehkannya mencapai hasil operasi yang lebih cekap.

5.5 Hasil Analisis Tobit

Hasil analisis menggunakan kaedah tobit Model 1 dan Model 2 ditunjukkan pada Jadual 5.18. Hasil kajian mendapati bahawa kecekapan kos dengan menggunakan analisis penganggaran model tobit dipengaruhi secara signifikan pada tahap satu peratus oleh pembolehubah *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN). Lain-lain pembolehubah adalah tidak signifikan.

Kecekapan kos bank milik kerajaan lebih baik berbanding bank swasta adalah mungkin disebabkan oleh dua perkara. Pertama, kerajaan memberi jaminan akan menolong bank miliknya dari kebangkrapan sekiranya berlaku sesuatu masalah seperti masalah hutang lapuk. Kedua, bank kerajaan berfungsi sebagai tempat penyimpanan dana kerajaan (anggaran pendapatan dan belanja negara atau APBN) dan ini dapat meningkatkan jumlah deposit bank kerajaan. Dengan jumlah deposit yang tinggi bank kerajaan berupaya untuk memberikan pinjaman yang lebih besar berbanding dengan bank swasta. Hasil kajian ini sama dengan Pasiouras *et al.* (2007), Dong (2009), Andries dan Cocris (2010) dan Mohanty *et al.* (2013).

Model 2 menunjukkan hasil kajian apabila pembolehubah yang tidak signifikan digugurkan satu persatu bermula dengan pembolehubah yang paling tidak signifikan. Akhirnya hanya terdapat tiga pembolehubah yang signifikan iaitu DKERAJAAN,

Jadual 5.18
Model 1: Hasil Regresi Tobit

Pembolehubah	Tobit: Model 1	Tobit: Model 2
Konstan	0.5703 (0.028)**	0.7012(0.000)***
DKERAJAAN	0.2731 (0.0000)***	0.3113 (0.0000)***
DBPD	0.0351 (0.171)	0.0474 (0.026)**
DDEVISA	-0.0192 (0.433)	-
DEKUITI	-0.0258 (0.362)	-0.0309 (0.078)*
DKRISIS	-0.0011 (0.966)	-
EKONOMI	-0.0001 (0.958)	-
EKUITI	-0.0545 (0.536)	-
PINJAMAN	0.0065 (0.680)	-
KOS	-0.0043 (0.959)	-
DEPOSIT	-0.0014 (0.633)	-
ASET	0.0052 (0.557)	-
Prob > chi2	0.0000	0.0000
Pseudo R2	0.2239	0.2151
Log likelihood	-101.35844	-102.5185
Jumlah data	888	888

DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10% (nilai p berada dalam kurungan)

DBPD DAN DEKUITI. Koefisien yang positif untuk DKERAJAAN dan DBPD menunjukkan bahawa kedua-dua bentuk bank ini adalah lebih cekap berbanding bank swasta. Sementara itu, bank bermodal kurang dari 100 bilion rupiah mempunyai kecekapan kos yang lebih rendah.

Kecekapan kos bank pembangunan daerah lebih baik berbanding bank swasta mungkin disebabkan oleh jumlah deposit yang diterima bank pembangunan daerah daripada kerajaan tempatan adalah tinggi. Tambahan pula, bank pembangunan daerah tidak perlu membayar faedah kepada kerajaan tempatan dan ini dapat mengurangkan kos operasi bank pembangunan daerah. Selain itu, kakitangan bank pembangunan daerah menerima gaji yang lebih kecil berbanding bank swasta. Ini dapat mengurangkan kos operasi bank pembangunan daerah dan meningkatkan kecekapan kos bank pembangunan daerah. Pemberian pinjaman pula hanya diberikan kepada kakitangan kerajaan tempatan yang mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman.

Bank-bank yang mempunyai jumlah ekuiti melebihi dari 100 bilion rupiah adalah lebih cekap daripada bank yang memiliki jumlah ekuiti kurang dari 100 bilion rupiah. Ini mungkin disebabkan oleh bank-bank bersaiz besar boleh meneruskan operasi mereka tanpa mendapatkan deposit yang tinggi yang seterusnya dapat mengurangkan belanja faedah yang perlu dibayar kepada pelanggan. Keadaan ini menyebabkan keuntungan operasi mereka meningkat dan seterusnya akan meningkatkan kecekapan

Jadual 5.19

Model 1: Hasil Regresi Tobit: Kesan Rawak Tobit

Pembolehubah	Tobit: Model 1 Kesan Rawak Tobit	Tobit: Model 2 Kesan Rawak Tobit
Konstan	0.56048 (0.038)**	0.7005(0.000)***
DKERAJAAN	0.2716 (0.000)***	0.3113(0.000)***
DBPD	0.0343 (0.217)	0.0475(0.037)**
DDEVISA	-0.0197 (0.456)	-
DEKUITI	-0.0238 (0.407)	-0.0299(0.099)*
DKRISIS	0.0018 (0.943)	-
EKONOMI	-0.0002 (0.934)	-
EKUITI	-0.0665 (0.460)	-
PINJAMAN	0.0065 (0.685)	-
KOS	-0.0127 (0.883)	-
DEPOSIT	-0.0018 (0.552)	-
ASET	0.0057 (0.540)	-
Prob > chi2	0.0000	0.0000
Log likelihood	-100.74771	-102.0427
Jumlah data	888	888

DKERAJAAN mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh pihak kerajaan dan kosong untuk bank selainnya; DBPD mempunyai nilai satu untuk bank yang dimiliki oleh bank pembangunan daerah dan kosong untuk bank selainnya; DDEVISA mempunyai nilai satu untuk bank devisa dan bank bukan devisa adalah kosong; DEKUITI mempunyai nilai satu untuk bank yang mempunyai jumlah ekuiti lebih kecil dari 100 bilion dan kosong untuk bank selainnya; DKRISIS nilai satu untuk tahun 1997, 1998 dan 1999 sementara untuk tahun lain nilainya ialah kosong. EKONOMI adalah kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); EKUITI adalah nisbah ekuiti kepada jumlah aset; PINJAMAN adalah pinjaman kepada jumlah aset; KOS adalah belanja operasi kepada jumlah aset; DEPOSIT adalah deposit kepada jumlah pinjaman dan ASET adalah jumlah aset. Angka di dalam kurungan ialah nilai-p. ***, ** dan * menunjukkan tahap signifikan 1%, 5% dan 10% (nilai p berada dalam kurungan)

kos. Jumlah ekuiti yang tinggi juga dapat mengelakkan bank daripada membuat pinjaman antara bank dengan kos yang tinggi, sekaligus ia dapat meningkatkan kecekapan kos bank.

Kajian ini menggunakan data panel. Oleh itu, model tobit seperti di atas mungkin tidak tepat kerana ia tidak mengambilkira siri masa (*time series*). Dengan itu, kajian ini menganggarkan semula model di atas dengan menggunakan kaedah kesan rawak tobit (*tobit random effects*). Hasil kajian dengan menggunakan kaedah kesan rawak tobit, sepertimana diringkaskan pada jadual 5.19, adalah sama seperti model tobit pada jadual 5.18. Oleh itu, hasil kajian di atas adalah '*robust*' di mana akhirnya hanya tiga pembolehubah sahaja yang signifikan.

5.6 Rumusan Hasil Kajian

Hasil kajian ini mendapati bahawa prestasi bank (berdasarkan ROA) di Indonesia dipengaruhi oleh bank pembangunan daerah, krisis kewangan, ekuiti kepada jumlah aset, belanja operasi kepada jumlah aset dan jumlah aset. Sementara untuk ROE, hasil kajian mendapati bahawa ia dipengaruhi oleh *dummy* bank pembangunan daerah, ekuiti kepada jumlah aset, belanja operasi kepada jumlah aset, deposit kepada jumlah pinjaman dan jumlah aset.

Apabila tempoh kajian dibahagi kepada dua, hasil kajian dengan menggunakan ROA sebagai kayu ukur prestasi mendapati bahawa tiada perubahan di dalam pembolehubah yang signifikan di luar tempoh krisis manakala semasa krisis terdapat penambahan tiga pembolehubah yang signifikan iaitu bank milik kerajaan, bank yang mempunyai modal yang lebih kecil daripada 100 bilion rupiah dan pinjaman kepada jumlah aset. Sementara itu, hasil analisis dengan menggunakan ROE sebagai pengukur prestasi mendapati bahawa semasa krisis kewangan hanya bank milik kerajaan sahaja yang signifikan berbanding dengan lima pembolehubah yang signifikan apabila kedua-dua tempoh disatukan. Di luar tempoh krisis kewangan pula hanya tiga pembolehubah yang signifikan.

Untuk memastikan nilai ekstrim tidak mempengaruhi keputusan kajian, maka dua kaedah pengolahan data telah dilakukan iaitu kaedah pemotongan 0.5 peratus dan kaedah pemotongan tiga sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa untuk ROA kaedah pengolahan data tidak mengubah keputusan kajian tetapi apabila kaedah pemotongan tiga sisihan piawai digunakan, hasil menunjukkan krisis kewangan tidak mempengaruhi ROA. Manakala untuk ROE, kaedah pengolahan data mempengaruhi keputusan kajian di mana apabila kaedah pemotongan tiga sisihan piawai digunakan, dua pembolehubah menjadi signifikan, dua pembolehubah menjadi tidak signifikan dan "*sign*" untuk KOS berubah arah.

Untuk kaedah pemotongan 0.5 peratus, dua pembolehubah menjadi signifikan, satu pembolehubah menjadi tidak signifikan dan “*sign*” untuk KOS berubah arah ke arah yang dijangkakan. Ini menunjukkan bahawa untuk ROE pengolahan data memberi kesan yang lebih baik. Ini kerana jumlah ekuiti dipengaruhi oleh keuntungan. Semasa krisis, banyak bank yang mengalami kerugian. Oleh itu, nilai ekuiti akan berkurangan dan mungkin menjadi negatif. Sekiranya semasa kerugian nilai ekuiti menjadi negatif, maka pemerhatian tersebut tidak dapat digunakan kerana ia menunjukkan ROE yang positif. Tetapi dengan pengolahan data pemerhatian tersebut masih boleh digunakan dengan mengambil ROE yang terendah.

Dari segi kecekapan kos secara purata, bank kerajaan mempunyai kecekapan kos lebih tinggi berbanding BPD dan bank swasta. Hasil kajian menggunakan kaedah tobit menunjukkan bahawa bank kerajaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecekapan kos manakala lain-lain pembolehubah tidak mempengaruhi kecekapan kos. Apabila hanya tiga pembolehubah (bank kerajaan, bank pembangunan daerah dan jumlah ekuiti) digunakan di dalam analisis tersebut ketiga-tiga pembolehubah itu menunjukkan hubungan yang signifikan dengan kecekapan kos.

BAB 6

KESIMPULAN

6.0 Tinjauan Tesis

Indonesia mempunyai struktur bank yang unik di mana terdapat bank pembangunan daerah di samping bank kerajaan pusat dan bank swasta. Sistem bank pembangunan daerah hanya terdapat di Indonesia di mana setiap daerah mempunyai banknya sendiri dan bank ini hanya beroperasi di daerahnya sahaja. Sistem perbankan yang unik ini memberi peluang kepada penyelidik untuk melihat samada struktur pemilikan bank mempengaruhi prestasi bank iaitu keuntungan dan kecekapan kos.

Di samping itu disebabkan oleh krisis kewangan yang bermula pada tahun 1997 sehingga 1999, kerajaan Indonesia telah mengambil beberapa langkah untuk memperkukuhkan sistem perbankan. Antaranya ialah memperkenalkan polisi di mana bank mesti mempunyai jumlah minimum ekuiti sebanyak 100 bilion rupiah selewat-lewatnya pada akhir tahun 2010. Ini memberi peluang kepada penyelidik untuk melihat kepada kesesuaian polisi tersebut dengan melihat kepada jumlah ekuiti bank sebelum polisi tersebut diperkenalkan.

Indonesia juga unik di mana tidak semua bank boleh mengurusniaga di dalam matawang asing. Oleh kerana salah satu sumber pendapatan bank adalah dalam menyediakan perkhidmatan urusanniaga matawang asing maka kajian ini meneliti samada bank-bank yang dibenarkan untuk melakukan urusanniaga matawang ini mempunyai prestasi yang lebih baik daripada bank-bank lain.

Krisis kewangan diikuti oleh krisis politik terlalu buruk yang berlaku di antara tahun 1997 dan 1999 telah menggugat sistem perbankan dan seterusnya prestasi bank di Indonesia. Terdapat beberapa buah bank yang muflis kerana masalah kecairan dan kesannya sistem perbankan telah dirombak. Bank-bank telah di gabungkan untuk mengukuhkan sistem perbankan Indonesia. Kerajaan Indonesia juga menyuntik sejumlah dana untuk membantu bank-bank yang bermasalah. Keadaan ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menyiasat samada krisis tersebut memberi kesan kepada prestasi bank.

Krisis kewangan diikuti oleh krisis politik yang tidak menentu telah mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di Indonesia. Pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.2% dan 8% pada tahun 1995 dan 1996 tidak dapat dikekalkan selepas berlakunya krisis kewangan dan politik. Keadaan politik di Indonesia tidak stabil di mana selepas kejatuhan Soeharto pada tahun 1997, pemimpin Indonesia silih berganti sehinggalah perlantikan SBY pada tahun 2004. Ketidakstabilan kewangan dan politik ini mengurangkan keyakinan pelabur kepada sistem perbankan di Indonesia dan ini memberi kesan

kepada prestasi bank. Kadar pertumbuhan ekonomi yang tidak menentu ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menyiasat samada krisis tersebut memberi kesan kepada prestasi bank.

Akhir sekali, kajian ini juga melihat kepada kesan nisbah kewangan terhadap prestasi bank. Lima pembolehubah kewangan digunakan untuk mengukur prestasi. Lima pembolehubah tersebut ialah ekuiti kepada jumlah aset, pinjaman kepada jumlah aset, belanja operasi kepada jumlah aset, deposit kepada pinjaman dan jumlah aset.

6.1 Metodologi dan Hasil Kajian

Sampel yang digunakan terdiri daripada 74 bank yang merangkumi 56 bank swasta, 15 BPD dan tiga bank kerajaan pusat untuk tempoh 12 tahun daripada tahun 1995 hingga 2006, atau 888 data bank secara tahunan. Analisis data dilakukan dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah regresi kuasa dua terkecil (*ordinary least squares* atau OLS), kaedah “*generalized least squares*” (GLS), analisis penyampulan data (DEA) dan kaedah regresi tobit. Hasil awal menunjukkan kaedah regresi kuasa dua terkecil tidak sesuai digunakan kerana ia tidak memenuhi andaian heterokedastisiti. Oleh kerana andaian tersebut tidak dipenuhi maka analisis seterusnya dilakukan dengan menggunakan kaedah GLS. Di samping GLS, analisis data juga dilakukan dengan menggunakan kaedah kesan rawak.

Analisis “robust” dilakukan di mana data-data yang ekstrim diubah nilai samada dengan menggunakan pendekatan pemotongan 0.5 peratus atau kaedah pemotongan tiga sisihan piawai. Analisis data juga dilakukan untuk semua data dari tahun 1995 hingga 2006 dan kemudiannya dibahagikan kepada data semasa krisis kewangan (tahun 1997 hingga 1999) dan di luar tempoh krisis kewangan (tahun 1995,1996, 2000 hingga 2006). Analisis kaedah regresi tobit juga dilakukan untuk semua data kecekapan kos dari tahun 1995 hingga 2006 dan kemudian dilanjutkan kepada analisis tobit dan kesan rawak tobit.

Analisis kesemua data berdasarkan kaedah GLS mendapati bahawa ROA dipengaruhi secara signifikan oleh pembolehubah *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD) dan *dummy* krisis kewangan (DKRISIS). Sementara untuk ROE, hasil kajian mendapati bahawa ia dipengaruhi secara signifikan oleh pembolehubah *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD). Oleh kerana bank pembangunan daerah mempengaruhi ROA dan ROE secara positif, ini menunjukkan bahawa bank pembangunan daerah mengurus kewangan mereka dengan lebih cekap berbanding bank swasta. Satu penjelasan mengenai hasil kajian tersebut ialah bank pembangunan daerah mempunyai ‘*competitive advantage*’ di daerah masing-masing di mana bank tersebut lebih memahami tentang keperluan penduduk setempat. Hasil kajian ini adalah bertentangan dengan hasil kajian di negara-negara lain yang mendapati bahawa bank yang dimiliki oleh kerajaan mempunyai prestasi yang lebih rendah

berbanding bank swasta. Kesan krisis kewangan terhadap ROA adalah seperti jangkaan di mana semasa krisis prestasi bank adalah lebih rendah.

Hasil analisis DEA mendapati bahawa bank kerajaan adalah lebih cekap berbanding bank swasta atau bank pembangunan daerah. Hasil analisis regresi tobit mendapati bahawa kecekapan kos dipengaruhi secara signifikan hanya oleh pembolehubah *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN). Apabila pembolehubah yang tidak signifikan digugurkan satu persatu, kajian ini mendapati bahawa kecekapan kos dipengaruhi oleh pembolehubah *dummy* bank kerajaan (DKERAJAAN), *dummy* bank pembangunan daerah (DBPD) dan *dummy* jumlah ekuiti (DEKUITI).

Adapun status bank berdasarkan kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan urusan matawang asing, jumlah minimum ekuiti 100 bilion rupiah dan pertumbuhan ekonomi tidak mempengaruhi ROA dan ROE. Bagi pembolehubah kewangan, nisbah ekuiti kepada jumlah aset (EKUITI), nisbah belanja operasi kepada jumlah aset (KOS) dan jumlah aset (ASET) mempengaruhi kedua-dua ROA dan ROE manakala nisbah deposit kepada jumlah pinjaman (DEPOSIT) hanya mempengaruhi ROE. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank yang mempunyai nisbah ekuiti kepada jumlah aset yang lebih tinggi dan bersaiz besar mempunyai ROA dan ROE yang lebih tinggi.

Apabila tempoh kajian dibahagikan kepada semasa krisis kewangan (tahun 1997 hingga 1999) dan di luar tempoh krisis kewangan (tahun 1995,1996, 2000 hingga 2006), jumlah pembolehubah yang mempengaruhi prestasi, samada ROA atau ROE, juga berubah. Semasa krisis kewangan tujuh daripada sepuluh pembolehubah adalah signifikan apabila ROA digunakan sedangkan apabila ROE digunakan hanya satu pembolehubah sahaja yang signifikan. Krisis kewangan memberikan kesan yang lebih drastik terhadap ROE berbanding ROA. Ini mungkin disebabkan krisis kewangan yang teruk akan memberi kesan kepada kedua-dua pendapatan bersih dan jumlah ekuiti. Sebagai contoh, apabila ROE digunakan, 19 data bank terpaksa digugurkan kerana bank-bank tersebut mempunyai pendapatan bersih dan jumlah ekuiti yang negatif.

Semasa krisis kewangan bank kerajaan dan bank pembangunan daerah mempunyai ROA yang lebih baik berbanding bank swasta. Hasil kajian ini adalah unik kerana ia bercanggah dengan hasil kajian di negara-negara lain yang mendapati bahawa bank-bank milik kerajaan mempunyai kos agensi yang tinggi yang akan mempengaruhi prestasi secara negatif. Hasil kajian juga mendapati bahawa hanya semasa krisis sahaja ROA dipengaruhi secara negatif oleh jumlah minimum ekuiti 100 bilion rupiah. Ini menunjukkan bahawa bank yang mempunyai modal yang kecil akan lebih terjejas akibat kegawatan ekonomi dan seterusnya mempunyai prestasi yang lebih rendah. Untuk pembolehubah kewangan hanya DEPOSIT sahaja yang tidak

signifikan apabila ROA digunakan manakala semua pembolehubah kewangan tidak mempengaruhi prestasi apabila ROE digunakan.

Di luar tempoh krisis kewangan, bank pembangunan daerah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding bank swasta untuk kedua-dua ROA dan ROE. Adalah dijangkakan dalam keadaan ekonomi yang stabil prestasi bank swasta sekurang-kurangnya sama seperti prestasi bank pembangunan daerah kerana dalam keadaan ekonomi yang stabil, pelanggan tidak mempunyai kecenderungan untuk memilih mana-mana bank. Tambahan pula bank swasta mempunyai masalah agensi yang lebih rendah berbanding bank pembangunan daerah di mana bank swasta selalunya dimiliki oleh individu atau keluarga. Oleh itu individu atau keluarga tersebut akan berusaha sedaya upaya untuk mengurus bank-bank tersebut dengan sebaik mungkin kerana kekayaan mereka bergantung kepada prestasi bank-bank tersebut. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa bank pembangunan daerah mempunyai prestasi yang lebih baik.

Di luar tempoh krisis, hasil kajian menunjukkan bahawa status bank, jumlah minimum ekuiti 100 bilion rupiah dan pertumbuhan ekonomi tidak mempengaruhi ROA dan ROE. Hasil kajian apabila ROA digunakan mendapati bahawa bagi pembolehubah kewangan, keputusannya adalah sama seperti keputusan untuk kesemua sampel di mana hanya tiga pembolehubah yang signifikan iaitu EKUITI, KOS dan ASET. Bagi ROE pula, hanya EKUITI dan ASET sahaja yang signifikan.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini membuktikan bahawa di Indonesia, BPD mempunyai prestasi yang lebih baik, terutamanya apabila prestasi diukur dengan ROA dan kecekapan kos.

Analisis data juga dijalankan dengan menggunakan kaedah kesan rawak untuk menguji keputusan berdasarkan analisis GLS. Hasil kajian mendapati bahawa ROA dipengaruhi oleh bank pembangunan daerah, pertumbuhan ekonomi, nisbah ekuiti kepada jumlah aset, nisbah belanja operasi kepada jumlah aset dan nisbah deposit kepada jumlah pinjaman. Untuk ROE, hanya bank kerajaan, nisbah ekuiti kepada jumlah aset dan nisbah belanja operasi kepada jumlah aset yang mempengaruhi prestasi bank.

Untuk memastikan keputusan kajian tidak dipengaruhi oleh data yang ekstrim, maka kaedah pemotongan 0.5 peratus dan tiga sisihan piawai dilakukan. Analisis data berdasarkan kaedah pemotongan 0.5 peratus menunjukkan bahawa ROA dipengaruhi oleh bank pembangunan daerah, krisis kewangan, nisbah ekuiti kepada jumlah aset, nisbah belanja operasi kepada jumlah aset, dan jumlah aset. Keputusan ini adalah sama seperti keputusan apabila data tidak diubahsuai. Untuk ROE, prestasi dipengaruhi oleh bank pembangunan daerah, ekuiti 100 bilion rupiah, pertumbuhan ekonomi, nisbah ekuiti kepada jumlah aset, nisbah belanja operasi kepada jumlah aset

dan nisbah deposit kepada jumlah pinjaman. Terdapat enam pembolehubah yang signifikan berbanding dengan lima pembolehubah apabila data tidak diubahsuai.

Analisis menggunakan kaedah pemotongan tiga sisihan piawai pula mendapati bahawa ROA dipengaruhi oleh bank pembangunan daerah, nisbah ekuiti kepada jumlah aset, nisbah belanja operasi kepada jumlah aset dan jumlah aset. Sementara itu, ROE dipengaruhi oleh bank pembangunan daerah, ekuiti 100 bilion rupiah, pertumbuhan ekonomi, nisbah ekuiti kepada jumlah aset dan nisbah belanja operasi kepada jumlah aset.

Analisis-analisis di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pembolehubah yang mempengaruhi ROA dan ROE. Walau bagaimanapun hasil kajian dapat disimpulkan seperti berikut:

Pertama, kajian ini mendapati bahawa bank pembangunan daerah mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding bank swasta samada prestasi diukur dengan menggunakan ROA atau ROE. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, pemberian pinjaman hanya kepada kakitangan kerajaan tempatan dapat menstabilkan pendapatan bank kerana kakitangan kerajaan sangat sukar untuk diberhentikan. Kedua, bank pembangunan daerah mempunyai pengetahuan yang khusus tentang sesuatu daerah tersebut dan ini memudahkan mereka untuk menilai permohonan pinjaman daripada pelanggan dan mengenalpasti cadangan yang berdaya

maju. Ketiga, prestasi bank pembangunan daerah sentiasa diawasi oleh kerajaan tempatan. Oleh itu, walaupun pengurus tidak memegang apa-apa saham, mereka masih bekerja keras untuk memastikan kelangsungan dan keuntungan bank tersebut.

Apabila prestasi bank diukur dengan menggunakan kecekapan kos, hasil kajian juga mendapati prestasi bank pembangunan daerah lebih baik berbanding bank swasta. Ini mungkin disebabkan kos operasi bank pembangunan daerah lebih rendah dari bank swasta kerana BPD tidak perlu membayar faedah deposit kepada kerajaan tempatan dan gaji kakitangan yang lebih kecil.

Kedua, kajian menunjukkan bahawa bank kerajaan mempunyai ROA dan ROE yang lebih tinggi berbanding dengan bank swasta hanya semasa krisis kewangan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kepercayaan pelanggan terhadap bank kerajaan adalah lebih tinggi semasa berlakunya krisis kewangan. Selain dari itu, bank kerajaan masih mampu memberikan pinjaman kerana pengurus bank kerajaan sedar bahawa kerajaan tidak akan membiarkan bank-bank milik kerajaan muflis sedangkan pengurus bank swasta mungkin tidak mahu mengambil risiko dan menjadi lebih takut untuk menanggung risiko. Apabila kecekapan kos digunakan, didapati bahawa bank kerajaan adalah lebih cekap berbanding dengan bank swasta.

Ketiga, kajian ini mendapati bahawa status bank tidak mempengaruhi prestasi bank tidak kira dalam apa keadaan sekalipun; samada dilakukan pengubahsuaian terhadap

data ataupun tidak dan semasa krisis ataupun di luar masa krisis. Ini menunjukkan bahawa penawaran perkhidmatan urusniaga matawang asing seperti pindahan wang ke luar negara, jual beli matawang asing, cek kembara, pembayaran surat pinjaman dan perkhidmatan-perkhidmatan matawang asing lain tidak dapat meningkatkan keuntungan bank.

Keempat, hasil kajian menemukan bahawa ekuiti lebih dari 100 bilion rupiah hanya mempengaruhi ROA semasa krisis dan mempengaruhi ROE apabila data diubahsuai. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa bank yang mempunyai jumlah ekuiti yang lebih besar dari 100 bilion rupiah mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding bank yang mempunyai modal kurang dari 100 bilion rupiah. Apabila prestasi bank diukur dengan menggunakan kecekapan kos, hasil kajian juga mendapati bank yang mempunyai jumlah ekuiti yang lebih besar dari 100 bilion rupiah mempunyai kecekapan kos yang lebih tinggi berbanding bank yang mempunyai modal kurang dari 100 bilion rupiah. Oleh itu kajian ini telah membuktikan bahawa tindakan kerajaan Indonesia untuk mewajibkan bank mempunyai modal minimum 100 bilion rupiah adalah tindakan yang tepat.

